

Laporan Tahunan
Universiti Sains Malaysia



UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA

2010

Memperkukuhkan Asas

Pusat Penyelidikan
Jabatan Bendahari Pusat Pentadbiran Sains
Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan
Pusat Pengajian Desasiswa Hibrid Kesihatan Sastera
Warga Sejahtera Pusat Perkhidmatan Jabatan Pendaftar
Jabatan Canselori Pusat Akademik Universiti Dalam Taman
Kampus Sejahtera

KANDUNGAN

Misi	2	Kampus Kesihatan	19	Laporan Kewangan	108
Visi	2	Kampus Kejuruteraan	25	Statistik Kewangan	110
Sejarah	3	Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa	29	Penyata Kewangan	117
Penaung Diraja Universiti APEX	5	Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar	33	Perangkaan USM	166
Canselor	6	Penyelidikan dan Inovasi	41	Sidang Editor	168
Pro Canselor	7	Jaringan Industri dan Masyarakat	49		
Lembaga Pengarah Universiti	8	Jabatan Pendaftar	59		
Pengurusan Tertinggi Universiti	9	Jabatan Bendahari	71		
Organogram dan Senarai Pusat Pengajian	10	Perpustakaan	75		
Laporan Naib Canselor	15	Jabatan Pembangunan	83		
		Penerbit USM	87		
		Pusat Sejahtera	93		
		Bahagian Pembangunan	99		
		Lestari dan Korporat			

Misi

USM merupakan universiti perintis, intensif penyelidikan rentas bidang yang memperkasakan bakat masa depan dan mengupayakan golongan terke bawah demi mentransformasi kesejahteraan sosioekonomi mereka

Visi

Transformasi Pendidikan Tinggi
Untuk Kelestarian Hari Esok



SEJARAH USM

Penubuhan Universiti Sains Malaysia (USM) bermula pada tahun 1962 apabila resolusi yang mencadangkan agar sebuah kolej universiti ditubuhkan di negeri Pulau Pinang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu, sebidang tanah terletak di Sungai Ara telah diperuntukkan untuk merealisasikan cadangan tersebut. Pada 7 Ogos 1967, Perdana Menteri Malaysia Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah merasmikan Perletakan Batu Asas untuk penubuhan universiti tersebut.

Pada 4 Oktober 1971, Universiti Pulau Pinang ditubuhkan secara rasminya universiti diluluskan melalui Perintah Perbadanan yang ditandatangani oleh Menteri Pelajaran ketika itu, Hussein Onn. Pada tahun tersebut juga, USM berpindah ke Minden. Selaras dengan penubuhan Universiti Pulau Pinang, Profesor Hamzah Sendut dilantik secara rasmi sebagai Naib Canselor pertama bagi menerajui Universiti Pulau Pinang. Pada 22 April 1972, Universiti Pulau Pinang ditukar nama kepada Universiti Sains Malaysia (USM). Sehingga 2010, USM telah diterajui oleh lima Naib Canselor.


Pada Februari 1983, USM melebarkan sayap dengan membuka kampus Kesihatan di Kubang Kerian, Kelantan. Manakala kampus kejuruteraan yang bermula di Ipoh, Perak pada tahun 1986, berpindah ke Seri Iskandar, Tronoh, Perak pada 1989, dan kemudiannya ke Nibong Tebal, Pulau Pinang pada 2001.

Bermula dengan pengambilan pertama seramai 57 orang pelajar bidang sains, USM terus membangun dengan pesatnya. Sejak awal penubuhannya, USM mengamalkan sistem pusat pengajian yang berbeza dengan sistem fakulti. Sistem pusat pengajian adalah unik kerana ia membolehkan setiap pusat pengajian memberi fokus kepada keperluan bidang pengajian tertentu, di samping memberi

peluang pelajar meneroka kursus yang ditawarkan oleh pusat pengajian lain, dan berpegang kepada falsafah pengajian tinggi yang bersifat interdisiplin bagi menghasilkan graduan yang mempunyai kemahiran di dalam berbagai bidang. Sehingga 2010, USM mempunyai 17 Pusat Pengajian yang menawarkan pelbagai kursus pada peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Siswazah dan telah melahirkan lebih daripada 100,000 graduan.

Sejak penubuhannya, USM telah mencapai pelbagai kejayaan. Pada 2005, USM diiktiraf sebagai salah satu daripada tujuh buah Pusat Pendidikan Serantau untuk Pendidikan bagi Pembangunan Lestari (EfSD) di dunia oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. USM diiktiraf sebagai 'Universiti Berintensifkan Penyelidikan' pada 11 Oktober 2006. Pada 3 September 2008 pula, USM telah diamanahkan untuk menjayakan program Pemacuan Untuk Kecemerlangan (APEX) yang bertemakan "Transformasi Pengajian Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok" oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Seterusnya pada 13 Mei 2009 *The Malaysian Books of Records* mengiktiraf USM sebagai universiti pertama berstatus APEX.





**SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-WATHIQU BILLAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN
IBNI AL-MARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH**

D.K.M., D.K.T., D.K.R., D.M.N., S.U.M.Z., S.S.M.T., S.P.M.T., D.K. (PERLIS),
D.K. (JOHOR), D.K.M.B. (BRUNEI), D.K. (PERAK), D.K. (NEGERI SEMBILAN),
D.K. (KEDAH), D.K. (KELANTAN), D.K. (SELANGOR),
S.P.M.J., COMMANDEUR DE LA LEGION DE HONNEUR (FRANCE)



CANSELOR



D.Y.M.M. TUANKU SYED SIRAJUDDIN IBNI AL-MARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL

D.K.P., D.K., S.S.P.J., D.K.M., D.M.N., D.K. (PERAK), D.K. (NEGERI SEMBILAN), D.K. (KEDAH),
D.K. (KELANTAN), D.K.M.B. (BRUNEI), D.K. (SELANGOR), D.K. (PAHANG), D.K. (TERENGGANU),
S.P.M.J., S.P.C.M., S.S.M.T., GRAND ORDER OF KING TOMISLAV (CROATIA),
GRAND COLLIER DE L'INDEPENDENCE (GRAND MEDAL OF THE INDEPENDENCE) - CAMBODIA,
GRAND CROIX DE CORDINE (ITALY), DECORATION OF Omayad - THE FINEST DECORATION (SYRIA),
KNIGHT OF THE ROYAL ORDER OF THE SERAPHIM (SWEDEN),
GRAND CORDON OF THE ORDER OF THE SACRED TREASURE (JAPAN)





TAN SRI DATO' DR. LIN SEE-YAN

(Sehingga 24 Februari 2010)

P.S.M., D.P.M.P., D.S.A.P., J.M.N., J.S.M., A.M.N., B.A., B.A.(HONS.),
M.P.A. (FINANCE), M.A. (ECONS), PH.D. (ECONS), C.STAT. (LONDON),
F.R.S.S. (LONDON), F.I.B.M., F.M.I.I.(HON), F.M.I.M., F.M.E.A.,
HON.PH.D (ECONS), EISENHOWER FELLOW



TAN SRI RAZALI ISMAIL

P.S.M., D.S.D.K., J.S.M., B.A.(HONS), HON. LL.D. (U.K.M.),
HON. LL.D. (U.S.M.)

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
PROFESOR EMERITUS DATO' DR. M. ZAWAWI ISMAIL

D.P.S.K., K.M.N., B.Sc., Ph.D. (Leeds), Hon.D.Eng. (Leeds),
Hon.PhD. (U.K.M.), Hon.D.Eng. (O.U.M.),
FASc.FIPM, MIEM, PEng.




Naib Canselor
2. PROFESOR TAN SRI DATO' DZULKIFLI ABDUL RAZAK



Dua Orang Yang Mewakili Kerajaan
3. TAN SRI DR. ZULKEFLI A. HASSAN
4. ENCIK MOHD ESA ABD MANAF



Mewakili Masyarakat Tempatan
5. DATO' JAMALUDIN HASAN



Lantikan Menteri Pengajian Tinggi
6. TAN SRI DATUK MUSTAFA MANSUR
7. DATUK ABDULLAH ABDUL WAHAB



Setiausaha Lembaga Pengarah Universiti
8. ENCIK AZMAN ABDULLAH (Sehingga November 2010)

PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI



1 **Naib Canselor**
PROFESOR TAN SRI DATO' DZULKIFLI ABDUL RAZAK

2 **Timbalan Naib Canselor**
(Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
PROFESOR AHMAD SHUKRI MUSTAPA KAMAL

3 **Timbalan Naib Canselor**
(Bahagian Penyelidikan dan Inovasi)
PROFESOR ASMA ISMAIL

4 **Timbalan Naib Canselor**
(Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar)
PROFESOR DATO' OMAR OSMAN

5 **Timbalan Naib Canselor**
(Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat)
PROFESOR LIM KOON ONG

6 **Pengarah, Kampus Kesihatan**
PROFESOR DATO' DR. MAFAUZY MOHAMED

7 **Pengarah, Kampus Kejuruteraan**
PROFESOR ABD. AZIZ TAJUDDIN


8 **Pengarah, Jabatan Pembangunan**
IR. HJ. MOHAMAD SOFIAN AHMAD

9 **Pendaftar**
ENCIK AZMAN ABDULLAH

10 **Bendahari**
PUAN HAJAH SALMIAH CHE PUTEH

11 **Ketua Pustakawan**
ENCIK MOHD PISOL GHADZALI

ORGANOGRAM PENGURUSAN UNIVERSITI



Pusat Pengajian

Kampus Induk Pulau Pinang

HIBRID

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Pusat Pengajian Jarak Jauh
Pusat Pengajian Pengurusan
Pusat Pengajian Perumahan,
Bangunan dan Perancangan
Pusat Pengajian Teknologi Industri

SASTERA

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan
Terjemahan
Pusat Pengajian Komunikasi
Pusat Pengajian Seni
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

SAINS

Pusat Pengajian Sains Farmasi
Pusat Pengajian Sains Biologi
Pusat Pengajian Sains Kimia
Pusat Pengajian Sains Komputer
Pusat Pengajian Matematik
Pusat Pengajian Fizik

Kampus Kejuruteraan Seri Ampangan

KEJURUTERAAN

Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik
dan Elektronik
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan
dan Sumber Mineral
Pusat Pengajian Kejuruteraan
Aeroangkasa
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia
Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanikal

Kampus Kesihatan Kubang Kerian

KESIHATAN

Pusat Pengajian Sains Kesihatan
Pusat Pengajian Sains Pergigian
Pusat Pengajian Sains Perubatan

Pusat Pentadbiran

JABATAN CANSELORI

Bahagian Hal Ehwal Akademik dan
Antarabangsa
Bahagian Penyelidikan dan Inovasi
Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar
Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat
Bahagian Pembangunan Lestari dan Korporat
Unit Audit Dalam
Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Universiti
Pejabat Perundangan

JABATAN PENDAFTAR

JABATAN BENDAHARI

Pusat Akademik

Institut Pengajian Siswazah

Pusat Kecemerlangan

Institut Farmaseutikal dan Nutrasetikal Malaysia
Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju
Pelantar Penyelidikan Bio-Perubatan dan Sains Kesihatan
Pelantar Penyelidikan Sains Fundamental
Pelantar Penyelidikan Kejuruteraan dan Teknologi / Unit
Inovasi dan Pembangunan Teknologi Kejuruteraan
Pelantar Penyelidikan Sains Hayat
Pelantar Penyelidikan Sains Klinikal
Pelantar Penyelidikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Pelantar Penyelidikan Transformasi Sosial
Pusat Genom Manusia (Pusat Vital)
Pusat IPv6 Termaju Negara (NAV6)
Pusat Kawalan Doping
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Pusat Kajian Samudera dan Pantai (CEMACS)
Pusat Pendidikan dan Latihan Tenaga Diperbaharui dan
Kecekapan Tenaga (CETREE)
Pusat Penyelidikan Arkeologi Global
Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa

Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan
Saliran Bandar
Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita
Pusat Racun Negara
Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-Ubatan
Pusat Kelestarian Global
Pusat Biologi Kimia
Pusat Rekabentuk Mikroelektronik Negara
(CEDEC)
Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia
Sekretariat Falsafah dan Sains Islam (SEFSI)
Sekretariat Kampus Sejahtera
Unit Penyelidikan dan Pendidikan untuk
Perdamaian (REPUSM)
Unit Penyelidikan Haiwan Makmal
Unit Penyelidikan Ilmu Falak dan Sains Atmosfera
Unit Penyelidikan Kawalan Vektor
Unit Penyelidikan Pendidikan Asas (UPPA)
Unit Terjemahan Melalui Komputer

Pusat Perkhidmatan

Penerbit USM
Perpustakaan
Pusat Pengetahuan, Komunikasi
dan Teknologi
Pusat Islam
Pusat Rancangan Kokurikulum
Jabatan Keselamatan
Jabatan Pembangunan
Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah
Unit Penasihat Pembinaan
Pelajar
Unit Kaunseling
Pusat Sejahtera

KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB



KAMPUS INDUK

KETUA | Jabatan Perkhidmatan Pentadbiran

Jabatan Pendaftar	Encik Azman Abdullah
Jabatan Bendahari	Puan Hajah Salmiah Che Puteh
Perpustakaan	Encik Mohd Pisol Ghadzali
Penerbit USM	Profesor Dato' Md. Salleh Yaapar
Jabatan Pembangunan	Ir. Hj. Mohamad Sofian Ahmad
Jabatan Keselamatan	Mejar (Bersara) Mohamad Fadzil Ibrahim
Bahagian Pembangunan Lestari dan Korporat	Profesor Muhamad Jantan
Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi	Encik Zulham Hamdan
Pusat Sejahtera	Dr. Nurulain Abdullah Bayanuddin
Pusat Islam	Profesor Madya Nasirun Hj. Mohd. Salleh
Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah	Profesor Madya Hasnul Jamal Saidon

DEKAN | Pusat Pengajian / Pelantar

- Pusat Pengajian Sains Farmasi
Profesor Madya Syed Azhar Syed Sulaiman
- Pusat Pengajian Sains Fizik
Profesor Zainuriah Hassan
- Pusat Pengajian Sains Kajihayat
Profesor Abu Hassan Ahmad
- Pusat Pengajian Teknologi Industri
Profesor Rozman Hj. Din
- Pusat Pengajian Sains Kimia
Profesor Wan Ahmad Kamil Mahmood
- Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Dato' Profesor Abu Talib Ahmad
- Pusat Pengajian Komunikasi
Profesor Madya Adnan Hussein
- Pusat Pengajian Sains Matematik
Profesor Madya Ahmad Izani Md Ismail
- Pusat Pengajian Sains Komputer
Profesor Rosni Abdullah @ Mustafa
- Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Profesor Madya Ismail Baba
- Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan
Profesor Ir. Mahyuddin Ramli
- Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Profesor Abdul Rashid Mohamed
- Pusat Pengajian Pengurusan
Profesor Madya Dato' Ishak Ismail
- Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Profesor Madya Habibah Hj. Lateh
- Pusat Pengajian Seni
Profesor Madya A. Rahman Haji Mohamed
- Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan
Profesor Ambigapathy a/I Pandian
- Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan
Profesor Datin Hasnah Haron

- Pelantar Penyelidikan Transformasi Sosial
Profesor Badaruddin Mohamed
- Pelantar Penyelidikan Sains Hayat
Profesor Mohd. Nazalan Mohd. Najimuddin
- Pelantar Penyelidikan Sains Fundamental
Profesor Abdul Latif Ahmad
- Pelantar Penyelidikan Sains Klinikal
Profesor Nor Hayati Othman
- Pelantar Penyelidikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Profesor Madya Bahari Belaton
- Pelantar Penyelidikan Bioperubatan dan Kesihatan
Profesor Syed Mohsin Syed Sahil Jamalullail
- Pelantar Penyelidikan Kejuruteraan dan Teknologi
Profesor Zainal Ariffin Mohd. Ishak
- Institut Pengajian Siswazah
Profesor Roshada Hashim

PENYELARAS | Unit

- Unit Penyelidikan Kawalan Vektor
Profesor Madya Zairi Jaal
- Unit Penyelidikan dan Pendidikan untuk Perdamaian
Profesor Madya Kamarulzaman Askandar
- Unit Penasihat dan Pembangunan Pelajar
Tn. Hj. Ahmad Moghni Salbani @ Hj. Abd. Jalil
- Unit Penyelidikan Ilmu Falak dan Sains Atmosfera
Profesor Madya Nasirun Mohd. Salleh
- Unit Penyelidikan Pendidikan Asas
Profesor Madya Hashimah Mohd. Yunus
- Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti
Encik Mohammad Zaip Ahmad
- Kampus Sejahtera
Profesor Madya Lee Lik Meng
- Pusat Kepakaran Serantau
Dr. Zainal Abidin Sanusi
- Sekretariat Falsafah dan Sains Islam
Dr. Muhammad Azizan Sabjan

PENGARAH | Pusat Perkhidmatan Akademik

- Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia
Profesor Madya Merza Abbas

PENGARAH | Penyelidikan / Kecemerlangan

- Pusat IPv6 Termaju Negara (NAV6)
Profesor Sureswaran Ramadass
- Pusat Racun Negara
Profesor Madya Razak Haji Lajis
- Pusat Kawalan Doping
Profesor Aishah Abdul Latiff
- Pusat Kajian Samudera dan Pantai
Dr. Khairun Yahya
- Pusat Penyelidikan Arkeologi Global
Profesor Madya Mokhtar Saidin
- Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-Ubatan
Profesor Madya Abas Haji Hussin
- Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa
Profesor Madya Mohd. Azhari Abdul Karim
- Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita
Profesor Datin Rashidah Shuib
- Pusat Pendidikan, Latihan dan Penyelidikan Tenaga Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga
Profesor Madya Haslan Abu Hassan
- Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara
Profesor Morshidi Sirat
- Institut Farmaseutikal dan Nutrasetikal Malaysia
Profesor Dato' Dr. Mohamed Isa Abdul Majid
- Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Profesor Muhammad Syukri Salleh
- Institut Perubatan dan Pergigian Termaju
Dr. Haji Ramli Saad

KAMPUS KEJURUTERAAN

PENGARAH | Kampus

Profesor Abd Aziz Tajuddin



DEKAN | Pusat Pengajian

- Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
Profesor Mohd. Zaid Abdullah
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral
Profesor Ahmad Fauzi Mohd Noor
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanikal
Profesor Madya Zaidi Mohd. Ripin
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam
Profesor Hamidi Abdul Aziz
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia
Profesor Azlina Harun @ Kamaruddin
- Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa
Profesor Madya Zaidi Mohd. Ripin

PENGARAH | Pusat Penyelidikan / Kecemerlangan

- Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar
Profesor Nor Azazi Zakaria
- Pusat Rekabentuk Mikroelektronik Negara
Profesor Madya Othman Sidek

PENYELARAS | Unit

- Unit Inovasi dan Pembangunan Teknologi Kejuruteraan
Profesor Zainal Ariffin Mohd. Ishak
- Unit Pembangunan Industri
Tuan Besar Tuan Shariff

KAMPUS KESIHATAN

PENGARAH | Kampus

Profesor Dato' Dr. Mafauzy Mohamed

PENGARAH | Hospital USM

Dato' Dr. Zaidun Kamari

DEKAN | Pusat Pengajian

- Pusat Pengajian Sains Perubatan
Profesor Abdul Aziz Baba
- Pusat Pengajian Sains Pergigian
Profesor Madya Dr. Ab. Rashid Haji Ismail
- Pusat Pengajian Sains Kesihatan
Profesor Dr. Ahmad Haji Zakaria

PENGARAH | Institut / Pusat Penyelidikan

- Institut Penyelidikan dan Perubatan Molekul
Profesor Rusli Ismail
- Pusat Genom Manusia (Pusat Virtual)
Profesor Madya Dr. Gan Siew Hwa

PENYELARAS | Unit

- Unit Kemudahan Akademik dan Sokongan Teknikal
Dr. Md. Salzihan Md. Salleh
- Unit Penyelidikan Haiwan Makmal
Dr. Rumaizi Shaari

A decorative grid pattern consisting of a series of overlapping squares and diamonds, creating a textured background for the lower half of the page.

LAPORAN NAIB CANSOLOR



LAPORAN NAIB CANSOLOR

MEMPERKUKUKKAN ASAS

PENGENALAN

Pada tahun 2010, Universiti Sains Malaysia (USM) memasuki tahun kedua Program Pemacu untuk Kecemerlangan (APEX). Justeru, tumpuan diberikan kepada usaha memperkukuhkan asas untuk memastikan USM berada pada landasan sewajarnya dalam melakukan Transformasi untuk Kelestarian Hari Esok yang menjadi nadi utama sasaran pencapaiannya pada tahun 2013.

Usaha bukan sahaja dibuat untuk mencapai KPI, tetapi juga hal-hal yang tidak dapat diukur melalui angka-angka, iaitu yang menjurus kepada KIP (Key Intangible Performance). Usaha ini perlu dipupuk dan berjalan seiring demi membangunkan landasan yang kukuh bagi USM. Ini termasuklah menyemai nilai-nilai dan kualiti kerja yang tinggi berasaskan keikhlasan, kerja berpasukan, melipatgandakan tekad terhadap pencapaian 7 teras APEX, beretika dan bertanggungjawab, menjalin penglibatan universiti dengan masyarakat termasuk pihak industri, dan memastikan kesejahteraan warga kampus tanpa mengira kedudukan mahu pun kelayakan dengan sebaik mungkin.

PENCAPAIAN

Pencapaian USM membina inovasi melalui penemuan-penemuan pertama di dunia (world's first) sebagai satu strategi

lautan biru adalah selaras dengan matlamat APEX. Sehingga 2010 USM telah melakar pelbagai kejayaan manis termasuk tujuh penemuan penting dalam kajian sains yang memberi impak kepada dunia secara keseluruhan. Antaranya ialah kejayaan Pusat Biologi Kimia (CCB@USM) dalam melengkapkan draf genom jut yang pertama di dunia dan mempelopori usaha merungkai genom getah. Ia diikuti penemuan pengkaji Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) terhadap penempatan tertua di dunia yang bakal merubah teori *Out-of-Africa* dan perpindahan manusia, selain berjaya menemui monumen kuno di Sungai Batu, Kedah yang dikenalpasti sebagai tertua di Asia Tenggara, mendahului Borobodur dan Angkor.

Saintis USM juga telah membuat penemuan pertama di dunia iaitu mengekstrak kolagen halal daripada kulit biri-biri. Seterusnya, USM bersama Finlay Institute of Cuba menjalin kerjasama erat dalam membangunkan vaksin meningokokal halal pertama dunia yang mampu memberi manfaat luas kepada masyarakat sejagat, khasnya kepada para jemaah Haji dan Umrah.

Usaha USM mengkomersialkan produk-produk penyelidikannya mula menampakkan hasil pada tahun 2010. Sejumlah tujuh produk penyelidikan telah berjaya dikomersialkan hasil kerjasama erat dengan pihak industri. Kejayaan-kejayaan itu menjadi teras USM mencorak masa depan universiti-universiti di negara ini, sekaligus membuktikan bahawa fungsi universiti bukan hanya untuk menepati kriteria ilmiah semata-mata, bahkan berupaya yang memanfaatkan komuniti dunia, baik dari aspek nilai hidup mahupun pembangunan ekonomi.

Dari aspek KIP yang ketika ini berlegar di kelompok akademia dan pentadbiran sahaja, para pelajar USM juga turut memberi sumbangan insaniah yang signifikan dalam pelbagai lapangan dengan mengungguli dan menjuarai pertandingan baik di persada tempatan mahupun global.

Antara kenangan manis yang diukir pelajar termasuk memenangi pertandingan berprestij seperti SOI Asia Business Plan Contest 2010, World Imagine Cup anjuran Microsoft, Kuiz Pemodalan Nasional Berhad dan mengutip koleksi pingat emas dalam pelbagai pentas pertandingan penyelidikan termasuk yang tersohor, British Invention Show (BIS) 2010 di London.

PERISTIWA

Pada tahun 2010 juga, USM mengamalkan konsep "pintu terbuka" dalam pengurusan hal-ehwal manusia termasuk siswa-siswi, dan memberi autonomi di beberapa peringkat pengurusan universiti. Ini termasuklah merasmikan penubuhan Parlimen Mahasiswa pertama di negara ini.

USM juga berusaha mendampingi diri dengan masyarakat sebagai satu aliran perdana dalam menimba ilmu. Program seperti Pimpin Siswa dan Dasar Keusahawanan Siswa jelas menggambarkan antara usaha yang dilakukan. Selain itu, program kemasyarakatan seperti kelas tambahan untuk anak-anak di Merbuk dan kegiatan yang dilakukan melalui Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat yang dipelopori oleh alumni dan staf USM jelas menggambarkan usaha ini.

Usaha USM untuk meluaskan lagi tawaran ijazahnya diluar negara diteruskan bagi meningkatkan lagi misi

pengantarabangsaannya. Ini termasuklah kerjasama USM menawarkan pengajian Sains Perubatan secara pesisir di Belgaum, India; dan perancangan membuka kampus baru yang menawarkan program ijazah pertama di luar Pulau Pinang.

Di samping itu, USM kini berusaha untuk melibatkan lebih ramai warga alumni dalam usaha mencapai misi APEX. Hal ini termasuk dalam usaha meningkatkan daya kecekapan pentadbiran melalui bengkel-bengkel yang diadakan dengan penyertaan para alumni. Amalan memupuk budaya dan jati diri intelek yang tulen berlainan dengan budaya korporat dan birokrat juga diteruskan melalui perubahan set minda warga universiti. Ini termasuklah mementingkan nilai keserakanan, keterangkuman dan kolaborasi yang erat. Usaha-usaha seperti pengelolaan persidangan dan wacana ilmu seperti *The GSB Grand Scholarly Debate* dan persidangan-persidangan utama lain oleh pelajar terus diperkenal dan diperkukuhkan.

USM juga mempelopori sebuah syarikat yang dinamakan Innovation Exchange (IXC) Malaysia, yang bertujuan menggembeleng semua inovasi yang dicipta bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia. IXC turut menjadi usaha USM dalam membantu meningkatkan ekonomi negara berasaskan pemasaran ciptaan inovasi dengan cara menyepadukan segala dapatan yang ada untuk memajukan inovasi.

Satu lagi usaha USM yang signifikan dalam mencorak universiti masa depan adalah dalam membangunkan projek taman sains, seni dan sastera iaitu *Science and Arts Innovation Space* atau ringkasnya *sains@usm*. Pembangunan *sains@usm* berkonsepkan serta menepati ciri-ciri kelestarian yang merangkumi banyak

aspek dari segi ekonomi, masyarakat dan juga ekologi, sekaligus mengimbangi penyelidikan dalam bidang sains dan sastera.

USM turut memperluaskan kerjasama strategik di peringkat antarabangsa apabila bersetuju menjadi rakan kongsi dalam menawarkan kursus perubatan mengikut kurikulum USM dengan Karnataka Linggat Education (KLE) Society di Selatan Maharashtra, India. Dibawah program tersebut, pelajar di negara ini yang berminat mengikuti pengajian bidang perubatan boleh melanjutkan pengajian di sana dengan jaminan persekitaran pembelajaran lebih baik di sebuah kompleks akademik yang baru dan canggih, dilengkapi dengan dewan kuliah, makmal, bilik tutorial dan perpustakaan moden, selain mempunyai lebih 40 pensyarah berkelayakan. Peristiwa dan kejayaan tersebut antara yang menjadi faktor menyumbang dalam pembangunan universiti khususnya dalam membuat pendakian untuk merealisasikan harapan untuk menyaksikan USM sebagai sebuah Universiti APEX.

Senario perancangan USM adalah satu langkah yang bijak dan menjana transformasi kerana prospek masa depan universiti berkisar kepada mencernakan idea-idea serta pemikiran baru. Idea-dea serta pemikiran ini akan dapat mencetuskan paradigma dan rangka susunan yang juga baru. Ia disusul pula dengan inisiatif dalam menggunakan konsep *Blue Ocean Strategy* (BOS) untuk dilaksanakan dalam mentransformasi universiti. Beberapa siri bengkel telah diadakan untuk menyemai kecekapan penguasaan teknik-teknik dalam BOS ini.

Selain itu, USM terus menerapkan konsep-konsep utama seperti “kesejahteraan,” “kelestarian” dan “golongan keterbawah (the bottom billions)” agar dapat memugar keselarasan


set minta dikalangan warga USM bagi mencapai misi APEX. Universiti juga berusaha mewujudkan persekitaran yang berupaya menggembeleng suasana baru dalam sistem pengurusan sebagai satu mekanisme yang dapat meningkatkan perkongsian dapatan universiti kepada masyarakat. Ini juga meliputi usaha-usaha dalam penyelidikan, perundingan, pengetahuan dan inovasi, pengajian pasca ijazah, pengurusan bakat dan sebagainya.

Semua ini berjaya dilakukan melalui pendekatan berpasukan merentas perkhidmatan dan kelayakan. Usaha ini memberi kekuatan dalam menentukan pencapaian KPI serta memupuk KIP di USM.

Amalan rentas bidang (disiplin) untuk memperkukuhkan misi APEX adalah satu pendekatan yang penting lagi strategik seperti mana yang dinyatakan dengan jelas dalam misi Universiti.

Kita yakin bahawa landasan yang dibina sejak dua tahun lalu yang memungkinkan USM menyempurnakan fasa kedua PSPTN KPT untuk menyampaikan kecemerlangan atau “*delivering excellence*” akan dapat dinikmati mulai 2011.

Akhir kata ucapan terima kasih dan pengiktirafan buat mereka yang secara jujur dan ikhlas bersama meletakkan harapan yang tinggi kepada perjuangan pendidikan APEX ini. Semoga semua ini akan mendapat restu, keberkatan, dan kerahmatan supaya kita akan dapat meneruskan perjuangan ini sebagai salah satu amanah yang tiada tolok bandingnya, malah berupaya untuk mengubah lanskap pengajian tinggi negara dan dunia keseluruhannya.



halaman ini sengaja dibiarkan kosong




KAMPUS KESIHATAN

KAMPUS KESIHATAN

Sejarah

Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia ditubuhkan pada bulan Ogos 1983. Ia terdiri daripada sebuah hospital pengajar, iaitu Hospital Universiti Sains Malaysia dan tiga buah pusat pengajian, iaitu Pusat Pengajian Sains Perubatan, Pusat Pengajian Sains Pergigian, Pusat Pengajian Sains Kesihatan dan pelbagai jabatan/unit yang lain.

Carta Organisasi



Aktiviti/Pencapaian

Pelbagai aktiviti rutin dan perancangan yang disusun sepanjang tahun 2010 telah dilaksanakan dengan jayanya oleh pusat-pusat tanggungjawab (PTJ) di Kampus Kesihatan. Aktiviti-aktiviti ini dilaksanakan berdasarkan sasaran KPI/KIP masing-masing dengan pelan dan strategi yang dirangka dengan teliti demi mencapai aspirasi universiti di bawah Program Pemacuan Kecemerlangan (APEX). Antara aktiviti utama dan perancangan PTJ yang dapat memperkukuhkan lagi pembangunan asas dan fizikal di Kampus Kesihatan adalah:

Aktiviti/Pencapaian Berteraskan Akademik

Pelbagai aktiviti bagi memantapkan program akademik seperti penyelidikan, perundingan, penerbitan dan lain-lain aktiviti yang bercorak ilmiah telah dilaksanakan sepanjang tahun 2010.

a) Penyertaan dalam Seminar/Bengkel/Pembentangan dan lain-lain

Pada tahun 2010 pelbagai anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang telah dicapai oleh pelajar/staf kampus kesihatan melalui penyertaan dan pembentangan kertas kerja, antaranya adalah seperti berikut:

1. Anugerah Pingat Emas: MTE 2010. Tajuk: *KeLFI Aesthetic Anterior Nanocomposite*
2. Anugerah Pingat Emas: I-NOVA 2010. Tajuk: *Ca-Cleanse: Herbal Mouthwash for Oral Cancer Preventions*
3. *Seoul International Invention Fair – Nanoseal Plus*

4. *1st Prize - 57th Annual World Congress of IADS and YDW*
5. *1st Prize - 37th APDSA Congress*
6. *8th Student Scientific Conference: 1st Prize (Oral Presentation), 3rd Prize (Oral Presentation), 2nd Prize (Poster Presentation)*
7. Anugerah Pingat Emas: BIOMALAYSIA 2010. Tajuk: *Ez Cholera Genostick: A Rapid Molecular Test Kit for The Detection of Vibrio Cholerae*
8. Anugerah Pingat Perak: *International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX 2010)*. Tajuk: *EzGenostick: A Rapid Universal Kit for PCR Amplicon Detection*
9. Anugerah Pingat Perak: BIOMALAYSIA 2010. Tajuk: *Manja Project*
10. Anugerah Pingat Perak: *Seoul International Invention Fair (SIIF2010)*. Tajuk: *Cornsilks Powder: An Alternative Healthy Food Ingredient*
11. Anugerah Pingat Perak: BIOMALAYSIA 2010. Tajuk: *Nutri-Mush Patty*
12. *NIHN Fellowship Program for Asian Researchers 2010–2011: Japan Ministry of Health, Labour and Welfare, Japan*. Tajuk: *Epidemiology Statistical Analyses of Metabolic Syndrome Risk in the Working Adults in Kyushu, Japan*
13. *Cash prize SGD\$5,000: Healthy Ageing Conference 2010*. Tajuk: *Burden of informal caregiving in dementia: A cross national comparison*
14. *AGD Prize Winner: Profile of Organisms Isolated From Blood Cultures in Neonatal Intensive Care Unit and Their Resistance Pattern*
15. Dianugerahkan “Best Oral Presenter” kategori *Biotechnology and Bioinformatics*. *9th International Annual Symposium on Sustainability Sciences and Management*. 8–11 Mei 2010

16. INFORMM menerima anugerah sebagai Pusat Kecemerlangan (HiCoE) daripada Perdana Menteri dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
17. *ISTIC-TWAS Entrepreneurship Award 2010 (First Prize) by ISTIC (International Science, Technology and Innovation Centre for South-South Cooperation) and TWAS (Academy of Science for the Developing World)*
18. *TWAS AWARD – Elected as Fellow in the Field of Medicine and Health Sciences (The Academy of Sciences for the Developing World) General Meeting in Hyderabad, India*
19. *Outstanding Poster Presentation – Certificate of Merit to A. TOREY AND S, SASIDHARAN. (2010). Anti-Candida Biofilm Activity of Cassia spectabilis Methanol Leaf Extract. The First Kamphaengsaen International Natural Products Symposium: The Relationship Between Living Organism and Environment. (Poster)*
20. *Asian Youth Fellowship (AYF)*

b) Penerbitan

Kampus Kesihatan terlibat aktif dalam aktiviti penerbitan ilmiah sama ada dalam penerbitan jurnal, buku, abstrak, prosiding dan majalah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Memperkuhkan Aspek Jaringan Industri dan Masyarakat

a. Mengalakkan Aktiviti-aktiviti Perundingan

Kampus Kesihatan giat menjalankan perkongsian kepakaran dengan agensi luar di dalam dan luar negara melalui kerja-kerja perundingan merentasi pelbagai bidang dan pengkhususan.

b. Khidmat Masyarakat/Jalinan Luar

Staf dan pelajar Kampus Kesihatan juga terlibat dengan pelbagai aktiviti berbentuk akademik dan khidmat masyarakat sama ada dari dalam atau luar Negara. Aktiviti-aktiviti ini berbentuk penyelidikan/perkhidmatan, sebagai contoh dalam bidang Oral Maxillofacial Surgery, Prosthodontics, Conservative Dentistry, Periodontics, Paediatrics Dentistry & Community Oral Health (Dental Public Health), projek 'Low Cost Dumbbell Exercise for Bottom Billion Workshop, Program ke arah Masyarakat Penyayang Lestari dalam kalangan pesakit kanak-kanak onkologi dan sebagainya.

PTJ yang berasaskan pentadbiran juga telah banyak menjalankan aktiviti kemasyarakatan termasuk lawatan-lawatan kemanusiaan, Hari Bersama Pelanggan, memberi khidmat nasihat/kaunseling melalui media massa seperti rancangan Doktor Di Radio serta Merentasi Kampus Radio Kelantan FM dan sebagainya.

c. Jalinan Industri (MoA/MoU)

Jalinan kemasyarakatan/industri antara Kampus Kesihatan dan agensi luar diperkuhkan menerusi MoA/MoU. Antara program-program yang telah dilaksanakan serta melibatkan agensi dalam negara ialah bersama Lions Club, Klinik Projek DiRaja Kelantan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Lambang Wibawa Sdn. Bhd. dan MERCY Malaysia. Manakala program bersama agensi-agensi luar terdiri daripada Bernard O'Brien Institute of Microsurgery (Melbourne),

Guru Nanak Dev University (India), Liliory Indonesia Navy Hospital, Windfield International College, Australian Cranio-Maxillofacial Foundation, The Royal Australasian College of Dental Surgeons, The University of Tokushima Japan, African Institute of Biomedical Science & Technology (AiBST) dan lain-lain lagi.

Penyelidikan dan Inovasi

Kampus Kesihatan juga giat menjalankan aktiviti penyelidikan melalui sumber perbelanjaan dalaman dan luaran seperti Geran Insentif, Geran Jangka Pendek, Geran RU, Geran FRGS, ScienceFund BIOTEK, Lembaga Tabung Haji, Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia, BioTechCorp, MTSF dan RU-PRGS.

Memperkuhkan Aspek Pengurusan, Infrastruktur dan Pemantapan Kualiti Pengurusan

a. Infrastruktur

Untuk menambahbaik prasarana dan infrastruktur di Kampus Kesihatan, pelbagai projek pembangunan seperti pembinaan dewan kuliah, kompleks akademik, latihan dan peperiksaan, kemudahan sukan, bangunan dobi dan lain-lain telah dirancang. Ada juga diantara projek-projek ini yang telah disiapkan/dimulakan.

b. Kualiti

Amalan Kualiti telah diterap dalam budaya kerja di Kampus Kesihatan. Pelbagai aktiviti telah dijalankan dalam memastikan keupayaan staf dalam mengekalkan pensijilan ISO yang telah dan sedang dalam proses penerimaan. Antaranya ialah Bengkel Audit Dalaman Latihan Kesedaran untuk ISO 9001:2008, MS ISO 17025: 2007, ISO 14001. Buat masa ini HUSM sedang dalam persediaan untuk menghadapi MSQH disamping penggunaan Amalan 5S.

Pelbagai anugerah kualiti juga telah dicapai oleh pihak Kampus Kesihatan antaranya:

- ISO 15189
Lapan makmal telah mendapat Akreditasi MS ISO15189:2005 dari Standards Malaysia iaitu Makmal Patologi, Hematologi/UPT, Mikrobiologi, Patologi Kimia, Imunologi, TDM, Farmakologi dan Genom.
- MS ISO IEC 17025
Makmal Kalibrasi (CAL 25) telah mendapat Akreditasi daripada *Standards Malaysia*.
- Konvensyen KIK MPC Peringkat Wilayah Timur (Tarikh: 26–27 Jun 2010)

Kumpulan	PTJ	Keputusan
U-BALANCE	PPSK	Emas
BIXORATIVE	HUSM	Emas
USMET	HUSM	Emas
SIGMA	HUSM	Emas
G-SMART	PPSG	Emas
TAWAM	HUSM	Emas
LESTARI	PPSK	Emas
THE REHAB CHARGER	HUSM	Emas

- Konvensyen KIK MPC Peringkat Kebangsaan (7–9 Oktober 2010)


Kumpulan KIK	PTJ	Keputusan
THE REHAB CHARGER	HUSM	3 bintang dan 'top ten'
USMET	HUSM	3 bintang
SIGMA	HUSM	3 bintang
G-SMART	PPSG	3 bintang
TAWAM	HUSM	3 bintang
LESTARI	PPSK	3 bintang
U-BALANCE	PPSK	2 bintang

- International Convention for Quality Control Circles (ICQCC) (12–15 Oktober 2010)

Kumpulan KIK	PTJ	Keputusan
QCR	HUSM	Emas
PERMATA	PPSG	Emas
V-TIME	PPSK	Perak

c. Penganjuran Kursus/Seminar

Pelbagai aktiviti bagi memperkukuhkan modal insan di Kampus Kesihatan telah berjaya dijalankan seperti berikut:



Di peringkat PTJ, pelbagai aktiviti berbentuk kursus/bengkel turut dijalankan dengan memberi penekanan kepada keperluan khusus staf/pelajar PTJ seperti *Digital Crime Scene Management Reconstruction, Environmental and Health, Ceramah Biosafety, ACMFF-USM Education programme, Current Update on Hyaluronic Acid Injection In Patient Management of Diabetes* dan sebagainya.

Bagi PTJ berasaskan pentadbiran, aktiviti yang telah dijalankan tertumpu kepada aspek mengurus dan menyelaras lawatan ilmiah dari agensi luar di samping mengadakan bengkel dalam perkongsian ilmu dengan masyarakat dalam dan luar universiti. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- *Re-Certification Audit* MS ISO 9001:2008 PTJ Pengarah Kampus oleh SIRIM.
- Lawatan Semakan Kemajuan Pelaksanaan Agenda Projek Kritikal (CAP) APEX Kampus Kesihatan USM.
- Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif Peringkat IPTA Kali Ke-6.
- Latihan Auditor Dalaman ISO 17025 – Bengkel audit dalaman ISO 17025 bagi staf makmal yang terlibat dalam ISO 17025 Fasa II.
- Program Kerjasama USM – Universiti of Sydney [USMUS].
- Konvensyen Kualiti Kampus Kesihatan 2010.
- Program Lawatan dan Penempatan Elektif Pelajar dari Fakulti Pergigian, University Muhammadiyah Yogyakarta, Indonesia.
- *International Symposium on Wellness and Healthy Lifestyle dan Low Cost Dumbbell Exercise for Bottom Billion Workshop* (Anjuran bersama Universitas Gadjad Mada, Yogyakarta Indonesia).
- Program Bersama OKU – Pertandingan Mini Olimpik.
- *Young Scientist Programme*.
- Forum: HIV/AIDS: *Holding the bull by its horns*.
- *US – Japan Cooperative Medical Science Program. 14th International Conference on Emerging Infectious Diseases (EID) in the Pacific RIM: Next Generation Diagnostics for Infectious Diseases: Challenges and Opportunities*.
- Seminar Sehari Isu Perubatan dan Hubungannya dengan Perkara-perkara yang Membatalkan Puasa.
- Program Khidmat Masyarakat.
- Karnival Kesihatan Wanita Peringkat Negeri Kelantan dan pelbagai lagi aktiviti dan perancangan yang telah dilaksanakan.

Cabaran

Kekangan Kewangan

Antara cabaran yang dihadapi sepanjang tahun 2010 adalah faktor kekangan kewangan. Beberapa aktiviti/program yang dirancang telah dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan sedia ada yang terhad.

Kekangan Ruang/Peralatan

Kekurangan dari segi ruang/peralatan memberi impak negatif kepada aktiviti di Kampus Kesihatan terutama dalam aspek perawatan pesakit serta proses pengajaran dan pembelajaran.

Kekangan Sumber Pakar

Kampus Kesihatan juga menghadapi masalah kekurangan tenaga pakar dalam negara dalam bidang-bidang tertentu. Sebagai pelan jangka pendek, Kampus Kesihatan terpaksa bergantung kepada khidmat kepakaran asing bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Pelbagai usaha sedang dan akan dilakukan bagi mewujudkan pelan penggantian kepakaran berkenaan.

Rumusan

Secara keseluruhannya pelbagai aktiviti ke arah memperkukuhkan asas bagi merealisasikan aspirasi universiti di bawah Program Pemacuan Kecemerlangan (APEX) telah dapat dilaksanakan di Kampus Kesihatan. Ini berjaya dilakukan apabila pihak pentadbiran kampus dengan kerjasama semua PTJ berusaha memaksimumkan penggunaan infrastruktur, kewangan, sumber manusia, kemahiran serta kepakaran yang ada. Komitmen dan kerjasama semua pihak yang terlibat dengan usaha-usaha pembangunan ini telah menghasilkan pelbagai kejayaan bagi Kampus Kesihatan sama ada di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.





KAMPUS KEJURUTERAAN

KAMPUS KEJURUTERAAN

Pengenalan

Selaras dengan tema 'Memperkuhkan Asas' pada tahun 2010, semua pusat-pusat tanggungjawab, pusat-pusat kecemerlangan, jabatan, bahagian dan unit di Kampus Kejuruteraan telah menjana pelbagai aktiviti ke arah tema tersebut. Ini merangkumi kegiatan-kegiatan pengukuhan program akademik, jaringan dan hubungan intelektual, pengiktirafan antarabangsa, jalinan industri, kemasyarakatan, kesejahteraan dan kemanusiaan sejagat.

Fokus utama pelbagai aktiviti ini adalah untuk memastikan Kampus Kejuruteraan kekal relevan dan disegani diperingkat nasional, serantau dan juga antarabangsa.

Misi / Visi

Kampus Kejuruteraan mendukung tonggak misi dan visi yang ditetapkan oleh Universiti.

Objektif

Dalam memenuhi matlamat 'Memperkuhkan Asas', Kampus Kejuruteraan mempunyai objektif-objektif berikut:

- Menggerakkan secara aktif segala potensi, kemahiran dan bakat yang sedia ada di pusat-pusat pengajian khususnya agar mempergiatkan lagi usaha ke arah merealisasikan agenda Universiti APEX dan Universiti Penyelidikan.
- Mendapatkan pengiktirafan bagi setiap program pengajian Ijazah Pertama yang ditawarkan daripada institusi-institusi pengiktirafan tempatan seperti Lembaga Jurutera Malaysia dan badan-badan

pengiktirafan antarabangsa demi mengekalkan daya saing pada peringkat nasional dan global.

- Menggunakan secara intensif kepakaran yang ada di pusat-pusat pengajian dan pusat-pusat kecemerlangan dalam menjana penyelidikan, latihan, perkongsian kepakaran dan pertukaran kepakaran dengan agensi luar serta memperlebarkan jaringan dengan industri dalam dan luar negara.
- Mewujudkan secara intensif jaringan dan hubungan intelektual terutamanya pada peringkat antarabangsa sebagai satu usaha untuk memperolehi dana kewangan Universiti.
- Membuka 'ruang' yang lebih luas dalam meningkatkan aktiviti perundingan dan kerjasama dengan agensi-agensi tempatan dan luar negara melalui MoU dan MoA.
- Menterjemahkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan 'niche areas' untuk kebaikan dan manfaat bersama terutamanya kepada masyarakat setempat.
- Memperbanyakkan program mensejahterakan kehidupan dan peningkatan kualiti hidup.

Struktur Organisasi

Mekanisme yang menjana program 'Memperkuhkan Asas' di Kampus Kejuruteraan terdiri daripada:

- 6 Pusat Pengajian;
- 3 Pusat Kecemerlangan; dan
- 14 Jabatan/Unit/Bahagian.

Aktiviti

Aktiviti sepanjang tahun 2010 dapat dirumuskan seperti berikut:

a. Jaringan dan Hubungan Intelektual

Jaringan dan hubungan intelektual diperingkat nasional dan antarabangsa telah dipertingkatkan untuk memperkuhkan penglibatan USM amnya dan Kampus Kejuruteraan khususnya dalam memberi sumbangan keintelektualan secara menyeluruh dalam pelbagai disiplin keilmuan.

b. Jaringan dan Hubungan Industri

Kampus Kejuruteraan juga telah melebarkan sayapnya dalam konteks industri-pasaran semasa, jaringan dan hubungan dengan pihak industri terutamanya industri tempatan. Dengan mengekalkan projek-projek usaha sama, perundingan, perkongsian idea, pemindahan ilmu, penempatan pelajar dan kerjasama dalam penghasilan dan pemasaran produk, usaha-usaha jaringan ini terus dipergiatkan.

c. Pengukuhan Program Akademik

Penglibatan dan sumbangan pusat-pusat pengajian dalam aktiviti serta program-program akademik kekal menjadi 'nadi' penggerak utama Kampus Kejuruteraan dan Universiti. Ini bukan sahaja dilihat dalam konteks mengukuhan program akademik yang sedia ada dalam mendapatkan pengiktirafan antarabangsa malah yang lebih utama dapat mengekalkan serta meneruskan daya saing universiti daripada sudut pencapaian KPI/KIP agar setaraf dengan pencapaian pada peringkat global.

Justeru itu, pelbagai aktiviti lain juga telah dilaksanakan pada peringkat pusat-pusat pengajian seperti berikut:

Program	Aktiviti
Mengaktifkan semua potensi, kemahiran dan bakat modal insan.	<ul style="list-style-type: none"> a. Mendapatkan tenaga pakar pada peringkat nasional dan antarabangsa. b. Menambahkan bilangan <i>Post-Doc</i>. c. Menambah bilangan pensyarah memiliki kelayakkan profesional. d. Menambahkan bilangan pensyarah yang memiliki Ijazah Doktor Falsafah.
Mempertingkatkan kuantiti dan kualiti penyelidikan.	<ul style="list-style-type: none"> a. Mempergiatkan aktiviti penerbitan dalam jurnal-jurnal berwasit b. Memperhebatkan aktiviti penyelidikan daripada sudut pemilikan geran dan penyelidik utama.
Memperkemas dan menggalakkan inovasi.	<ul style="list-style-type: none"> a. Memperbanyakkan paten b. Memperbanyakkan produk komersil
Mempertingkatkan jalinan jaringan dan hubungan intelektual	<ul style="list-style-type: none"> a. Menjana kursus, bengkel, latihan dan seminar b. Mengaktifkan aktiviti perundingan c. Mengadakan MOU d. Melipatgandakan usahasama dan kerjasama dalam projek peringkat antarabangsa e. Mempergiatkan aktiviti perkongsian kepakaran dan sumber f. Penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan g. Menjayakan aktiviti 'pemindahan ilmu' kepada sektor-sektor kerajaan, badan bukan kerajaan dan swasta
Merangsangkan aktiviti pengajaran-pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"> a. Meningkatkan CQI pengajaran-pembelajaran b. Mendapatkan pengiktirafan badan-badan akreditasi dalam dan luar negara c. Menawarkan program-program pengkhususan pada peringkat serantau dan antarabangsa d. Berterusan mempraktikkan pendekatan OBE dalam pengajaran-pembelajaran
Sumber pelajar	<ul style="list-style-type: none"> a. Mendapatkan bilangan pelajar Ijazah Pertama dan Ijazah Tinggi yang berkualiti
Mencemerlangkan Universiti	<ul style="list-style-type: none"> a. Memenangi pertandingan pada peringkat nasional dan antarabangsa yang diraih oleh staf dan pelajar

d. Jalinan Kemasyarakatan

Dalam mengukuhkan hubungan dengan masyarakat setempat, pelbagai program kemasyarakatan telah diadakan merangkumi aktiviti sosial, agama, kebudayaan dan sukan. Terdapat juga sumbangan yang diberi dalam bentuk penyertaan keintelektualan seperti khidmat konsultasi, bantuan tenaga fizikal selain kebendaan.

e. Hubungan Manusia dan Kemanusiaan

Dalam mensejahterakan masyarakat setempat, nasional dan antarabangsa, penjaan aktiviti-aktiviti seperti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, bantuan bencana alam, kempen hidup sejahtera dan kesihatan, program meningkatkan pendapatan penduduk termiskin, program pendidikan untuk pelajar luar bandar dan sebagainya juga diadakan.

Pencapaian

Pencapaian signifikan yang dicapai oleh Kampus Kejuruteraan sepanjang tahun 2010 adalah:

- a. Sembilan program Ijazah Pertama yang ditawarkan berjaya mendapat pengiktirafan Lembaga Jurutera Malaysia.
- b. Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia telah memperolehi pengiktirafan antarabangsa dari *Institute of Chemical Engineers (IchemE), United Kingdom*.
- c. Penyumbang utama pencapaian KPI/KIP Universiti dalam usaha mengekalkan persaingan pada peringkat tempatan dan antarabangsa.
- d. Mengekal hubungan serantau dan antarabangsa dengan lebih 20 institusi termasuk dari Thailand, Laos, India, Jepun, England, Amerika Syarikat, Jerman, Sweden, Belanda dan lain-lain.
- e. Ciptaan produk-produk yang bercirikan kelestarian daripada pakar-pakar kejuruteraan terus mendapat pengiktirafan antarabangsa. Antaranya *Titano – An Excellent Air Purifier, FruitPlast: Biodegradable Plastic for Tomorrow dan 8R-Mat for Earth Retaining Structures and Soil Erosion Control*.

- f. Menjana program-program kemasyarakatan dan insaniah Universiti seperti program melestarikan dan menghargai alam sekitar, bantuan kemanusiaan, program rohaniah, kempen hidup sejahtera dan kesihatan, program meningkatkan pendapatan penduduk termiskin, program pendidikan untuk pelajar luar bandar dan sebagainya.
- g. Melahirkan para pelajar yang merupakan 'jurutera-jurutera muda' yang berkeupayaan menghasilkan ciptaan yang terkehadapan dan mendapat pengiktirafan antarabangsa seperti *Young Scientist Award Springer, France, British Invention Show (BIS), Flextronics Eco Challenge* dan sebagainya.

Cabaran

a. Ruang Penempatan dan Penyelidikan

Kekurangan bilik untuk menempatkan tenaga pengajar 'baru', *post-doctorate*, para penyelidik, pelajar pasca-siswazah merupakan masalah yang kian runcing. Selain itu, kekurangan ruang makmal penyelidikan yang kondusif adalah masalah utama yang dihadapi pihak pentadbiran.

b. Mendapatkan ilmuan-ilmuan tersohor

Kampus Kesihatan sedang berusaha mendapatkan ilmuan-ilmuan yang tersohor di dunia 'berkampung' di Kampus Kejuruteraan. Kapakaran mereka diperlukan dalam konteks *knowledge transfer* dan *brain sharing* terutamanya untuk dikongsi bersama tenaga-tenaga intelek muda sedia ada. Malahan kearifan mereka juga perlu dimanipulasikan terutama dalam disiplin penyelidikan agar semua ini dapat diterjemahkan dalam pembinaan produk dan perkhidmatan yang boleh dimanfaatkan.

c. Membangun dan Memajukan Komuniti

Keberkesanan peranan dan impak kewujudan Kampus Kejuruteraan dalam komuniti setempat juga menjadi satu cabaran kepada warganya. Perancangan strategi, agenda projek dan pengisian yang sistematik perlu digariskan bagi memberi limpahan impak yang lebih bermakna kepada komuniti.

d. Kekangan Kewangan

Pelbagai cabaran yang ditempuhi Kampus Kejuruteraan telah cuba diselesaikan mengikut keupayaan yang ada. Bagaimanapun, kekangan semasa yang paling utama dihadapi ialah kekurangan sumber kewangan. Jumlah peruntukan yang terbatas ini telah sedikit sebanyak mengekang kelancaran aktiviti yang telah dirancang. Namun demikian, sumber kewangan alternatif akan cuba dicari untuk menjana aktiviti-aktiviti tersebut.

Rumusan

Sepanjang tahun 2010, Kampus Kejuruteraan telah berjaya menggerakkan perancangan dan sumber asasnya untuk memacu program pembangunan akademik dan penyelidikan di USM. Ini telah dapat dilakukan kerana Kampus Kejuruteraan sentiasa ke hadapan dan mendahului dalam sumbangan kami ke arah menjayakan transformasi pendidikan tinggi negara dalam usaha merealisasikan agenda Universiti di bawah program APEX.





BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

Pengenalan

Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa telah menerajui proses penilaian semula semua program akademik yang ditawarkan sejajar dengan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) dalam usaha memperkukuhkan asas sebuah universiti bertaraf APEX khususnya dari segi pengajaran dan pembelajaran.

Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (BHEAA) dulu dikenali sebagai Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA). Ia ditubuhkan pada awal tahun 1978 dibawah pimpinan Timbalan Naib Canselor (Akademik) ketika itu, Dr. Sharom Ahmat. Pada tahun 2001 ia digabungkan dengan Unit Antarabangsa dan dikenali dengan namanya sekarang.

Fungsi BHEAA

Bahagian ini berperanan menentukan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran di USM melalui penggubalan, perancangan dan pelaksanaan dasar akademik. Usaha ini dilakukan untuk memastikan kualiti program, pengajaran dan pembelajaran di USM mencapai tahap dan sasaran yang ditetapkan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Penggubalan, perancangan dan pelaksanaan dasar akademik ini merangkumi pengambilan pelajar, penawaran program baharu dan kerjasama akademik dengan institusi tempatan dan antarabangsa dan hal-hal lain yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran di Universiti Sains Malaysia.

Bagi memperkukuhkan asas sebuah universiti bertaraf APEX, BHEAA telah mempertingkatkan usaha pengantarabangsaan pelajar dengan memperkasakan Skim Pertukaran Pelajar. Usaha ini dilakukan dengan kerjasama Institusi Pengajian Tinggi luar negara dengan menyediakan lebih banyak ruang untuk penyertaan pelajar dalam persidangan dan pertandingan di peringkat antarabangsa.

Unit-Unit dan Pusat di BHEAA

Unit Program Akademik

Unit Program Akademik merupakan urusetia Jawatankuasa Perancangan Akademik (JPA) dalam pelaksanaan kurikulum sistem pengajian ijazah sarjana muda dan penawaran kursus atau program baru di semua pusat pengajian. Unit ini juga menjadi penyelar dalam penyediaan Buku Panduan Rancangan Pengajian (BPRP) untuk diedarkan kepada pelajar baru pada setiap sidang akademik.

Unit ini turut memastikan agar aktiviti Siri Syarahan Umum di peringkat Antarabangsa, Kebangsaan dan Syarahan Pelantikan Profesor adalah berterusan dan terancang dalam memenuhi keperluan perkembangan forum-forum akademik tentang pelbagai isu di kalangan masyarakat di dalam dan di luar kampus.

Unit Visa

Unit Visa bertanggungjawab menguruskan permohonan visa dan pas untuk pelajar serta staf antarabangsa. Permohonan merangkumi Pas Pelajar, Pas Penggajian, Pas Lawatan Ikhtisas, Pas Tanggungan dan Pas Lawatan Sosial (keluarga).

Kesemua permohonan pelajar atau staf antarabangsa yang berhasrat untuk belajar atau bekerja di USM, haruslah melalui Unit ini bagi membolehkan mereka mempunyai taraf tinggal yang sah di Malaysia bagi satu tempoh tertentu seperti yang dinyatakan di dalam surat tawaran yang dikeluarkan oleh Pusat Tanggungjawab.

Unit Usahasama Akademik

Unit ini ditubuhkan sebagai pusat sehati dalam menyelaraskan perjalanan program-program kerjasama yang dijalankan bersama IPTS. Unit ini juga memperakukan perancangan keperluan kerjasama antara USM dan kolej swasta.

Unit ini berperanan memastikan pengawalan pemantapan dan perkembangan program-program USM terlaksana seperti yang dirancang, selain menilai pentadbiran keupayaan kolej-kolej swasta.

Unit ini juga bertanggungjawab mengawas dan mengawal keperluan pengurusan dari segi rekod, sistem komputer dan keperluan peralatan yang berkaitan dengan program yang ditawarkan oleh kolej swasta. Ia juga mengawal keperluan kemasukan, peperiksaan dan pengijazahan pelajar kolej swasta yang mengikuti program ijazah luaran USM.

Pusat Kualiti Universiti

Pusat Kualiti Universiti ditubuhkan pada April 2010. Ia berperanan dalam merancang, melaksana dan memantau sistem, proses dan prosedur program akademik di semua peringkat pentadbiran dan pengurusan Universiti. Pusat ini juga bertanggungjawab dalam merancang dan memantau program akademik selari dengan keperluan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan profesional lain.

Selain itu, pusat ini juga menyemak keperluan dan piawaian program akademik sebelum dihantar dan didaftarkan dalam

Daftar Kelayakan Malaysia (MQR). Pusat ini dilantik sebagai pusat rujukan jaminan dan penasihat kualiti program akademik di USM. Pusat ini menerima maklum balas daripada pelajar melalui *E-Feedback* sebagai usaha menggalakkan penambahbaikan ke arah kecemerlangan akademik dan sebagai penggerak kepada pembudayaan kualiti di kalangan warga universiti.

Pusat ini juga dijadikan sebagai penghubung dengan unit/pusat kualiti di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) lain bagi berkongsi pengalaman dan maklumat berkaitan isu kualiti pengajian tinggi. Susulan daripada penilaian Audit Prestasi Akademik [APA]/Swaakreditasi/Audit Institusi pada Mac 2010, Universiti telah dianugerahkan status Swaakreditasi pada Mei 2010.

Misi

Misi BHEAA ialah menerajui inisiatif menggubal dan merancang dasar akademik demi meningkatkan kecemerlangan akademik dan penyebaran ilmu kepada masyarakat.

Objektif

Objektif utama BHEAA adalah seperti berikut:

- i. Menyedia dan menggalakkan kerjasama akademik antara USM dengan institusi tempatan dan luar negara bagi meningkatkan peluang pendedahan yang berkesan kepada pelajar dan staf.
- ii. Membangunkan program-program akademik dan kaedah pembelajaran yang menggalakkan pelajar untuk pembelajaran sepanjang hayat.

- iii. Menyelia dan memastikan kualiti program akademik, sistem pengajaran dan pembelajaran Universiti memenuhi tahap kualiti yang ditetapkan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- iv. Menghasilkan program-program akademik yang memenuhi visi dan misi universiti serta aspirasi negara dan masyarakat; di samping memenuhi keperluan akreditasi negara dan antarabangsa.
- v. Memastikan program-program akademik yang ditawarkan oleh Universiti Sains Malaysia sejajar dengan Pelan Strategi Pendidikan Tinggi Negara.
- vi. Memantau dan menyelaras jaringan kerjasama Universiti dengan institusi-institusi antarabangsa serta memberi pendedahan kepada staf dan pelajar universiti serta meningkatkan imej dan peranan universiti dalam pengajian tinggi pada peringkat antarabangsa.

Aktiviti dan Pencapaian

Program Kerjasama Akademik Dengan Institusi Luar

Sepanjang 2010, BHEAA terlibat dalam program-program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Organisasi Jaringan Antarabangsa seperti *University Mobility in Asia and the Pacific (UMAP)*, *The Consortium of Universities and the Cities*, *Asean University Network (AUN)*, *Asia-Europe Hub (AEH)*, *Southeast Asia and Taiwan Universities (SATU) Forum* dan *International Association of Universities (IAU)*.

Skim Belajar Luar Negara

Pada tahun ini, USM telah menghantar pelajar peringkat ijazah pertama ke universiti luar negara untuk pengajian selama satu semester di bawah Skim Belajar Luar Negara (SBLN). Skim ini melibatkan pemindahan kredit dan USM mempunyai panduan lengkap tentang tatacara pemindahan kredit ini. Skim ini terbuka kepada semua pelajar ijazah pertama di USM dan para pelajar lazimnya mengikuti pengajian di universiti luar negara pada tahun kedua pengajian di USM. Melalui Skim ini juga, USM telah menerima pelajar daripada universiti luar negara yang menjalin perjanjian pertukaran pelajar.

Melalui program ini seramai 78 orang pelajar telah dihantar ke 11 buah negara manakala 144 orang pelajar luar daripada 22 buah negara telah mengikuti pengajian di USM. Pertukaran pelajar ini melibatkan negara-negara seperti Austria, Kanada, Australia, Jepun, Perancis, Korea, Finland, Sweden, USA, Taiwan, Thailand, Singapura, Indonesia, Jerman dan Mexico.

Graduan Program Kerjasama Akademik

Pada tahun 2010, sebanyak lima buah Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) menjalinkan kerjasama dengan USM dalam program perkongsian pintar yang dijalankan secara Kawal Selia / Luaran. Bilangan graduan yang dihasilkan oleh program kerjasama akademik ini pada Konvokesyen ke-40 dan ke-41 ialah seramai 218 orang (Jadual 1).

Jadual 1 Graduan Program Kerjasama Akademik

IPTS	Program	Jumlah Pengijazahan	
		Tahun 2010	
		(Konvo Ke-41)	(Konvo Ke-42)
Stamford College	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer	5	2
Kolej Pengurusan ASTIN	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan	2	92
Kolej Teknologi Pulau	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan	32	63
Kolej Legenda	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer	-	1
KDU College, Penang	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan	-	20
	Ijazah Sarjana Muda Komunikasi	-	-
Jumlah		39	179

Rumusan


Secara kesimpulannya, program-program yang dilaksanakan di BHEAA merangkumi penggubalan, perancangan dan pelaksanaan dasar akademik serta penyemakan kurikulum. Ia bagi memastikan Hasil Pembelajaran (*Learning Outcomes*) dan pengajaran dan pembelajaran berteraskan kemahiran insaniah serta setiap maklumat kurikulum adalah berkualiti, terkini dan relevan.

Secara keseluruhan, pencapaian BHEAA bagi tahun 2010 ialah melaksanakan program dan tugas yang memenuhi objektif bahagian yang selaras dengan keperluan Universiti. Dengan status Swaakreditasi yang dianugerahkan, kita dapat meningkatkan kualiti dan kecemerlangan serta menjadi pusat rujukan program akademik di USM.

Pencapaian BHEAA ini adalah hasil dari asas yang diperkenalkan dan diperkukuhkan oleh usaha yang dilakukan bersama staf dan pelajar BHEAA dengan sokongan pelbagai pihak termasuk pusat pengajian dan pusat tanggungjawab lain di USM serta jaringan dengan universiti luar negara.

Syarahan Umum Antarabangsa/ Kebangsaan dan Pelantikan Profesor

Pada tahun ini, sebanyak dua Syarahan Umum Antarabangsa dijalankan dan 16 siri Syarahan Umum Pelantikan Profesor telah dilaksanakan di USM oleh BHEAA.



Cabaran

BHEAA menghadapi masalah kekurangan dana dan peruntukan yang terhad terutamanya untuk mengendalikan SBLN. Selain daripada peruntukan khas yang diperolehi dari USM, skim ini hanya mendapat bantuan dalam bentuk biasiswa daripada agensi dan jaringan antarabangsa antaranya *University Mobility in Asia and the Pacific (UMAP)* dan *Asean University Network (AUN)*.

Negara maju khususnya dari Eropah, Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand kurang berminat untuk menghantar pelajar mereka untuk program SBLN ini. Implikasinya, pelajar kita tidak dapat manfaat dari perjanjian program pertukaran ini.

A decorative grid pattern of thin grey lines forming a series of overlapping squares and diamonds, covering the middle section of the page.

BAHAGIAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

BAHAGIAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

Pengenalan

Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP) memantapkan usahanya bagi memperkukuhkan asas terhadap pembangunan sendiri dan daya saing bakal graduan. Selaras dengan pengukuhan dan penyelarasan Universiti ke arah kegemilangan, BHEPP telah mengambil langkah menyusun semula strategi pengurusan dan menyusunatur KPInya agar pelajar yang dihasilkan setanding dengan pelajar universiti terkemuka di dunia.

Visi


Mentransformasi dan melonjakkan potensi, bakat dan keunggulan personaliti siswa untuk kelestarian hari esok.

Misi

BHEPP berusaha memupuk persekitaran yang kondusif untuk memberikan perkhidmatan dan pembangunan siswa yang holistik berteraskan pengayaan bakat, kelestarian kehidupan dan pengupayaan siswa yang berdaya saing.



Carta Organisasi



Peranan dan sektor-sektor dalam BHEPP

Peranan BHEPP adalah sebagai pemangkin kepada usaha melahirkan individu cemerlang dalam mencapai sasaran universiti berstatus APEX. Untuk memastikan peranan ini dilaksanakan dengan lebih berkesan, BHEPP telah distrukturkan semula seperti berikut:

Sektor Pembangunan Pelajar

Fokus utama sektor ini adalah untuk melahirkan pemimpin masa depan melalui aktiviti-aktiviti di luar kurikulum program pengajian. Dalam usaha untuk mengukuhkan asas, penekanan utama diberikan terhadap aspek pembentukan graduan yang holistik, kreatif, inovatif, berkepimpinan, bijak berkomunikasi, berbudi pekerti, berketerampilan, mempunyai jati diri yang kental, peka kepada kelestarian, pintar bermasyarakat dan responsif kepada keadaan semasa dan masa depan.

Aktiviti sepanjang tahun 2010 (Jadual 2) menjurus ke arah pengantarabangsaan yang merangkumi program kesukanan, kebudayaan, kepimpinan, khidmat masyarakat dan kecemerlangan.

Sektor Pembinaan Sahsiah Pelajar

Sektor Pembinaan Sahsiah Pelajar telah mengukuhkan skop perkhidmatannya mencakupi urus tadbir program baharu, iaitu *Continuous Student Development* (Pembangunan Siswa/Siswi Berterusan), Program Pembangunan Keusahawanan Pelajar dan Pejabat Pentadbiran Pusat Mahasiswa.

Aktiviti telah disasarkan kepada pembentukan graduan yang holistik, kreatif, inovatif, memiliki sifat kepimpinan yang tinggi, bijak berkomunikasi, berbudi pekerti, berketerampilan dan memiliki sifat jati diri yang kental. Antara program yang telah

dilaksanakan adalah Program PIMPIN Siswa dan Program Keusahawanan Siswa (Jadual 3).

Program PIMPIN Siswa berkonsepkan 'Memastikan Kelestarian Hari Esok' dengan matlamat untuk melahirkan siswa/siswi yang cintakan Universiti dan negara, memiliki jati diri dan daya ketahanan diri yang tinggi dan kemahiran insaniah yang mantap dan gemilang.

Program Keusahawanan Siswa pula adalah untuk memberi pendedahan awal kepada siswa dalam bidang keusahawanan dan perniagaan.

Sektor Perkhidmatan Pelajar

Sektor Perkhidmatan Pelajar terdiri dari Unit Kerjaya, Unit Tajaan, Unit Perhubungan Pelajar Antarabangsa dan Unit Perumahan dan Penginapan Universiti.

Unit Kerjaya bertanggungjawab untuk memberikan panduan berkaitan kerjaya serta mengadakan aktiviti berkala seperti seminar, ekspo kerjaya, penempatan pelajar dan sesi taklimat.

Unit Tajaan bertanggungjawab dalam urusan kewangan pelajar seperti biasiswa dan pinjaman. Unit ini memberikan maklumat dan menyelaraskan urusan berkaitan penajaan dan membantu dalam masalah kewangan pengajian serta permohonan rayuan pendaftaran pelajar. Jadual 4 menunjukkan bilangan pelajar yang mendapat penajaan sepanjang tahun 2010.

Jadual 2 Aktiviti Sektor Pembangunan Pelajar

Kategori	Program	Jumlah Penyertaan 2009	Jumlah Penyertaan 2010
Debat	12	800	850
Sukan dan Rekreasi	50	4,000	4,200
Kebudayaan/Seni	65	1,000	1,200
Kerohanian	30	7,500	7,700
Keusahawanan	15	2,500	2,800
Kepimpinan	25	4,500	4,600
Kemasyarakatan	35	2,000	2,200
Program jemputan, kesukarelawanan, usaha sama dengan pihak luar dalam dan luar negara	250	40,000	42,000

Jadual 3 Aktiviti Sektor Pembinaan Sahsiah Pelajar

Program	Penyertaan 2009	Penyertaan 2010
PIMPIN Siswa	3,088	2,635
Keusahawanan	2,500	3,942

Jadual 4 Tawaran Biasiswa/Pinjaman Pelajar 2010

Penaja	Kampus Induk	Kampus Kejuruteraan	Kampus Kesihatan	Jumlah Pelajar
Badan Kerajaan dan Berkanun	7,238	1,630	1,849	10,717
Kerajaan / Yayasan Negeri	103	30	25	158
Badan Swasta	148	59	101	308
Jumlah	7,489	1,1719	1,975	11,183

Unit Perhubungan Pelajar Antarabangsa pula menguruskan hal ehwal pelajar dari luar negara seperti insuran dan kesihatan.

Unit Penginapan dan Perumahan Universiti menguruskan kemudahan penginapan pelajar (Jadual 5 dan 6) termasuk kemudahan kafeteria dan premis perniagaan untuk kemudahan pelajar. Prestasi dan mutu perkhidmatan yang disediakan ini sentiasa dipantau oleh jawatankuasa kecil yang ditubuhkan oleh BHEPP.



Jadual 5 Kemudahan Penginapan

Kampus	Desasiswa	Jumlah Keseluruhan	Jumlah Tempat		Jumlah Menginap		Jumlah Kekosongan	
			Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Induk	Aman Damai	1,066	252	814	158	654	94	160
	Bakti Permai	545	167	378	150	311	17	67
	Cahaya Gemilang	645	292	353	237	261	55	92
	Fajar Harapan	652	294	358	250	275	44	83
	Indah Kembara	904	226	452	150	394	76	58
	Restu	1,797	684	1,032	309	796	375	236
	Saujana	1,634	-	1,746	-	1,125	-	621
	Tekun	1,775	876	1,033	484	760	392	273
	Jumlah	9,018	2,791	6,166	1,738	4,576	1,053	1,590
	Unit Kediaman Transit	26	26		26		26	
	Rumah Antarabangsa	-	-	242	-	232	-	232
Kejuruteraan	Jaya	1,156	846	330	799	310	47	20
	Lembaran	869	360	709	324	417	36	292
	Jumlah	2,025	1,206	1,039	1,123	727	83	312
Kesihatan	Murni	1,053	195	858	186	835	9	23
	Nurani	1,212	414	798	366	793	48	5
	Jumlah	2,265	609	1,656	552	1,628	57	28
			13,467		10,344		3,123	

Jadual 6 Penempatan Pelajar di Desasiswa mengikut Kampus dan Peringkat Pengajian

Kampus	Kapasiti	Ijazah Pertama	Ijazah Tinggi	Jumlah	Peratus (%)
Kampus Induk	9,018	6,314	1,185	7,499	83.16
Kampus Kejuruteraan	2,025	1,850	332	2,182	107.75



Sektor Kesejahteraan Pelajar

Sektor Kesejahteraan Pelajar menyediakan perkhidmatan dan bantuan bagi membantu kesejahteraan pelajar. Antaranya ialah perkhidmatan kaunseling, bantuan kebajikan pelajar, Kajian Tahap Kemudahan Universiti dan Kajian Pengesanan Graduan.

Sektor ini turut menjalankan aktiviti perkembangan pelajar melalui bengkel Mentor Rakan Siswa yang dijalankan secara kumpulan kecil bagi melatih pelajar untuk membantu diri dan membantu rakan sebaya.

Bantuan kebajikan pelajar adalah bantuan khas yang diberikan meliputi bantuan kepada OKU, pelajar miskin, khairat kematian dan rawatan pembedahan. Sektor ini juga memberikan perkhidmatan kaunseling melalui kes-kes pelajar yang menghadapi masalah tekanan akibat tuntutan hidup.

Kajian Tahap Kemudahan Universiti dan Kajian Pengesanan Graduan dijalankan secara serentak. Maklumbalas pelajar ini akan dilaporkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi bagi Kajian Pengesanan Graduan, manakala laporan Kajian Tahap Kemudahan Universiti pula dijadikan tanda aras terhadap kepuasan pelanggan bagi semua PTJ di USM.

Jadual 7 Kaunseling dan Psikologi

Perkhidmatan	Pelajar
Kaunseling Individu	360
Kaunseling Kelompok	16
Ujian Psikologi (Personaliti)	500

Jadual 8 Program Kerjaya dan Kebajikan Pelajar

Aktiviti	Bil. Pelajar
Ekspo Kerjaya dan Pendidikan 2010	
a) Pameran Kerjaya	5,980
b) Temuduga Terbuka	139
Bengkel/Seminar/Aktiviti Perkembangan Pelajar	1,299
Kebajikan Pelajar	73
Ekspo Kerjaya dan Pendidikan 2010 Kampus Kejuruteraan	
a) Pameran Kerjaya	3,955
b) Temuduga Terbuka	485

Jadual 9 Aktiviti dan Bilangan Sukarelawan yang Terlibat

Program/Aktiviti	Bil. Sukarelawan
Pesta Hoki USM-Penang International	350
Pesta Bola Jaring USM-Penang	200
Sukan Antara Desasiswa (SUKAD)	150
Temasya Olahraga Tahunan	250
Program Rekreasi	Purata 50

Unit Sukan dan Rekreasi

Unit Sukan dan Rekreasi berperanan dalam pembangunan sukan dan atlet serta pembangunan sahsiah siswa-siswi USM. Sepanjang tempoh 2010, ketiga-tiga kampus telah memainkan peranan penting sehingga berjaya memacu kecemerlangan pengurusan sukan ke tahap melonjakkan imej Universiti.

Unit ini juga menjalankan beberapa program seperti Program Warga Sukan, Program Kesukarelawan Pelajar dan Program Pemantapan Pengurusan Acara yang melibatkan program di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Setakat ini sebanyak 52 pelajar sedang mengikuti pelajaran di bawah program warga

sukan. Manakala Program Pemantapan Pengurusan Acara telah dijadikan sebagai mata pelajaran ko-kurikulum berunit untuk penganugerahan ijazah pertama mulai semester II 2009. Jadual 9 menunjukkan bilangan aktiviti dan sukarelawan yang terlibat dalam setiap program, manakala Jadual 10 adalah kejayaan dalam aktiviti sukan yang dianjurkan oleh Unit Sukan dan Rekreasi.

Jadual 10 Kejayaan dalam Acara Sukan

Acara Sukan	Pencapaian
ASEAN University Games 2010	11 pelajar USM menyumbang 1 emas, 1 perak dan 3 gangsa. Bagi acara bola keranjang, ping pong, karatedo dan taekwondo.
Karnival Sukan MASUM 2010	4 Emas
12 th IMT-GT 2010, Thailand	1 Perak (Badminton Wanita)
Asian Varsity Fencing Championships 2009	1 Perak dan 1 Gangsa
Malaysian Hockey League	Tempat Ke-6
USM Open Relay 2011	Emas – 4 x 800m
Kejohanan Badminton Malaysia-Thailand 2010	Naib Johan
Kejohanan SUKMALINDO (Sukan Malaysia dan Indonesia)	Tempat Ke-2
Pesta Hoki-USM-Penang International Ke-37	Berjaya mencatat rekod dalam Malaysian Book of Records dengan pengiktirafan 48 jam perlawanan tanpa henti - <i>The Biggest Hockey Carnival</i>

Unit Penasihat dan Pembangunan Pelajar

Unit Penasihat dan Pembangunan Pelajar (UPPP) merupakan sebuah unit perkhidmatan yang diwujudkan di bawah BHEPP. Unit ini bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan khusus untuk para pelajar di kampus.

Antaranya ialah menyediakan perkhidmatan kaunseling akademik dan konsultasi kepada pelajar; merancang, menyelaraskan dan melaksanakan kursus, bengkel, latihan pembangunan sahsiah dan kepimpinan pelajar dan menjalankan konsultasi pengurusan dan perancangan kepada kelab/persatuan.

Unit ini juga menjalankan aktiviti Sistem Intervensi Akademik Pelajar (SIAP), membantu semasa Program Siswa Lestari dan menjadi sekretariat Persidangan Serantau Kearifan Tempatan (RCLK) 2011.

Jadual 11 Aktiviti Unit Penasihat dan Pembangunan Pelajar

Jenis Aktiviti	2009		2010	
	Bil. Aktiviti	Bil. Peserta	Bil. Aktitivi	Bil. Peserta
Bengkel Akademik	2	47	9	277
Program	3	2,533	8	2,197
Seminar	1	47	2	101
Mini seminar	0	0	3	13
Jumlah	6	2,627	22	2,588

Pencapaian

Sepanjang tahun 2010, BHEPP melalui penglibatan 274 pelajar telah menyertai sebanyak 34 program diperingkat antarabangsa. Program-program tersebut telah dijalankan di beberapa buah negara seperti Itali, Amerika Syarikat, Australia, Belanda, Jerman, Sepanyol, Sweden, Hungary dan beberapa negara Asia.

Selain itu, penglibatan pelajar dengan ko-ordinasi BHEPP dalam aktiviti diperingkat kebangsaan dan antarabangsa telah mendapat pelbagai pengiktirafan dan kejayaan seperti yang dijelaskan di Jadual 12.

Jadual 12 Pencapaian Dalam Pertandingan Peringkat Antarabangsa

Program	Tarikh	Kategori Program	Pencapaian	Penyertaan
'Fellowship' untuk Wanita dan Sains (FWIS) UNESCO – <i>L'Oreal 2010</i> di Paris, Perancis	3 – 9 Mac 2010	Penyelidikan	Penerimaan Anugerah	1
Pertandingan <i>PolyU Innovation and Enterpreneurship Global Student Challenge 2010</i> di Hong Kong Polytechnic University, Hong Kong.	5 – 13 Jun 2010	Penyelidikan	Mewakili Malaysia dan sehingga separuh akhir	4
Seminar Antarabangsa Kelestarian di Universitat Politecnica de Catalunya, Barcelona, Sepanyol	11 – 21 Jun 2010	Persidangan	Memenangi biasiswa untuk menyertai seminar	1
Pertandingan <i>The L'Oreal Brandstorm International Marketing Award 2010</i> di Paris, Perancis	14 – 18 Jun 2010	Pertandingan	Tempat Pertama	3
Pertandingan <i>Imagine Cup 2010</i> di Warsaw, Poland	2 – 9 Julai 2010	Pertandingan	Mewakili Malaysia dan antara 6 pasukan terhebat peringkat antarabangsa	4
<i>Lecture Contest - International Association of Dental Students (IADS) Annual World Congress 2010</i> , Republik Czech	17 Julai 2010	Pertandingan	Tempat Pertama	1
Misi Konvoi Ramadhan Gaza, Palestin	6 Ogos 2010	Sukarelawan	Terpilih mewakili Malaysia	1

Asian Universities Build and Break Competition 2010 di
Universiti Tenaga Nasional

2 Oktober 2010

Pertandingan

Tempat Ketiga dari 55 pasukan

5

British Invention Show di Alexandra Palace, London

13 – 16 Oktober 2010

Pertandingan

- Pingat Emas
- Emas Berganda
- Hadiah Khas Inovasi Russia
- Pingat Emas
- Hadiah Khas Platinum
- Pingat Emas
- Hadiah Khas Berlian

3

Jadual 13 Pencapaian Dalam Kategori Pertandingan Peringkat Kebangsaan

Program	Tarikh	Kategori Program	Pencapaian	Penyertaan
2 nd National Dental Students' Scientific Conference Oral Presentation	28 Januari 2010	Pembentangan	Tempat Pertama dan Ketiga	2
Festival of Colours of the World 2010	5 – 6 Mac 2010	Pertandingan	Memenangi Anugerah Khas Juri Karya Baru Kreasi Tarian Etnik Bidayuh, Iban dan Orang Ulu	18
Program Bicara Negarawan Bersama Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad	26 – 30 Mac 2010	Pidato	Anugerah Peserta Cemerlang	1
Festival DEKON MAKUM 2010, Universiti Malaysia Sabah	1 – 3 Mei 2010	Pertandingan	Anugerah Pelakon Terbaik Pengarah Terbaik Tempat ke 3	3
Pertandingan Denstply Table Clinician, Universiti Kebangsaan Malaysia	12 Julai 2010	Pertandingan Syarahan	Tempat Pertama	1
Pertandingan Pidato Kepenggunaan IPT Peringkat Negeri Pulau Pinang	31 Julai 2010	Pidato	Tempat Kedua	1
Pesta Pantun MAKUM 2010 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	6 – 8 Ogos 2010	Pertandingan	Menang sebagai Johan	5
Majlis Perujian Tilawah Al-Quran MAKUM 2010, Universiti Teknologi Malaysia, Johor	8 – 10 Oktober 2010	Perujian	Memenangi Tempat 3 untuk peserta Qariah	2
Festival Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (FESTKUM) 2010	12 – 19 Disember 2010	Pertandingan	Pingat Gangsa Muzik Dikir Barat Pingat Perak Kostum Tarian Cina Pingat Gangsa Kostum Boria	106
Pertandingan Orkestra Cina Malaysia 2010	23 – 25 Disember 2010	Pertandingan	Anugerah Emas	28



Rumusan

Secara keseluruhan, pencapaian BHEPP bagi tahun 2010 telah membantu merealisasikan agenda memperkukuhkan asas melalui pelaksanaan program dan peningkatan perkhidmatan untuk pelajar. BHEPP juga telah menjadi perintis kepada beberapa program utama seperti PIMPIN Siswa, Dewan Perundingan Pelajar dan program kelestarian. BHEPP akan terus menjadi pemangkin dan memantapkan usaha dalam melahirkan individu cemerlang.



PENYELIDIKAN & INOVASI

PENYELIDIKAN & INOVASI

Pengenalan

Selepas empat dekad penubuhan USM, teras utama Universiti tidak berubah, iaitu pengajaran, penyelidikan dan perundangan yang berkait secara langsung terhadap kemajuan pembangunan sumber manusia, pembinaan keupayaan ilmu pengetahuan dan persaingan industri.

Penyelidikan yang dilaksanakan di USM mempunyai kelainan dan keunikan. Keutamaan diberikan kepada penyelidikan yang mempunyai impak terhadap masyarakat dan menyediakan penyelesaian atau keperluan masyarakat terbiar yang juga dikenali sebagai masyarakat terke bawah. Bahagian yang bertanggungjawab terhadap pengurusan penyelidikan dan inovasi ini ialah Bahagian Penyelidikan & Inovasi (P&I) USM.

Walaupun banyak penumpuan diberikan terhadap sains, teknologi dan persekitaran, Universiti juga tidak mengabaikan kepentingan bidang seni. Perkara ini dapat dibuktikan melalui penubuhan *Science and Arts Innovation Space* (SAINS@USM) yang bakal menempatkan institut penyelidikan baru, pusat dan unit-unit penyelidikan dengan mengambil kira keperluan di bidang seni. Entiti penyelidikan ini bertujuan menghasilkan pusat kecemerlangan akademik, bakat penyelidikan dan gabungan kepakaran daripada pelbagai disiplin dalam Universiti sejajar dengan usaha menggalakkan penyelidikan transdisiplin.

Penyelidikan USM diselaraskan melalui tujuh pelantar penyelidikan:

- i. Biomedikal dan Sains Kesihatan
- ii. Sains Fundamental
- iii. Transformasi Sosial

- iv. Sains Hayat
- v. Kejuruteraan dan Teknologi
- vi. Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- vii. Sains Klinikal.

Terdapat 26 pusat pengajian dan 16 pusat kecemerlangan (CoE) di empat buah kampus USM yang menerajui penyelidikan dan inovasi ke arah pelbagai bidang kecemerlangan. Antaranya ialah kesihatan, menukar sisa buangan kepada barangan bernilai, menyediakan tenaga alternatif, teknologi hijau, sains otak, pemeliharaan persekitaran dan lain-lain lagi.

Penglibatan dan penerokaan USM dalam kerja-kerja penyelidikan ini telah menghasilkan kejayaan yang membanggakan melalui penerimaan anugerah dan sanjungan/kemenangan dalam pelbagai pertandingan/pameran tempatan serta antarabangsa. Antaranya ialah *Exhibition Invention New Techniques, Ekspo Teknologi Malaysia, International Exhibition of Invention New Techniques & Products (Geneva), International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition (ITEX)* dan PECEIPTA.


Tugas Pejabat Inovasi ialah mentadbir dan menguruskan hak harta intelek USM dan produk inovasi serta aset yang dijana secara berterusan oleh penyelidik. Selain itu ia berperanan membina hubungan antara penyelidik USM dengan penyelidik luar. Pejabat Inovasi juga bertindak sebagai sayap perniagaan menerusi penglibatan secara langsung terhadap industri dengan menyediakan saluran dan proses komunikasi yang berkaitan.

Melalui penubuhan anak syarikatnya, USAINS Holding Sdn. Bhd. (USAINS), USM menjadi pusat rujukan yang penting untuk industri. USAINS menyediakan perkhidmatan perundangan, kontrak penyelidikan, inisiatif pembangunan penyelidikan bersama, peningkatan profesional, sewaan tempat Penyelidikan & Inovasi (P&I) serta akses kepada kemudahan makmal dan peralatan penyelidikan.

Melalui P&I, USM juga telah melancarkan IXC Malaysia Berhad bagi meningkatkan jaringan usaha sama pada peringkat global. Melalui IXC dan revolusi ekonomi baru, USM tersenarai dalam jaringan IXC antarabangsa yang mempunyai kemudahan pertukaran kepakaran dan ilmu tanpa sempadan untuk menjana pembangunan kerjasama perniagaan inovasi.

Dalam melaksanakan penyelidikan dan inovasi ke arah meningkatkan ekonomi baharu, bahagian ini tidak lagi mampu untuk mempunyai mentaliti kewanan. Penyelidikan perlu dilakukan dengan satu perbezaan – *Performing Research Excellence With Soul*

Carta Organisasi



Catatan
 Gred jawatan berwarna **jingga** : Permohonan post baru / belum isi
 Gred jawatan berwarna **kelabu** : Lantikan sambilan / PKS
 *** Diisi oleh N27

Aktiviti Penyelidikan

Penglibatan USM dalam pameran-pameran penyelidikan merupakan usaha Universiti untuk mencari dan membina rangkaian usaha sama dengan industri tempatan dan luar negara, individu usahawan dan yang berminat dengan hasil penyelidikan. Usaha ini selain dapat diketahui masyarakat untuk dimanfaatkan juga bertujuan mempromosikan produk penyelidikan USM ke seantero dunia.

Sepanjang tahun 2010, terdapat banyak aktiviti penyelidikan dan yang berkaitan telah dilaksanakan. Aktiviti seperti seminar/bengkel/simposium/jerayawara dan penawaran/penyediaan geran penyelidikan telah dilaksanakan melalui pelantar penyelidikan. Bengkel Pemantauan Geran Universiti Penyelidikan pula telah dilaksanakan untuk memantau *output* dan perkembangan projek penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik.

Pada tahun 2010, Universiti telah menstruktur semula penawaran geran penyelidikan dengan memperkenalkan Geran Universiti Penyelidikan Individu (RUI), Geran Universiti Penyelidikan Pasukan (RUT) dan Geran Universiti Penyelidikan Kluster (RUC) bagi mengukuhkan asas penyelidikan di USM. Penstrukturan ini bertujuan menggalakkan aktiviti penyelidikan transdisiplin dan meningkatkan bilangan pusat kecemerlangan/Institut.


USM juga telah menjalani proses Penilaian Pencapaian sebagai Universiti Penyelidikan yang menilai prestasi bagi tahun 2007–2009 menggunakan *Malaysia Research Assessment (MyRA)*. Penilaian ini telah dijalankan oleh panel penilai yang dilantik oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Laporan penilaian mendapati pencapaian USM untuk tiga tahun pertama (2007–2009) menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding pencapaian 2001–2005 semasa diiktiraf sebagai Universiti Penyelidikan.

Projek Penyelidikan

Pada tahun 2010, sebanyak 3,329 projek penyelidikan dilaksanakan oleh para penyelidik USM. Projek tersebut ialah 57 projek *Intensification of Research in Priority Areas (IRPA)*, 975 projek USM Jangka Pendek, 418 projek *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)*, 506 projek penyelidikan agensi luar, dua projek *The Scientific Advancement Grant Allocation (SAGA)*, 202 projek SCIENCEFUND, 561 projek Insentif dan 641 projek Universiti Penyelidikan.

Jumlah projek penyelidikan tahun 2010 telah meningkat berbanding jumlah projek penyelidikan pada tahun 2009, iaitu sebanyak 2,982 projek. Peningkatan ini adalah hasil inisiatif yang menggalakkan aktiviti penyelidikan di USM.

Carta 1 Projek Penyelidikan Tahun 2009 dan 2010



Peruntukan Geran Penyelidikan

Peruntukan tahunan yang telah diluluskan untuk projek penyelidikan bagi staf USM pada tahun 2009 ialah RM46,140,452.99 berbanding RM62,013,418.10 pada tahun 2009 (Jadual 14), dengan pengurangan sebanyak RM15,872,965.11 (25.6%). Peruntukan ini telah diagihkan kepada 659 projek baharu dan 428 projek sambungan.


Jadual 14 Peruntukan Geran Yang Diluluskan (RM) bagi Tahun 2009 dan 2010

Jenis Geran	2009		2010	
	Bilangan Projek	Peruntukan Geran (RM)	Bilangan Projek	Peruntukan Geran (RM)
Universiti Penyelidikan	430	37,850,064.51	349	24,107,530.42
Agensi Luar	102	14,878,479.59	126	12,024,154.62
USM Jangka Pendek	298	5,794,994.00	331	6,219,619.95
Insentif	252	1,260,000.00	215	1,075,000.00
SCIENCEFUND	32	1,520,610.00	16	1,194,018.00
FRGS	15	709,270.00	50	1,520,130.00
Jumlah	1,129	62,013,418.10	1,087	46,140,452.99

Sebanyak RM2,319,499.51 juga diperuntukan pada tahun 2010 untuk membiayai projek penyelidikan oleh pelajar siswazah melalui *Postgraduate Research Grant Scheme (PRGS)* bagi 310 projek baharu dan 369 projek sambungan.

Pada tahun 2010 Pusat Pengajian Sains Perubatan telah menerima geran penyelidikan yang terbanyak. Sebanyak sembilan PTJ telah mendapat geran melebihi RM2 juta. Sila rujuk Carta 2.

Carta 2 Pecahan Jumlah Peruntukan Geran Mengikut Pusat Pengajian/Pusat Penyelidikan/Institut/Pusat



Pencapaian

Asas kecemerlangan penyelidikan USM 2010 diperkukuhkan lagi dengan pengiktirafan dua pusat penyelidikan USM sebagai *Higher Institutions' Centres of Excellence (HICoE)* oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kepada Institute for Research in Molecular Medicine (INFORMM) dan *Centre for Drug Research (CDR)*. Pengiktirafan tersebut membuktikan usaha dan perancangan strategik penyelidikan USM telah menjadi asas kukuh terhadap kecemerlangan universiti.

Kehebatan penyelidikan USM juga dibuktikan melalui kejayaan dalam pameran penyelidikan dalam dan luar negara. Sepanjang tahun 2010, USM telah menghantar 93 hasil penyelidikan dalam 12 pameran melibatkan empat pameran berbentuk pertandingan dan lapan berbentuk penyertaan (Jadual 15). Keseluruhannya, USM berjaya memenangi 21 emas, 21 perak dan 15 gangsa (Jadual 16). Enam anugerah khas juga berjaya diperolehi melalui pameran penyelidikan yang disertai seperti di Jadual 17.

Jadual 15 Senarai Pertandingan/Pameran Penyelidikan Yang Disertai oleh USM

Pameran	Peringkat	Kategori Pameran
Malaysia Technology Expo (MTE 2010), 4–6 Februari 2010 Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur	Tempatan	Pertandingan
Pekan Raya, Sumatera Utara Exhibitions 18 Mac–11 April 2010 Pekan Raya, Sumatera Utara, Indonesia	Antarabangsa	Penyertaan
2 ^{1st} International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibiton (ITEX 2010) 14–16 Mei 2010 Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	Antarabangsa	Pertandingan
Small and Medium Industries Development Corporation 2010 (SMIDEX 2010) 23–26 April 2009 Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	Tempatan	Penyertaan
Muslim Big Business & Investment Gala (MUSLIMS BIG 2010) 4–6 Jun 2010 Putra World Trade Center (PWTC), Kuala Lumpur	Tempatan	Penyertaan
Pameran Dagangan Antarabangsa Makanan & Minuman Malaysia Ke-11 (MIFB 2010) 22–24 Julai 2010 Putra World Trade center (PWTC), Kuala Lumpur	Tempatan	Penyertaan
Karnival Inovasi Islam 2010 5–8 Ogos 2010 Masjid Tuanku Mizan, Putrajaya	Tempatan	Penyertaan
International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM 2010) 14–17 Oktober 2010 Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	Tempatan	Penyertaan
Pameran Sempena “Persidangan Menteri-Menteri Pengajian Tinggi dan Penyelidikan Sainifik Islam Ke-5 Anjuran Malaysia - ISESCO” 19–21 Oktober 2010 Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	Tempatan	Pertandingan
Bio Malaysia 2010 2–4 November 2010 Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	Tempatan	Pertandingan
Malaysia Agriculture Horticulture Agrotourism Internasional Show 2010 (MAHA 2010) 26 November–5 Disember 2010 Malaysia Agro Exposition Park, Serdang, Selangor.	Tempatan	Penyertaan
Seoul Internasional Invention Fair 2010 (SIIF 2010) 2–5 Disember 2010 Pacific Hall, COEX, Seoul, Korea	Antarabangsa	Penyertaan

Jadual 16 Pencapaian dalam Pertandingan Penyelidikan

Pameran	Bilangan Penyertaan	Emas	Perak	Gangsa	Anugerah Khas	Jumlah
Malaysia Technology Expo (MTE 2010), 4–6 Februari 2009 Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur	18	7	6	5	1	19
21 st International Invention, Innovation, Industrial Design 7 Technology Exhibition (ITEX 2010) 14–16 Mei 2010 Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	26	7	12	6	2	27
Bio Malaysia 2010 2–4 November 2010 Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur	8	4	2	2	0	8
Seoul Internasional Invention Fair 2010 (SIIF 2010) 2–5 Disember 2010 Pacific Hall, COEX, Seoul, Korea	6	3	1	2	0	6
Jumlah	58	21	21	15	3	60

Jadual 17 Senarai Anugerah Penyelidikan Yang Diterima Mengikut Peringkat (Kebangsaan/Antarabangsa) Pada Tahun 2010

Peringkat	Badan / Persatuan yang Memberi Anugerah / Nama Pameran	Nama Anugerah	Nama Penyelidik dan Pusat Pengajian	Tajuk penyelidikan
Kebangsaan	Malaysia Technology Expo (MTE 2010)	Croatia Special Award	Prof. Madya. Dr. Mohamad Nasir Mohamad Ibrahim Pusat Pengajian Sains Kimia	Visco Ligno
Kebangsaan	Malaysia Technology Expo (MTE 2010)	The Best Award	Dr. Srimala Sreekantan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral	Titano: An Excellent Air Purifier
Kebangsaan	Malaysia Technology Expo (MTE 2010)	The Best Award	Dr. Shahrom Mahmud Pusat Pengajian Fizik	Nano-UV Coating for Umbrellas, Shades and Textiles with Near-Zero UV Transmission
Kebangsaan	21 st International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition (ITEX 2010)	Special Award - ITEX Best Invention IENA Award, Germany	Prof. Madya. Dr. Zaidi Mohd Ripin Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanikal	Vibration Absorber for Electric Grass Trimmer
Kebangsaan	21 st International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition (ITEX 2010)	Special Award - Taipei International Invention Show & Technomart Recognizes & Honours this Winner of the 2010 INST Award for Excellent in Invention & Innovation	Prof. Abdul Latif Ahmad Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia	L- HPA: Cardio Drug precursor
Kebangsaan	21 st International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition (ITEX 2010)	Best Booth Design	Prof. Madya. Dr. Aldrin Abdullah Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan	Booth Design

Harta Intelekt dan Pengkomersialan Produk

Kepentingan hak harta intelek bagi setiap produk penyelidikan USM merupakan antara agenda utama dalam usaha meningkatkan kecemerlangan penyelidikan USM. Produk penyelidikan USM dipatenkan selari dengan usaha-usaha pengkomersialan produk penyelidikan.

Pada tahun 2010, USM telah memfailkan sejumlah 68 paten (berstatus *pending*) yang merangkumi 35 paten pada peringkat kebangsaan dan 33 paten pada peringkat antarabangsa.

Paten yang mendapat status *granted* pula telah menunjukkan peningkatan kepada lima paten pada tahun ini, iaitu dua paten pada peringkat kebangsaan dan tiga paten antarabangsa, berbanding empat paten berstatus *granted* pada tahun 2009 dengan tiga paten pada peringkat kebangsaan dan satu paten pada peringkat antarabangsa.

Faktor tarikh pemfailan yang telah dilakukan sebelum ini dan pemeriksaan yang dijalankan oleh pihak Perbadanan Harta Intelekt Negara (MyIPO) merupakan faktor bilangan status *granted* ini tidak dapat dijangka bilangannya untuk setiap tahun.

Bagi *technology know-how licencing*, USM telah melesenkan sebanyak tujuh *technology know-how*. Bilangan IPR/hak cipta, (termasuk karya asli) pada tahun 2010 juga menunjukkan peningkatan memberangsangkan kepada 41 IPR/hak cipta berbanding 30 IPR/hak cipta pada tahun 2009.

Cabaran

Penilaian pencapaian USM sebagai Universiti Penyelidikan (2007–2009) yang telah dijalankan pada 2010 juga mendapati USM memenuhi kriteria fasa pertama (tiga tahun pertama) yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Pencapaian USM dalam aktiviti penyelidikan sepanjang 2010 juga menunjukkan hasil yang positif. Pelbagai strategi dan usaha telah dilakukan untuk mengukuhkan asas kecemerlangan USM dalam aktiviti penyelidikan dan inovasi selari dengan status sebagai Universiti Penyelidikan dan APEX.

Cabaran USM pada tahun 2010 dan akan datang bukan sahaja mengekalkan status Universiti Penyelidikan dan APEX, malah untuk meletakkan USM dipersada antarabangsa sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang kaya dengan ilmu, kemudahan yang terbaik serta konsep kelestarian yang menjadi keunikan terhadap USM.

Perancangan strategik juga telah dijalankan untuk menggerakkan USM bagi mencapai visi : ***“To move towards World Class Research University with emphasis on sustainability”*** melalui pengurusan bakat, tadbir urus dan sumber yang terbaik bermula 2011.

Antara cabaran lain menempuhi tahun 2011 adalah *“nurture trans-disciplinary advanced research initiatives (ARI)”* yang mengenengahkan isu/permasalahan serta menyediakan penyelesaian terhadap masalah meningkatkan kualiti hidup masyarakat; meningkatkan inovasi, kreativiti dan *“pioneer-mindset”* dalam kalangan staf USM dan mempromosikan kecemerlangan/keupayaan USM dalam bidang penyelidikan ke persada antarabangsa.

Rumusan

Pencapaian USM dalam penyelidikan dan inovasi pada tahun 2010 menunjukkan peningkatan hasil strategi yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Penyelidikan dan Inovasi dengan bantuan ahli akademik USM. Peningkatan ini bertepatan dengan usaha USM memelopori bidang penyelidikan dan inovasi dalam dan luar negara sekali gus memimpin agenda Universiti Penyelidikan.

Pencapaian cemerlang USM ini mampu dikekalkan dengan semangat kerjasama yang baik serta komitmen tinggi secara berpasukan serta mempunyai hasrat yang sama untuk menggerakkan Universiti menuju kejayaan.



BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT

BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT

Pengenalan

Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM) telah ditubuhkan pada bulan September 2007 dan diketuai oleh seorang Timbalan Naib Canselor. Dalam tempoh tiga tahun penubuhannya, BJIM telah memainkan peranan yang penting sebagai pusat rujukan kepada pihak industri dan masyarakat. BJIM juga berfungsi untuk memadankan ilmu/kepakaran, kemudahan dan sumber yang terdapat di Universiti dengan keperluan, aspirasi serta harapan pihak industri dan masyarakat supaya menghasilkan situasi yang menguntungkan kedua-dua pihak.

Dalam usaha untuk memperkukuhkan asas bagi aktiviti jaringan universiti dengan industri dan masyarakat, BJIM telah merancang dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk memupuk hubungan dan perkongsian yang lebih erat, efektif, bermakna dan lestari dengan industri dan masyarakat.

Visi

Menyumbang dan menerajui kelestarian pembangunan sosial dan ekonomi, kemajuan serta transformasi negara.

Misi

Menjalin hubungan erat dengan pihak industri dan masyarakat, terutama di Wilayah Utara dan Wilayah Timur Laut Semenanjung Malaysia, dalam pelbagai bidang bagi merealisasikan wawasan Universiti dan Negara.

Objektif

BJIM berperanan:

- a. Sebagai pusat rujukan kepada pihak industri dan masyarakat.
- b. Memastikan bahawa jaringan dan perkongsian dengan pihak industri dan masyarakat adalah bermanfaat, berkesan dan lestari.
- c. Menyediakan pihak industri dan masyarakat dengan:
 - i. Pangkalan data yang komprehensif tentang kepakaran, kemudahan dan sumber yang terdapat di USM.
 - ii. Maklumat tentang ciptaan/rekaan, inovasi, penemuan, teknologi dan aktiviti baru USM.
- d. Mempertingkatkan dan mengukuhkan jaringan serta perkongsian sedia ada dan mewujudkan jaringan yang baharu pada peringkat tempatan, negara, serantau dan antarabangsa.
- e. Mengadakan dan menyertai dialog dengan kerajaan, industri dan masyarakat bagi memastikan program pengajaran dan usaha penyelidikan adalah relevan dengan keperluan, aspirasi dan harapan mereka, tanpa mengorbankan misi utama sesebuah universiti.
- f. Membimbing serta memimpin pihak industri dan masyarakat ke arah pembangunan, kemajuan dan transformasi lestari.

Struktur Organisasi

Terdapat tiga bahagian utama dalam struktur organisasi BJIM iaitu:

- a. Pentadbiran dan kewangan – termasuk penerbitan, unit teknologi, kemudahan dan sumber
- b. Bahagian Hubungan Industri
- c. Bahagian Hubungan Komuniti

Timbalan Dekan (JIM) di peringkat Pusat Pengajian dan Pengarah/Timbalan Pengarah/Pengerusi (JIM)/Wakil Tetap di peringkat Pusat/Institut pula telah dilantik untuk menyelaras dan melaksanakan aktiviti-aktiviti BJIM di peringkat PTJ masing-masing.



Aktiviti dan Pencapaian

1. Penyediaan Rangka Kerja (*Framework*) bagi Sistem Pengiktirafan dan Ganjaran Akademia IPTA

Pada tahun 2010, BJIM telah dilantik oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk mengetuai satu pasukan penyelidik untuk menghasilkan rangka kerja kenaikan pangkat melalui jalinan kerjasama Universiti dengan industri/komuniti. BJIM juga telah menghasilkan dan mendokumenkan satu mekanisma pelaksanaan skim pengiktirafan tersebut sebagai rujukan. Ini dapat memastikan pelaksanaan dasar Hubungan Kerjasama Universiti dan Industri yang telah digubal oleh KPT agar dapat dilaksanakan dengan lebih mantap dan berkesan. Antara dasar yang digariskan ialah memberi pengiktirafan dan ganjaran kepada ahli akademik yang memberikan sumbangan aktif dalam jalinan kerjasama universiti dan industri. Ia bertujuan untuk menggalakkan penglibatan dan kerjasama lebih erat antara akademia dengan pihak industri/komuniti.

Rangka kerja yang lengkap dan terperinci telah pun dihantar kepada KPT untuk penelitian dan pertimbangan. KPT kini dalam proses untuk mengumumkannya agar dapat dilaksanakan di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). USM telah diberi amanat supaya mengimplimentasi tiga laluan kenaikan pangkat staf akademik melalui pengajaran, penyelidikan dan penglibatan dengan industri/komuniti serta mendefinisi semula peranan dan pengiktirafan para akademik USM.

2. Projek Libatsama Universiti-Komuniti

Projek libatsama Universiti-Komuniti merangkumi aspek kesihatan dan keselamatan, pendidikan, persekitaran, sosial dan budaya serta ekonomi. Ia bertujuan membantu menangani masalah yang dihadapi oleh masyarakat, memberi bimbingan dan kaunseling kepada golongan pelajar serta membimbing masyarakat ke arah pembangunan, kemajuan dan transformasi lestari. Ini adalah selaras dengan misi dan visi Universiti untuk memperkasakan golongan terkebahawah.

Sejumlah RM1,109,144.00 telah diagihkan untuk 66 projek libatsama Universiti Komuniti (dahulunya dikenali sebagai projek kemasyarakatan) yang dikendalikan oleh BJIM di pusat-pusat pengajian. Sejumlah 12 projek telah selesai dilaksanakan manakala 54 projek sedang dalam proses pelaksanaan.

3. Penerbitan

BJIM telah berjaya menerbitkan sebanyak tiga keluaran buletin untuk diedarkan sebagai hebahan kepada pihak industri dan masyarakat di luar USM. Maklumat yang disebarkan berkisar tentang aktiviti-aktiviti BJIM di USM dan penerbitan sebuah buku bertajuk *Reaching Out... Making The Difference*. Buku ini telah dilancarkan secara rasminya pada 5 Oktober 2010 oleh Menteri

Pengajian Tinggi, Y. Bhg. Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin bersempena Syarahan Umum Antarabangsa oleh Mr. Mechai Viravaidya. Buku ini merupakan suatu dokumentasi tentang aktiviti-aktiviti projek kemasyarakatan dan projek *flagship* yang telah dijalankan oleh pelbagai pusat pengajian/pusat/institut di USM. Ia juga merupakan satu usaha dan inisiatif BJIM untuk menunjukkan bahawa USM sangat aktif dalam aktiviti libatsama dengan masyarakat.

4. Panel Penasihat Industri/Komuniti (ICAP)

Pada 4 Oktober 2010 Timbalan Naib Canselor BJIM, Profesor Lim Koon Ong, telah mempengerusikan mesyuarat Ahli Panel Penasihat Industri/Komuniti (ICAP). Ia dihadiri 37 orang ahli ICAP yang terdiri daripada industri swasta (33 ahli), organisasi/jabatan kerajaan (2 ahli) dan badan berkanun (2 ahli). Mereka adalah daripada organisasi/syarikat ternama di Malaysia dan jabatan-jabatan kerajaan seperti FELDA, Motorola, Intel, *Malaysian Biotechnology Information Centre* (MABIC), Kementerian Pelajaran Malaysia dan banyak lagi. Antara perkara yang telah dibangkitkan semasa mesyuarat tersebut adalah:

- i) USM perlu menyediakan kursus atau latihan di peringkat sarjana muda yang berkaitan dengan bidang pekerjaan *Agronomist, Plant Pathologist, Entomologist* dan *plant breeders*.
- ii) Kaedah dan cara untuk merealisasikan objektif dan fungsi ICAP selepas mesyuarat berpusat panel penasihat industri/komuniti di USM.

- iii) Tempoh pengajian program di USM pada peringkat sarjana muda dipanjangkan dari tiga tahun ke empat tahun.

Pelantikan ahli-ahli ICAP yang baharu dan pelantikan semula ahli telah dibuat pada 1 Januari 2010. Tempoh pelantikan adalah selama tiga tahun (sehingga 31 Disember 2012) dan seramai 107 orang ahli ICAP telah dilantik.

5. Penubuhan Asia Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN)

Rangkaian APUCEN telah ditubuhkan pada tahun 2010 di mana BJIM, USM merupakan sekretariat APUCEN. APUCEN merupakan satu rangkaian usaha sama universiti-komuniti yang pertama ditubuhkan di rantau Asia Pasifik. Rangkaian ini akan dirasmikan pada tahun 2011 oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia dan akan melibatkan penyertaan daripada universiti-universiti di rantau Asia Pasifik bagi membincangkan isu-isu, perancangan, strategi dan projek bersama yang berkaitan dengan *University-Community Engagement*. Selain daripada itu, jalinan hubungan libatsama universiti dengan komuniti juga boleh dicapai melalui rangkaian ini. Objektif rangkaian ini ditubuhkan adalah:

- i) Untuk mempromosi dan memupuk konsep libatsama komuniti kepada staf dan pelajar-pelajar institusi pendidikan tinggi.
- ii) Sebagai medan perkongsian pengalaman, informasi dan pengetahuan antara institusi-institusi pengajian tinggi.
- iii) Pelaksanaan projek-projek *flagship* bersama dengan institusi-institusi pengajian tinggi.

Sehingga kini, 17 universiti tempatan dan sembilan universiti dari negara Thailand, Filipina, Indonesia dan Kemboja telah menganggotai rangkaian ini.



Aktiviti dan Pencapaian

Kluster	Aktiviti/Pencapaian
University-Community Engagement Conference Cluster (UCECC)	<p>a) Lawatan ke Merbok, Kedah Lawatan telah diadakan pada 7 Oktober 2010. Seramai 16 orang pensyarah USM telah menyertai lawatan ke kampung-kampung di sekitar Merbok, Kedah dan mengadakan perbincangan dengan Tn.Hj Romli, Pengasas Kelab Pendidikan dan Kebajikan Puncak (Kelab Puncak). Hasilnya, Universiti telah bersetuju memilih Kelab Puncak, Lembah Bujang, Merbok, Kedah sebagai salah satu projek <i>Flagship</i> USM.</p> <p>b) Dua siri lawatan perbincangan UCEC 2011 di Thailand Pada lawatan pertama, Universiti Thammasat di Chiangmai telah bersetuju untuk menjadi penganjur UCEC 2011. Selain itu, melalui lawatan dan perbincangan bersama pihak <i>Population & Development Association</i> (PDA) di Thailand juga, Mr. Mechai telah memberi Syarahan Umum Antarabangsa di USM pada 5 Oktober 2010. Pada lawatan kedua, Jawatankuasa Kerja Penganjuran UCEC 2011 telah berjaya dibentuk. Lawatan ini juga berjaya menjalin jaringan kerjasama dengan pihak Universiti Chiangmai dan Universiti Mae Fah Luang.</p> <p>c) Bengkel Pemantapan Garis Panduan Projek Kemasyarakatan Bengkel telah diadakan pada 26 Mei 2010 bertujuan memantapkan proses kerja projek penglibatsamaan universiti-komuniti di samping memperbaiki beberapa komponen penting di dalam proses kerja tersebut. Hasilnya, beberapa penambahbaikan seperti kriteria penilaian projek kemasyarakatan telah berjaya ditetapkan dan akan diimplimentasikan untuk projek-projek yang akan datang.</p>
Orang Kurang Upaya (OKU)	<p>a) Bengkel Kesedaran Hak dan Keperluan Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan Reka Bentuk Sejagat yang diadakan pada 15–16 Disember 2010. Sebanyak 30 orang peserta hadir terdiri daripada kakitangan sektor swasta, <i>Non Governmental Organisation</i> (NGO) dan kakitangan USM. Semasa bengkel ini, bangunan-bangunan di USM telah diaudit untuk mengenalpasti sama ada ianya mesra OKU. Antara bangunan yang telah diaudit adalah Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM), Perpustakaan Hamzah Sendut 3, Kompleks Stadium USM dan Dewan Utama Pelajar (A, B, C & D). Hasil daripada latihan audit tersebut, beberapa masalah telah dikenal pasti di setiap bangunan dan beberapa cadangan penambahbaikan telah diutarakan oleh peserta.</p> <p>b) Draf dasar OKU</p> <p>c) Draf Dasar Orang Kurang Upaya (OKU) Universiti Sains Malaysia telah disediakan oleh Kluster OKU dan diserahkan kepada TNC BJIM pada Disember 2010. Draf ini seterusnya akan diserahkan ke pihak pengurusan tertinggi Universiti untuk mendapatkan kelulusan dan diimplimentasikan.</p>
SME Assist	<p>Antara kejayaan program kerjasama di antara Kluster SME Assist dan Industri Kecil Sederhana (IKS) yang boleh dibanggakan adalah:</p> <p>a) Inari Technology Sdn. Bhd. Syarikat ini merupakan pengilang kontrak proses-proses semikonduktor untuk Avago Technology (Malaysia) Sdn. Bhd. SME Assist telah mengenalpasti empat projek major dengan bantuan enam orang pesara yang berpengalaman dari Syarikat Multinasional (MNC). Kumpulan ini telah menggunakan kaedah transformasi LEAN bagi melaksanakan projek-projek tersebut. Selepas pelaksanaan projek, syarikat ini dijangka dapat menjimatkan kos sebanyak RM1 juta setahun. Dua pelajar USM telah memulakan projek tahun akhir mereka di syarikat ini dan telah dibantu oleh enam pesara tersebut. Objektif projek ini adalah untuk membantu syarikat IKS menjimatkan kos sebanyak RM 500,000 di dalam tempoh 6 hingga 12 bulan.</p> <p>b) Banshing Sdn. Bhd. Syarikat ini adalah pengilang kontrak bagi Motorola Technology Sdn. Bhd. dalam melakukan pemasangan dan pembekalan plastik. Syarikat ini menggunakan teknologi yang rendah dan masalah utamanya ini adalah produktiviti rendah serta tunggakan pembekalan produk sebanyak 50,000 kepada Motorola. Dua orang staf akademik dan beberapa pelajar USM dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanikal telah membantu menyelesaikan masalah syarikat dengan menggunakan kaedah transformasi LEAN. Dijangka projek ini akan dapat meningkatkan produktiviti syarikat sebanyak 30%. Pelajar yang menjalankan projek tahun akhir di syarikat ini turut dibantu oleh seorang jurutera dari Motorola dan pakar dari BJIM.</p> <p>c) Pharmasafe Laboratories Sdn. Bhd. (PLSB) PLSB merupakan Syarikat IKS di Ipoh, Perak yang membuat larutan bergaram (<i>saline solution</i>) dan larutan pelbagai guna kepada industri pembuatan kanta lekap. Syarikat ini juga menghasilkan perumusan kimia, pengacuan plastik, kimpalan dan proses pembungkusan. Projek untuk membantu syarikat ini telah dilaksanakan oleh empat orang pesara yang berpengalaman dan tiga orang pelajar USM. Pelajar-pelajar tersebut telah memulakan projek tahun akhir mereka di kilang syarikat ini manakala pelajar-pelajar lain turut membantu melalui projek simulasi <i>Computer Integrated Manufacturing</i> (CIM) di bawah seliaan pensyarah USM. Melalui projek ini masalah tunggakan produk kepada pelanggan telah dapat diatasi. Bagi satu proses pengeluaran utama, keluaran dapat ditingkatkan sebanyak dua kali ganda dan kualiti produk telah dapat diperbaiki sebanyak 10 kali ganda. Tiga pelajar yang menjalankan projek tahun akhir tersebut telah mendapat pendedahan secara <i>hands-on</i> dan ini tentu akan meningkatkan tahap employabiliti mereka.</p>

Kluster	Aktiviti/Pencapaian
Corporate Conscience Circle (3C)	<p>Antara aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan dan pencapaian kluster adalah seperti berikut:</p> <p>a) Pelaksanaan Projek Kemasyarakatan/Flagship iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Projek Kampung <i>Smart Team</i> ii) Kelab Pendidikan dan Kebajikan Puncak <p>b) Lawatan (industri/organisasi) Terlibat dalam <i>Motorola Lean Transformation Project</i>. Transformasi LEAN adalah satu transformasi yang merangkumi aspek kemanusiaan/sosial hingga aspek kompetensi kejuruteraan. Proses transformasi ini telah dirancang dan dilaksanakan di Motorola Technology Sdn. Bhd. dengan kerjasama staf akademik dan penyelidik daripada pelbagai bidang.</p> <p>Melalui peruntukan sebanyak RM30,000 daripada Motorola, lima projek transformasi transdisiplin (pengurusan, komunikasi, matematik dan pendidikan) telah dikenalpasti dan dilaksanakan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) <i>Motorola Lifestyles – Wellness Management for Healthy Minds in Healthy Bodies</i> ii) <i>Transformational Leadership and Organisational Innovation</i> iii) <i>Self Directed Work Teams</i> iv) <i>Manufacturing Operations Performance Measurement</i> v) <i>Going LEAN, the Need for Emotional Intelligence and Emotional Capability in Transformation</i> <p>c) Bengkel/seminar bersama dengan organisasi luar/industri: Dr. Azizah Omar (Pusat Pengajian Pengurusan) dan Dr. Jamilah Hj. Ahmad (Pusat Pengajian Komunikasi) telah menghadiri kursus <i>Academy Responsibility Management – Professional Diploma</i> dan menerima sijil diploma dalam bidang tersebut.</p>

Bengkel yang dianjurkan oleh BJIM

Bil.	Bengkel	Pencapaian
1	Bengkel Perancangan 2010 BJIM Hotel Eastin, Pulau Pinang 9–10 Januari 2010	Bengkel ini diadakan untuk membincangkan strategi pelaksanaan program-program APEX di bawah BJIM. Bengkel juga turut membincangkan tentang mekanisme pengoperasian kluster-kluster yang ditubuhkan di bawah BJIM termasuk projek-projek RMK-10 dan menyemak semula serta memantapkan prosedur kerja bagi aktiviti-aktiviti utama/program-program di bawah BJIM. Dalam bengkel ini, sesi dialog antara staf BJIM membicarakan masalah yang dihadapi staf dalam pelaksanaan kerja, kaedah penyelesaian, cadangan untuk mengukuhkan dan memantapkan struktur pentadbiran serta pengoperasian BJIM. Perbincangan juga tertumpu kepada kemajuan dan pembangunan masa depan BJIM, aktiviti utama BJIM serta kajian semula senarai tugas setiap staf BJIM. Hasil dari bengkel ini, sistem fail BJIM yang sistematik, fail meja dan manual prosedur kerja bagi aktiviti-aktiviti utama/program-program di bawah BJIM telah berjaya disediakan.
2	Bengkel Pemantapan Projek Kemasyarakatan serta Aktiviti BJIM 2010 Hotel Parkroyal, Pulau Pinang 20–22 Mac 2010	Melalui bengkel ini, projek kemasyarakatan di bawah tumpuan <i>Bottom Billion</i> telah berjaya dikenalpasti. Sebanyak 66 projek telah diluluskan untuk dilaksanakan melalui proses penilaian yang diperakukan bersama cadangan untuk menambah baik pelaksanaan projek-projek tersebut. Di samping itu, peranan dan KPI/KIP Timbalan Dekan (Jaringan Industri dan Masyarakat) turut dibincangkan. Ketua kluster dan champion di bawah aktiviti BJIM telah berjaya dilantik bagi menerajui perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti utama BJIM bagi tahun 2010.
3	Bengkel Penyediaan Rangka Kerja (<i>Framework</i>) bagi Sistem Pengiktirafan dan Ganjaran Akademia IPTA Hotel Parkroyal, Pulau Pinang 29 April–2 Mei 2010	Bengkel ini telah diadakan untuk menyediakan dan membincangkan rangka kerja dengan lebih terperinci dengan mengambil kira isu-isu yang relevan serta idea/amalan hubungan dan jalinan universiti dengan pihak industri/komuniti di universiti-universiti lain dari Amerika Syarikat, Eropah dan Asia. Bengkel ini dihadiri oleh 30 peserta terdiri daripada 16 orang wakil dari IPTA dan empat orang wakil dari IPTS. Satu rangka kerja telah berjaya disediakan dan dihantar ke KPT.

Program *Internship* Pelajar (PIP)

BJIM merupakan bahagian yang menyelaras Program *Internship* Pelajar (PIP) di USM, selain tempat rujukan pihak industri/organisasi yang ingin menawarkan tempat latihan industri kepada pelajar USM di syarikat/organisasi mereka.

Pelaksanaan PIP adalah berbeza di antara satu pusat pengajian dengan pusat pengajian yang lain. PIP adalah wajib bagi program akademik di dalam bidang profesional seperti kejuruteraan, perakaunan, kesihatan, pengurusan dan teknologi maklumat. Walaupun PIP tidak wajib bagi program-program lain, pelajar adalah digalakkan untuk menjalani PIP sebagai pendedahan terhadap kerjaya mereka nanti.

Pada tahun 2010, 31 orang pelajar telah menjalani PIP di luar negara manakala 2,996 orang pelajar pula menjalani PIP mereka di pelbagai syarikat/organisasi/industri di seluruh negara seperti berikut:

Syarikat / Organisasi / Industri	Bilangan
Kerajaan	496
Badan berkanun	69
Syarikat multinasional / Syarikat asing	113
Swasta tempatan	606
Perusahaan sendiri	4
GLC	35
NGO	26
Lain-lain	24
Syarikat / Industri di Luar Negara	24
Jumlah	1,397

Program *Bridging Internship Align, Complement and Enrich* (ACE)

Program *Internship Align, Complement and Enrich* (ACE) ini bertujuan melengkapkan graduan USM dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh industri dan seterusnya meningkatkan kebolehpasaran (*employability*) graduan USM. Program ACE ini dikendalikan oleh syarikat Dream Catcher Consultancy Sdn. Bhd. Calon-calun program dipilih oleh USM dan pihak industri sebelum program dilaksanakan. Penceramah/fasilitator yang dipilih untuk menjadi pengajar adalah daripada mereka yang berpengalaman dari industri.

Program ini telah dijalankan selama 23 hari dan terdiri daripada dua komponen iaitu kelas teori dan kelas latihan praktikal. Kelas teori dijalankan selama tiga hari merangkumi topik-topik seperti *soft skills* dan penulisan laporan teknikal, manakala kelas latihan praktikal memberi pendedahan kemahiran-kemahiran teknikal. 19 orang menyertai *Open Source Embedded System* dan 22 peserta bagi *Wafer Fabrication Process and Metrology*. Melalui program ini 28 orang pelajar telah mendapat pekerjaan di pelbagai syarikat/organisasi. Tujuh pelajar akan melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana.

Pertemuan / Perbincangan Dengan Industri / Agensi Luar / Universiti

Mesyuarat, perbincangan serta dialog telah diadakan dengan pelbagai syarikat dan organisasi untuk meninjau peluang-peluang kerjasama seperti perundingan/penyelidikan, penempatan latihan industri pelajar, penempatan staf, pendidikan berterusan dan sebagainya. Di antara syarikat dan organisasi tersebut ialah:

Organisasi	Bilangan
Industri / Syarikat	106
Agensi Kerajaan Malaysia	15
Universiti / Pusat Penyelidikan	24
Lain-Lain	22
Jumlah	167

Hasil/Impak

Antara hasil dan impak daripada pertemuan/perbincangan dengan industri/ organisasi luar/universiti adalah seperti berikut:

- Pasukan Evzone yang terdiri daripada pelajar-pelajar USM telah memenangi hadiah pertama bernilai RM10,000 dalam pertandingan Digi Social Venture dan Pasukan Genre telah memenangi pertandingan Global CleanTech Ideas yang bernilai RM5,000 tajaan Digi Telecommunications Sdn. Bhd.
- Staf Motorola Technology Sdn. Bhd. telah menjadi hakim di dalam pertandingan Mini National Research & Innovation Competition (NRIC) 2010 di USM. Motorola Foundation telah memberi sumbangan sebanyak USD20,000 bagi projek ini.
- Motorola Foundation juga menyumbang USD11,000 kepada Institut Pengajian Siswazah bagi membiayai biasiswa pelajar ijazah tinggi dalam bidang kejuruteraan.
- Georgetown Rotary Club telah menyumbang biasiswa kepada pelajar Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan.

- e. MoU di antara USM dengan *Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)* telah ditandatangani. Antara kerjasama yang dijalankan adalah projek penyelidikan dan usahasama, kempen rakan trafik, lawatan, bengkel, perundingan dan banyak lagi.
- f. MoU di antara USM dengan Motorola Technology Sdn. Bhd. telah ditandatangani; yang tertumpu kepada kerjasama dan pelaksanaan lima projek transformasi transdisiplin, penempatan latihan industri pelajar dan projek usahasama.
- g. MoU di antara USM dengan pihak Spirit Aerosystems (Europe) Ltd. dan Spirit Aerosystems Sdn. Bhd. telah ditandatangani pada Julai 2010. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah program latihan industri pelajar, anjuran pertandingan, penempatan staf dan pelajar di luar Negara dan projek penyelidikan.
- h. MoU di antara USM dengan Invest-in-Penang Berhad telah ditandatangani yang memfokuskan kepada pelaksanaan program usahasama seperti bengkel kepada pihak SME.



Aktiviti

Beberapa bengkel/seminar/dialog telah dianjurkan bersama pihak industri:


Tarikh/Tempat	Aktiviti
28 Januari 2010 Dewan Persidangan Universiti	Ceramah <i>Power Management for Mobile Devices – Low Power System Architecture</i>
19 Mac–18 April 2010 Medan, Indonesia	BJIM menyelaras kumpulan USM sempena Pameran Pekan Raya Sumatera Utara Ke-39
25 Mac 2010 Dewan Persidangan Universiti	Ceramah Apple iPhone Platform: Overview and Application Development
13 April 2010 Hotel Pullman Putrajaya Lakeside	Dialog tentang <i>Bringing Heavy Ion Technology to Malaysia</i>
18 Jun 2010 Dewan Persidangan Universiti	Ceramah <i>Current Trends of low Voltage Analog Design for Wireless Applications</i>
27 Julai 2010 Auditorium 1, Usains	Ceramah <i>ESD Protection on Systems</i>
23 Ogos 2010 Auditorium 1, Usains	Ceramah <i>Micro & Nano-electronics: More Than Moore Challenges & Opportunities</i>
21 Oktober 2010 Auditorium 1, Usains	Ceramah <i>PCB Modelling Requirements for Personal Computer</i>
28 Oktober 2010 Dewan Persidangan Universiti (dengan kerjasama Jabatan Pendaftar USM)	Forum HR/Panel Perbincangan: <i>Talent Acquisition and Retention</i>
26 November 2010 Auditorium 1, Usains	Ceramah <i>Recent Trends in the Field of Design for Testability</i>
10 Disember 2010 Auditorium PTPM	Ceramah <i>Core SoC Technologies for Indoor 60GHz Multi-Gbps Wireless Baseband Receiver</i>


Cabaran

Antara cabaran yang dihadapi sepanjang tahun 2010 adalah faktor kekangan kewangan. Peruntukan yang terhad menyebabkan beberapa aktiviti/program terpaksa dihadkan. Selain itu, kurangnya komitmen yang diberikan oleh sesetengah staf USM dalam beberapa aktiviti yang dijalankan juga sangat memberi pengaruh terhadap pelaksanaannya. Pengumpulan maklumat atau data yang sukar diperolehi untuk tujuan rekod serta penghasilan buku juga antara cabaran yang perlu dilalui oleh Bahagian ini. Kesukaran timbul kerana ketiadaan sistem rekod yang sempurna dan sesetengahnya tidak lengkap, hilang dan banyak lagi. Ini boleh diatasi sekiranya sistem pengurusan rekod maklumat yang sedia ada dikemaskini dengan baik dan pengumpulan maklumat dilakukan dengan lengkap dan sempurna.

Rumusan

Dari tahun 2008 sehingga 2010, BJIM telah membiayai sejumlah 125 projek kemasyarakatan yang dilaksanakan oleh staf akademik daripada pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTJ). BJIM juga telah menganjurkan persidangan antarabangsa *University-Community Engagement* serta berbagai siri bengkel dalam bidang libatsama komuniti. BJIM juga telah diberi mandat oleh KPT untuk menyediakan Rangka Kerja bagi Sistem Pengiktirafan dan Ganjaran Akademia IPTA. Pada Jun 2010, semasa pelancaran *University-Community Engagement Champion Cluster (UCECC)*, Menteri Pengajian Tinggi, Y.Bhg. Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin telah mencadangkan agar BJIM USM menerajui bidang libatsama universiti-komuniti. Ini adalah satu pengiktirafan yang besar bagi segala agenda libatsama universiti-komuniti yang dipergiatkan dan diterapkan oleh BJIM di dalam usahanya untuk menyumbang kepada kelestarian pembangunan sosial dan ekonomi, kemajuan dan transformasi negara.





halaman ini sengaja dibiarkan kosong

A decorative grid pattern consisting of a series of overlapping squares, creating a diamond-like mesh, covers the middle section of the page. The grid is light gray and extends across the entire width of the page.

JABATAN PENDAFTAR

JABATAN PENDAFTAR

Pengenalan

Jabatan Pendaftar merupakan tonggak pentadbiran Universiti dan berfungsi di dalam menyokong aktiviti pengajaran, penyelidikan, perkhidmatan akademik, pengurusan sumber manusia, perundangan dan juga khidmat sosial.

Justeru itu, Jabatan ini telah menstrukturkan semula bahagian dan unit di bawahnya selaras dengan usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang cekap untuk memenuhi kehendak dan jangkaan pelanggan bagi memastikan agenda Universiti APEX tercapai.

Misi

Memimpin dan menginovasi pengurusan dalam perkhidmatan sumber manusia, akademik dan kemudahan pusat ke arah kecemerlangan melalui pemupukan kualiti dan profesionalisme untuk mencapai misi Universiti.


Objektif

Usaha dan kegiatan Jabatan Pendaftar adalah berlandaskan objektif berikut:

- Meningkatkan kualiti pengurusan akademik melalui pembaharuan dalam proses kemasukan dan pengambilan pelajar, peningkatan pengurusan peperiksaan Universiti dan pengurusan mesyuarat Senat serta pengurusan penambahan kursus yang ditawarkan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan Universiti.
- Mempertingkatkan kualiti pengurusan sumber manusia dan pentadbiran yang melibatkan semua kategori staf melalui proses pengambilan, kenaikan pangkat, penganugerahan, skim-skim latihan, *fellowship* dan kebajikan staf selaras dengan status Universiti APEX.

Struktur dan Carta Organisasi

Dua bahagian utama dalam Jabatan Pendaftar adalah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Bahagian Pengurusan Akademik. Selain itu, terdapat tiga unit lain yang bertindak sebagai sokongan kepada Jabatan Pendaftar iaitu Unit Latihan, Bahagian Perkhidmatan Kemudahan Pusat dan Pembangunan Teknologi Maklumat dan Unit Perundangan. Unit-unit utama dalam setiap bahagian serta agihannya di ketiga-tiga kampus adalah seperti carta di bawah.



Aktiviti

Aktiviti-aktiviti Jabatan Pendaftar boleh dikategorikan dua bahagian utamanya iaitu **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Bahagian Akademik**.

Mesyuarat dan Pengauditan

Perkara	Aktiviti
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	
Jawatankuasa Pemilih, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan Bagi Staf Kumpulan Bukan Akademik (Gred 1 - Gred 26)	5
Jawatankuasa Pemilih, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan Bagi Staf Kumpulan Pengurusan & Profesional, Bukan Akademik (Gred 27 - Gred 54)	5
Jawatankuasa Pemilih, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan & Latihan Kakitangan Akademik (RPTKA/ RLKA/Pensyarah Pelatih) Gred 41 - Gred 54 dan Cuti Sabatikal Staf Akademik Gred 45 - Gred Khas	8
Jawatankuasa Pemilih, Pengesahan, Kenaikan Pangkat dan Lanjutan Perkhidmatan Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan, Jawatan Utama dan Profesor Kanan & Profesor	16
Jawatankuasa Perperiksaan Perkhidmatan Universiti (Peperiksaan Staf)	2
Audit Kualiti QAS SIRIM MS ISO 9001:2008	1 Siri Pengauditan
Jawatankuasa Pelantikan Panel Klinik, Panel Farmasi USM	1
ISO - Audit Kualiti Dalaman	1 Siri Pengauditan
Bahagian Pengurusan Akademik	
Mesyuarat Senat	7
Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Tetap Pencalonan Ijazah Kehormat	1
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurniaan Kehormat	1
Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian	3
Mesyuarat Majlis Peperiksaan Universiti	4
Mesyuarat Majlis Kemasukan Universiti	4
Audit Dalaman ISO 9001:2001	2

Bengkel / Kursus / Taklimat / Majlis

Untuk mempertingkatkan pemahaman dan peningkatan usaha masyarakat kampus dan pemegang taruh lain, Jabatan Pendaftar telah menganjurkan sesi bengkel, kursus dan taklimat.

Bengkel/Kursus/Taklimat/Majlis

Tajuk	Bilangan
Bengkel pohon@USM (untuk pengambilan pelajar)	5
Bengkel ISO Bahagian Perancangan Akademik	1
Sesi Warga Sekretariat Warga Sejahtera	1
Bengkel Peningkatan Jatidiri & Integriti Staf BPA	1
Kursus Pengurusan Akademik – Kampus Induk dan Kampus Kesihatan	2
Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	1
Majlis Penghargaan Khidmat Lama	1

Pengambilan dan Kemasukan

Tahun 2010 merupakan tahun kedua USM terus diberi mandat dan kepercayaan untuk menjalankan autonomi pengambilan pelajar peringkat ijazah pertama. Pengambilan ini melibatkan pelaksanaan Ujian MUnSYI kepada semua permohonan calon. Ujian MUnSYI ini diadakan pada 24 April 2010 di lebih 250 pusat di seluruh negara. Pengambilan dan kemasukan pelajar ke program ijazah pertama bagi tahun 2010 merangkumi tujuh saluran pengambilan iaitu saluran perdana, saluran pengajian sepanjang hayat (warga emas, warga sukan, warga budaya), saluran alternatif (kemasukan khas dan saluran kedua), saluran Pengajian Jarak Jauh, kemasukan pelajar luar negara, pengambilan khas program antarabangsa doktor perubatan USM-KLE dan pengambilan program usahasama dengan IPTS.

Statistik pengambilan pelajar ke-76 program peringkat ijazah pertama dan satu program Diploma bagi semua saluran adalah seperti berikut:

Statistik Keseluruhan Permohonan, Unjuran dan Pengambilan

Program	Permohonan	Unjuran	Ambilan
Saluran Perdana	23,066	3,539	3,694
PPJJ	3,746	1,680	2,047
Program Pendidikan Sepanjang Hayat	200	123	17
Kemasukan Khas	132	60	56
Saluran Kedua	37	26	14
Diploma Kejururawatan	5,076	110	110
Luar Negara	206	344	74
Doktor Perubatan Antarabangsa USM-KLE	346	100	43
Jumlah	32,809	5,982	6,035

Pengambilan Pelajar Pasca Siswazah

Pengambilan pelajar pasca siswazah dikendalikan oleh Institut Pengajian Siswazah. Bagi tahun 2010, sejumlah 2,831 pelajar telah mendaftar sebagai pelajar ijazah tinggi USM.

Pengijazahan

Seramai 7,040 graduan USM telah berijazah pada Majlis Konvokesyen Ke-41 dan Majlis Konvokesyen Ke-42 yang telah diadakan dalam tahun 2010.

Aktiviti Promosi dan Pemasaran

Untuk menjamin bilangan dan kualiti pemohonan, Unit Pengambilan dan Kemasukan menjalankan pelbagai aktiviti promosi dan publisiti dalam dan luar negara sepanjang tahun 2010 dengan tujuan memperkenalkan USM sebagai destinasi pilihan.

Promosi dan Pameran

Lokasi	Jenis	Bilangan
Dalam Negara	Pameran dan Taklimat di Kolej Matrikulasi dan Sekolah	17
	Karnival Pengajian Tinggi Negara	11 Zon
Luar Negara	Pameran Pendidikan Malaysia di Indonesia, Vietnam dan Jordan	3

Bagi menarik minat pelajar memohon program-program di peringkat ijazah tinggi, pihak Institut Pengajian Siswazah (IPS) telah mengadakan 14 promosi di dalam negara dan 15 promosi di luar negara.

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Pada sepanjang tahun 2010, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah mengambil beberapa langkah untuk memperkasakan kepakaran dan memugarkan kesedaran dan keupayaan perkhidmatan yang diberikan kepada staf. Antara langkah tersebut adalah menganjurkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Perkhidmatan Lama. Di samping itu, BPSM telah menstruktur semua fungsinya agar ia lebih baik dan berkesan.

Aktiviti utama Bahagian ini melibatkan (1) perjawatan dan pelantikan staf, (2) kenaikan pangkat, (3) latihan kakitangan akademik, (4) cuti belajar staf pentadbiran dan cuti sabatikal, dan (5) penamatan perkhidmatan dan pinjaman staf.

Perjawatan dan Pelantikan Staf

a. Urusan Perjawatan

Perjawatan Universiti Sains Malaysia dipertimbangkan secara berasingan oleh Agensi Pusat. Universiti Sains Malaysia hanya merangkumi Kampus Pulau Pinang, Kampus Kejuruteraan, Kampus Institut Perubatan Pergigian Termaju dan Kampus Kesihatan (tanpa HUSM). Urusan perjawatan di Hospital Universiti Sains Malaysia dipertimbangkan secara berasingan. Pada tahun 2010 USM telah menerima kelulusan melalui enam waran perjawatan.

b. Urusan Pelantikan

Sepanjang 2010 secara keseluruhan seramai 794 orang staf telah dilantik. Pelantikan adalah bersandarkan kepada jawatan kosong waran perjawatan (OS 11000) melalui lantikan kontrak atau tetap. Bagi pengisian yang disandarkan kepada OS 29000, pelantikan adalah secara kontrak dan sambilan. Pelaksanaan pelantikan Kunjungan dan Felo Pasca Kedoktoral diuruskan oleh Pusat Tanggungjawab yang diberi penurunan kuasa manakala bagi lain-lain PTJ diuruskan oleh Bahagian Sumber Manusia. Perbandingan pelantikan tahun 2009 dan tahun 2010 adalah seperti jadual di sebelah:

Statistik Pelantikan Staf 2010									
Taraf Lantikan	2009				2010				Perbezaan Tahun 2010
	Kumpulan				Kumpulan				
	Akad.	P&P	Sok.	Jumlah	Akad.	P&P	Sok.	Jumlah	
Tetap	81	36	446	563	53	58	252	363	-200
Kontrak (Warga)	22	22	1	45	6	17	40	63	18
Kontrak (Bukan Warga)	15	7		22	18	4		22	0
Sementara	19	4	20	43		22	96	118	75
Sambilan		32	115	147		35	59	94	-53
Kunjungan	31	2		33	58	3		61	28
Felo Pasca Kedoktoral		76		76		73		73	-3
Jumlah	168	179	582	929	135	212	447	794	-135

Kenaikan Pangkat

Jadual di bawah menunjukkan statistik kenaikan pangkat bagi Staf Akademik dan Staf Bukan Akademik pada tahun 2010. Staf Akademik yang telah dinaikkan pangkat meningkat sebanyak 61%, manakala Staf Bukan Akademik yang telah dinaikkan pangkat pada tahun 2010 meningkat sebanyak 1% berbanding tahun sebelumnya.

Jadual Statistik Kenaikan Pangkat Staf Akademik & Bukan Akademik bagi tahun 2009 & 2010

Akademik	2009	2010	Bukan Akademik	2009	2010
Pensyarah Universiti Gred Khas A (VK5) - Profesor	6	2	Pengurusan Tertinggi Utama	1	1
Pensyarah Universiti Gred Khas B (VK6) - Profesor	15	6	Pengurusan & Profesional	28	106
Pensyarah Universiti Gred Khas C (VK7) - Profesor	20	22	Sokongan	212	154
Profesor Madya	79	219			
Pensyarah Kanan	62	47			
Jumlah	182	296	Jumlah	241	261

Skim Rancangan Latihan Kakitangan Akademik & Skim Rancangan Pendidikan Tinggi Kakitangan Akademik

Untuk memastikan keperluan Universiti dari segi ilmiah dan pendidikan dipenuhi dan sentiasa diperbaharu, USM telah menghantar seramai 119 orang staf akademiknya untuk mengikuti latihan di bawah Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA) dan 15 dibawah Rancangan Pendidikan Tinggi Kakitangan Akademik (RPTKA). Sementara jumlah yang telah menamatkan pengajian pada Peringkat Ijazah Kedoktoran ialah seramai 50 orang di bawah Skim RLKA dan 33 orang di bawah Skim RPTKA. Status keseluruhan felo di bawah Skim RLKA dan RPTKA ialah seperti berikut:

a) Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA) – 2010

Perkara	Peringkat	2010
Felo Aktif	Ijazah Sarjana	180
	Ijazah Kedoktoran	420
Felo Mula Pengajian	Ijazah Sarjana	53
	Ijazah Kedoktoran	66
Pelanjutan Felo	Ijazah Sarjana	13
	Ijazah Kedoktoran	55
Penyandaran Felo	Ijazah Kedoktoran	17
Penamatan Pengajian Felo	Ijazah Kedoktoran	50

b) Rancangan Pendidikan Tinggi Kakitangan Akademik (RPTKA) – 2010

Perkara	Peringkat	2010
Staf Sedang Melanjutkan Pengajian	Ijazah Sarjana	44
	Ijazah Kedoktoran	73
Staf Mula Pengajian	Ijazah Sarjana	-
	Ijazah Kedoktoran	15
Staf Tamat Pengajian	Ijazah Kedoktoran	33
Staf sedang dalam proses undang-undang/ tindakan guaman		1

Cuti Belajar Pentadbiran dan Cuti Sabatikal

Berdasarkan statistik tahun 2010, sejumlah 25 staf telah direkodkan melanjutkan pelajaran di bawah Cuti Belajar (Pentadbiran). Sejumlah 71 staf telah bercuti sabbatical iaitu 53 staf dari Kampus Induk, empat staf dari Kampus Kejuruteraan dan 14 staf dari Kampus Kesihatan.

Penamatan Perkhidmatan dan Pinjaman Staf Ke Agensi Luar

Jumlah staf yang telah bersara atau tamat perkhidmatan pada tahun 2009 ialah 183 orang dan pada tahun 2010 ialah 222 orang. Manakala Seramai 19 orang staf telah dipinjamkan ke agensi luar pada tahun 2010 berbanding 18 orang pada tahun 2009. Perincian mengikut kategori adalah seperti dalam Jadual 18.

Jadual 18 Penamatan Perkhidmatan dan Pinjaman Staf ke Agensi Luar

	Akademik / Bukan Akademik	
	2009	2010
Bersara (Pilihan)	16	25
Bersara (Wajib)	33	52
Bersara (Kesihatan)	2	0
Buang Kerja	1	3
Kematian	9	13
Khidmat Ditamatkan	10	6
Letak Jawatan	76	52
Pelepasan dengan Izin	30	17
Tamat Tempoh Pelantikan	6	54
Jumlah	222	183

Pengurusan Bakat

Pengurusan Bakat adalah satu jawatankuasa kerja yang dibentuk di bawah Program Pemacuan untuk Kecemerlangan USM (APEX). Jawatankuasa tersebut telah membentuk 17 garis panduan dan pembaharuan dalam pengurusan bakat di USM. 17 kertas kerja berkenaan ialah:

1. Garis Panduan Pelantikan Felo Pasca Kedoktoran
2. Skim Saraan Universiti APEX (SSUA)

3. *APEX Leadership Program (ALP)*
4. *Jawatankuasa Tetap Penilaian*
5. *Insentif APEX 2010*
6. *Pelantikan Staf Bukan Akademik ke Akademik dan Kemudahan Cuti Sabatikal*
7. *Pemantapan Urusan Pengambilan staf Akademik 'Head Hunting' Dalam dan Luar Negara*
8. *Pemantapan Urusan Pelantikan sebagai 'Visiting Position' dan 'Associates' (Kehormat/Kunjungan) - 'Retaining Fees' & Skim Baru*
9. *Pemantapan Pelantikan Dekan/Ketua Pusat Kecemerlangan -Insentif dan Kriteria*
10. *Pemantapan Urusan Gaji Profesor melebihi gred sedia ada berdasarkan kepakaran/bidang serta insentif staf Tersohor*
11. *Pemantapan Urusan Pengambilan Pelajar*
12. *Pemantapan Urusan Elaun 'Multi -Tasking' berdasarkan Prestasi*
13. *Pemantapan Urusan RLKA/RPTKA*
14. *Pemantapan Profiling staf Akademik dan staf Bukan Akademik 'Human Capital Management System' (HCMS)*
15. *Pelan Penggantian "Succession Planning" Pegawai Pengurusan dan Profesional USM*
16. *"Rain Maker Professor" USM*
17. *"Mobile Workforce"*

HRMIS (Human Resources Management Information System)

HRMIS adalah merupakan agenda negara di bawah Projek Koridor Raya Multimedia – MSC yang diselia oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. USM telah diberikan dua modul utama pada tahun 2010 iaitu Modul Peribadi dan Rekod Perkhidmatan. Kementerian Pengajian Tinggi telah memberi pengiktirafan Sijil Pencapaian KPI Modul HRMIS kepada USM pada akhir tahun 2010 kerana telah mencapai sasaran dan KPI yang ditetapkan bagi kedua-dua modul tersebut iaitu 90% pengemaskinian data staf.

SMU-S (Sistem Maklumat Universiti–Staf)

Sistem pengurusan data dan maklumat staf yang dikenali sebagai Sistem Maklumat Kakitangan telah digunakan di USM sejak tahun 1986. Pada tahun 2008, sejajar dengan Transformasi Pengurusan Sumber Manusia (PSM), penggunaan Sistem Maklumat Universiti-Staf (SMU-S) diperkenalkan di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dan Pusat Pengajian yang dinyahpusat. Sistem ini telah diperkasakan bagi penjana data sumber manusia bagi keperluan USM dan pihak agensi kerajaan dengan mewujudkan SMU-S versi 2 pada tahun 2010.

Unit Latihan

MyCPD ialah satu kaedah penilaian yang menyokong proses pembelajaran berterusan di kalangan kakitangan perkhidmatan awam. Pada masa yang sama juga, MyCPD dilihat sebagai salah satu kaedah yang menyokong objektif PTK dalam usaha membangunkan kemahiran, sikap dan pengetahuan staf. Selain itu, MyCPD juga dapat membekalkan pengetahuan yang terkini kepada staf dalam keadaan persekitaran pekerjaan yang penuh cabaran dan perubahan masakini.


Dari sudut impak kepada staf, MyCPD mampu memberikan pelbagai manfaat kepada staf bukan sahaja dari sudut anjakan gaji dan kenaikan pangkat, malah ia merangkumi perkaitan antara perolehan ilmu dengan permarkahan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT) yang mengukur prestasi staf dengan lebih telus. Dalam hal ini, MyCPD menjadi satu kayu ukur dalam menilai elemen penambahan ilmu dan kemahiran yang lebih jelas serta menyokong agenda penyebaran semangat pembelajaran berterusan (*life-long learning*) di kalangan staf.

Latihan Dalam Perkhidmatan

Bagi latihan dalam perkhidmatan, kursus-kursus yang ditawarkan oleh Unit Latihan adalah mengikut sektor iaitu Sektor Sains dan Teknologi, Sektor Pentadbiran, Sektor Sosial, Sektor Perubatan dan Kesihatan dan Sektor Kepimpinan. Sepanjang Tahun 2010 seramai 9,930 orang staf telah menyertai program latihan selaras dengan keperluan pelaksanaan MyCPD.

Sejak tahun 2008 hingga kini, modul MyCPD sentiasa dikemaskini dan ditambahbaik melalui Bengkel 'Training Need Analysis' pada setiap penghujung tahun. Perkara ini amat penting bagi memastikan kualiti tahap kompetensi dan keberkesanan latihan yang bakal dijalankan setiap tahun.

Carta Ringkasan Eksekutif Pelaksanaan Kursus / Latihan Mengikut Sektor 2010



Pembangunan Organisasi (Program USMku Gemilang)

Pembangunan Kompetensi Umum di Universiti dalam tahun 2010 untuk semua staf distruktur semula dalam satu program khas iaitu USMku Gemilang. Program ini dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu mengikut gred 1 hingga 16, 17 hingga 26, 27 hingga 40 dan 41 hingga 54. Jumlah staf yang hadir dalam siri-siri program USMku Gemilang ini ialah seramai 1,745 orang staf.

Jadual Kursus-kursus Yang Ditawarkan oleh Unit Latihan Mengikut Sektor

Sektor	Jumlah Kursus	Jumlah Peserta
Akademik	8	106
Pentadbiran	31	837
Perkhidmatan Sosial	27	718
Sains dan Teknologi	12	353
Kepimpinan	14	928
Jumlah	92	2,942

Kursus Induksi Umum dan Khusus

Sepanjang tahun 2010, seramai 356 orang staf baru telah menyertai Kursus Induksi. Daripada jumlah ini, 86 penyertaan ialah dari Kumpulan Staf Akademik, 144 orang dari Kumpulan Staf Bukan Akademik dan 126 dari Kumpulan Sokongan.

Kursus Sijil Pengajaran dan Pembelajaran

Kursus Sijil Pengajaran dan Pembelajaran pula melibatkan pensyarah baru yang belum disahkan dalam jawatan. Sepanjang tahun 2010 hanya tiga sesi kursus dijalankan yang melibatkan 85 orang staf.

MyCPD secara rasminya dilaksanakan kepada seluruh staf USM mulai tahun 2008. Kaedah penilaian peperiksaan PTK sudah tidak digunakan lagi selepas MyCPD diperkenalkan. Bagi memantapkan lagi pengurusan pelaksanaan MyCPD, struktur

pentadbiran telah ditambahbaik dengan mewujudkan “Lembaga Pembangunan Kompetensi USM”.


Bagi memastikan MyCPD mampu dirasai oleh staf di semua skim perkhidmatan, satu jawatankuasa juga dibentuk bagi memantau pelaksanaan sistem ini. Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil-wakil skim perkhidmatan yang dilantik dan diketuai oleh Penyelaras MyCPD.

Kerjasama dan komitmen dari semua pihak telah menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan MyCPD di USM. Hasil daripada MyCPD, segala urusan latihan dan pembangunan kompetensi staf boleh dilihat melalui rekod dalam talian. MyCPD juga dilihat sebagai pencetus kepada budaya “*learning organisation*” dalam kalangan staf. Ia sekaligus menjayakan agenda pembelajaran sepanjang hayat.


Jumlah Kehadiran Peserta dalam Program Latihan/Kursus Mengikut Kumpulan Perkhidmatan Bagi Bulan Januari–Disember 2010

Bil.	Kumpulan	Bil. Staf	Hadir Latihan/Kursus	Cukup Mata CPD
1	Tertinggi Utama/JUSA/Gred Khas	199	176	146
2	45 - 54 (Akademik)	1,669	1,408	1,285
3	41 - 54 (Bukan Akademik)	1,248	1,135	628
4	27 - 40	2,567	2,527	2,424
5	17 - 26	2,198	2,159	2,008
6	1 - 16	2,049	1,999	1,897
Jumlah Keseluruhan		9,930	9,404	8,388

Carta Penyertaan Staf USM Dalam Aktiviti Latihan 2003–2010



Carta Penyertaan Dari Agensi Luar Sepanjang 2003–2010



Jadual Bilangan Agensi/Peserta 2003–2010

Perkara	Tahun 2003	Tahun 2004	Tahun 2005	Tahun 2006	Tahun 2007	Tahun 2008	Tahun 2009	Tahun 2010
Bilangan Agensi	5	42	98	126	217	350	252	202
Bilangan Peserta	33	234	349	1,220	1,397	3,025	2,912	2,592

Pada tahun 2008, program MyCPD juga telah memenangi Anugerah Inovasi Pentadbiran Peringkat USM bagi kategori staf pentadbiran. Semenjak MyCPD diperkenalkan pada tahun 2008, Unit Latihan, Jabatan Pendaftar selaku urusetia MyCPD mula dilawati oleh lebih daripada 20 agensi kerajaan mahupun agensi swasta. Daripada jumlah tersebut, empat agensi telah pun menggunakan system MyCPD di agensi mereka iaitu:

- i. Universiti Malaysia Sabah – UMS
- ii. Universiti Pendidikan Sultan Idris – UPSI
- iii. Universiti Teknikal Malaysia Melaka – UTEM
- iv. Dewan Bahasa dan Pustaka – DBP

Pada tahun 2010, berdasarkan pelaporan pelaksanaan latihan kepada Kementerian Pengajian Tinggi, didapati kebanyakan IPTA yang menggunakan MyCPD mendapat markah yang tinggi iaitu melebihi 80% staf mereka telah mengikuti latihan. USM sendiri telah mencapai 84.5% bagi tujuan tersebut.

Unit Perundangan

Unit Perundangan ditubuhkan pada 1 Oktober 2003. Unit ini diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pendaftar dan dibantu oleh seorang Penolong Pendaftar, seorang Pegawai Penyelidik serta tiga staf sokongan. Kesemua staf bertanggungjawab dalam perkara yang berkait langsung dengan pengendalian hal ehwal perundangan, penasihat perundangan, mengawas aktiviti di bawah aspek perundangan serta menguruskan peraturan tatatertib dan statut Universiti. Unit ini juga bertindak melaksana dan menguatkuasakan semua aspek perundangan Universiti serta bertanggungjawab terhadap pentadbiran undang-undang Universiti.

Sejumlah 142 Memorandum Perjanjian/Persefahaman (MoA/MoU) yang telah dideraf/disemak sehingga akhir tahun 2010.

Bahagian Perkhidmatan Kemudahan Pusat – Teknologi Maklumat (PKPTM)

PKPTM merupakan antara bahagian sokongan yang penting di Jabatan Pendaftar. Objektif bahagian ini ialah untuk:

- a) Memungkinkan pengurusan pembekalan kemudahan terbilang bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.
- b) Memungkinkan teknologi dalam urusan pentadbiran secara adaptasi dan inovasi.
- c) Menyediakan perancangan dana yang efisien kepada pembekalan perkhidmatan Jabatan dan Pusat Universiti.



Fungsi dan aktiviti PKPTM ialah:

Menyedia dan mengurus kemudahan umum Universiti, pengurusan ruang, pentadbiran utiliti dan hospitaliti, pengurusan kewangan, pembekalan pakaian seragam kampus, pemodenan tadbiran dan teknologi, pengurusan rekod dan pakaian akademik.


Jadual Pencapaian PKPTM

Perkara	Pencapaian/Hasil		
Aplikasi Hiliran	Antara aplikasi hiliran yang dibangunkan: <ol style="list-style-type: none"> Sistem Fail EDMS - menyediakan satu saluran/platform dan storan bagi menyimpan dokumen-dokumen yang difailkan dalam bentuk digital. Sistem Bil. Akaun - menyediakan bil-bil akaun penggunaan telefon USM. Sistem Tempahan Dewan (STED) - memudahkan proses tempahan dewan kuliah. Sistem Pinjaman Peralatan - memudahkan proses tempahan alatan ICT. 		
Projek MySMS USM	Perkhidmatan MySMS USM terdiri daripada: <ol style="list-style-type: none"> SMS Broadcast - kemudahan untuk hebahan/informasi kepada pelanggan USM. SMS Request on Demand - Mencipta dan mengurus "Shortcode SMS" mengikut keperluan USM. SMS Information on Demand – menyediakan dokumen yang diperlukan mengikut permintaan pengguna melalui SMS dan dokumen dihantar menerusi email. 		
Registry Server Farm	Proses transformasi teknologi server dalam pengurusan yang lebih mantap dan kemas. Mengurus & <i>monitor</i> server-server Jabatan Pendaftar: <table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td style="vertical-align: top;"> <ul style="list-style-type: none"> • Registry.usm.my • Jpnet.usm.my • Esis.usm.my • Sqlregistry.usmnet • Fax.reg.usm.my • lkonvo.usm.my </td> <td style="vertical-align: top;"> <ul style="list-style-type: none"> • Eregistry.usm.my • Smsviaweb server • Ependaftar.usm.my • Edat.usm.my • Estor.usm.my </td> </tr> </table>	<ul style="list-style-type: none"> • Registry.usm.my • Jpnet.usm.my • Esis.usm.my • Sqlregistry.usmnet • Fax.reg.usm.my • lkonvo.usm.my 	<ul style="list-style-type: none"> • Eregistry.usm.my • Smsviaweb server • Ependaftar.usm.my • Edat.usm.my • Estor.usm.my
<ul style="list-style-type: none"> • Registry.usm.my • Jpnet.usm.my • Esis.usm.my • Sqlregistry.usmnet • Fax.reg.usm.my • lkonvo.usm.my 	<ul style="list-style-type: none"> • Eregistry.usm.my • Smsviaweb server • Ependaftar.usm.my • Edat.usm.my • Estor.usm.my 		
Pakaian Seragam Staf	Mereka bentuk pakaian seragam baru 2010 dengan konsep 1USM 1Pakaian Seragam, di mana dicantumkan kepada tiga kategori Pakaian Seragam iaitu Umum, Paramedik dan Keselamatan.		
Pengurusan Dewan Kuliah secara Sentrik	Dewan kuliah, bilik tutorial serta dewan gunasama secara sentrik on Net. Enjin Aplikasi (App Eng) berjaya dibangunkan.		
'Work 360'	untuk pegawai pentadbiran di bawah Transformasi Sumber manusia, di mana setiap pegawai dibekalkan dengan Netbook.		
MADAT (Miscellaneous Administrative Document Activity Tracking)	mendekati kurang kertas dengan pendedaran surat secara digital melalui ' <i>Pelokasi Sumber Seragam</i> '.		

Rumusan

Sepanjang tahun 2010, Jabatan Pendaftar telah berjaya melaksanakan fungsi dan tanggungjawab dengan berkesan dan efisien.

Hal ini selaras dengan usaha peningkatan perkhidmatan yang berterusan yang dilakukan Jabatan Pendaftar demi kecemerlangan Universiti. Sistem penyampaian menjadi lebih berkesan ekoran dari proses-proses penambahbaikan yang telah dilakukan, penghapusan prosedur-prosedur lapuk, inovasi kepada system-system teknologi maklumat dan peningkatan tahap kecekapan motivasi, kegigihan serta disiplin staf. Kerjasama antara jabatan pentadbiran/perkhidmatan juga telah membantu kejayaan Jabatan Pendaftar secara keseluruhannya.



halaman ini sengaja dibiarkan kosong



JABATAN BENDAHARI

JABATAN BENDAHARI

Pengenalan

Pengurusan hal ehwal kewangan adalah satu sumber penting dalam sesebuah organisasi dan amat kritikal dalam menjayakan visi dan misinya. Jabatan Bendahari adalah jabatan yang bertanggungjawab memastikan kecukupan sumber ini dan memastikan agar sumber yang ada diguna sebaik mungkin.

Jabatan Bendahari dahulu dikenali sebagai Perbendaharaan dan beroperasi sebagai sebahagian daripada Unit Pentadbiran Pusat Universiti. Pada awal penubuhannya, jabatan ini ditempatkan di Kampus Maktab Perguruan Persekutuan di Gelugor.

Mulai tahun 1970, Perbendaharaan menjadi entiti yang dikenali sebagai Pejabat Bendahari, dan bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal kewangan, pembangunan fizikal, penyelenggaraan kampus serta pembangunan Universiti. Bagaimanapun tanggungjawab pengurusan pembangunan fizikal dan penyelenggaraan kampus serta bangunan, telah dipindahkan kepada Jabatan Pembangunan pada tahun 1971.

Visi

Menjadi Pusat Pengurusan Kewangan yang menyokong aspirasi Universiti.

Misi

Menjadi pusat pengurusan kewangan mapan melalui pembangunan sistem teknologi dan perkhidmatan berintegriti, di samping membina modal insan yang berinovasi lagi berhemah bagi mencapai kelestarian kewangan hari esok.

Objektif

Dalam memperkukuhkan asas kewangan Universiti selaras dengan agenda APEX, objektif Jabatan Bendahari ialah:

1. Memperkukuhkan sistem perancangan dan perkhidmatan kewangan melalui proses belanjawan, perolehan, pengurusan aset dan pinjaman yang efektif dan efisien sejajar dengan pencapaian matlamat Universiti.
2. Meningkatkan kualiti pengurusan penerimaan sumber kewangan dengan cekap dan berkesan ke arah pembangunan lestari Universiti.
3. Mengurus perbelanjaan sumber kewangan mengikut proses pengagihan sumber berpandukan kepada akta, dasar dan peraturan yang ditetapkan.
4. Memantapkan pelaksanaan prosedur kerja melalui proses kerja mapan mengikut amalan urus tadbir baik dengan mengutamakan satu perkhidmatan, satu penyampaian pengurusan maklumat yang berkesan kepada pelanggan.
5. Meningkatkan kualiti pelaporan kewangan dengan mengutamakan ciri-ciri ketepatan maklumat, keterangan berintegriti dengan berorientasikan sistem teknologi ke arah diseminasi maklumat yang berkesan.
6. Mengutamakan pembangunan modal insan yang memberi impak positif ke arah peningkatan kemahiran, berinovasi, kreatif dan beraspirasikan etika kerja yang berhemah.

Struktur Organisasi

Jabatan Bendahari yang berpusat di Kampus Induk juga mempunyai pejabat cawangannya di Kampus Kesihatan, Kubang Kerian, Kelantan dan Kampus Kejuruteraan di Seri Ampangan, Nibong Tebal, Pulau Pinang.

Secara amnya, Jabatan Bendahari merangkumi tiga bahagian utama, iaitu

1. Bahagian Akaun dan Kawalan Kewangan;
2. Bahagian Kewangan Penyelidikan; dan
3. Bahagian Perancangan dan Perkhidmatan Kewangan.

Aktiviti

Pelbagai aktiviti telah diadakan untuk memperkukuhkan asas pengurusan sumber kewangan Universiti. Antaranya termasuklah:

- i. Bengkel dan Taklimat kepada masyarakat kampus
- ii. Lawatan kerja dari pihak luar khususnya IPTA lain
- iii. Lawatan Sambil Belajar ke Institusi lain seperti ke Hospital UKM dan Jabatan Akauntan Negara
- iv. Lawatan ke Pusat Tanggungjawab (PTJ) lain di USM
- v. Latihan dan Pembangunan Modal Insan untuk menjamin staf Jabatan Bendahari sentiasa berkemahiran untuk menangani cabaran yang dihadapi

Bilangan aktiviti diringkaskan seperti di bawah

Jenis Kegiatan	Bilangan
Bengkel dan Taklimat	6
Lawatan Kerja dari Pihak Luar	3
Lawatan sambil Belajar ke Pihak Luar	2
Lawatan ke PTJ	3
Latihan dan Pembangunan Modal Insan	27

Pencapaian

Jabatan Bendahari sentiasa memberi tumpuan kepada peningkatan penyampaian perkhidmatan kewangan bagi memenuhi keperluan dan kepuasan pelanggan dalaman mahupun luaran, selaras dengan keperluan semasa Universiti.

Antara inisiatif penambahbaikan utama yang telah dilaksanakan Jabatan Bendahari sepanjang tahun 2010 adalah usaha mempermudah dan memantapkan pengurusan kewangan oleh pusat tanggungjawab melalui penggunaan sistem kewangan berkomputer.

Inisiatif penambahbaikan ini bertujuan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan dan antara sistem pengkomputeran yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Nama Penambahbaikan	Keterangan Penambahbaikan
Pelaksanaan Sistem Kewangan dan Perakaunan Universiti (USMeFAS) - Back Office System – Peringkat Kampus Induk	<p>Sistem Kewangan dan Perakaunan Universiti Sains Malaysia atau nama ringkasnya USMeFAS telah dilaksanakan secara berperingkat di Kampus Induk yang merangkumi sistem berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • eVote • eProcurement • eTracker <p>Manfaat USMeFAS kepada pusat tanggungjawab (PTJ) adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kepelbagaian jenis kawalan bajet mengikut aktiviti yang membantu pengurusan bajet aktiviti dan pemantauan prestasi perbelanjaan dengan berkesan. • Pemantauan perolehan dan prestasi pembekal mengikut terma dan syarat yang ditetapkan oleh Universiti. • Ketelusan maklumat kewangan dengan perkongsian buku vot dan maklumat pembayaran di antara Jabatan Bendahari dan PTJ.

Jabatan Bendahari turut terlibat dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Pusat Tanggungjawab Naib Canselor Kampus Induk dan Kampus Kejuruteraan (ISO 9001:2008) bagi prosedur-prosedur utama kewangan Universiti, yang diusahakan secara berpusat bagi semua pusat tanggungjawab pentadbiran USM.

Jabatan Bendahari juga menitikberatkan aspek pembangunan dan pengukuhan modal insan melalui pelaksanaan pelbagai latihan kepada staf Jabatan Bendahari mahupun staf di pusat tanggungjawab, khususnya dalam pengurusan kewangan.

Penganjuran aktiviti yang dapat mengeratkan hubungan serta meningkatkan semangat kerja berpasukan sesama warga kerja Jabatan Bendahari turut dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi mewujudkan suasana dan persekitaran kerja yang harmoni.

Cabaran

Peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2010 oleh pihak Agensi Pusat tidak dapat menampung keperluan semasa Universiti selaras dengan statusnya sebagai universiti APEX; khususnya bagi perbelanjaan emolumen Universiti di bawah keperluan operasi. Dalam mengimbangkan keperluan dan sumber terhad yang tersedia, aktiviti-aktiviti yang telah dirancang tetap dilaksanakan dengan memastikan keutamaan pembiayaan disediakan berdasarkan aktiviti/projek yang memberi impak kepada Universiti.

Oleh kerana kekangan kelulusan perjawatan baru, jabatan ini mendapati peningkatan beban tugas yang ditanggung oleh staf sedia ada dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, lantikan staf di bawah kategori bukan tetap dilaksanakan bagi menampung keperluan ini buat sementara waktu. Namun demikian, pusingan keluar masuk (*turnover*) staf bukan tetap yang amat tinggi menyebabkan masa bagi aktiviti melatih semula staf baru terpaksa diperuntukkan, dan ini merupakan antara cabaran yang perlu dihadapi dalam memastikan kelancaran pelaksanaan operasi jabatan.

Demi menambahbaikkan proses kerja, Jabatan telah mengenal pasti karenah birokrasi yang terdapat dalam Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang tidak lagi relevan. Setelah dikaji semula, Jabatan telah mengambil tindakan terhadapnya dan menukar proses ini bagi mempercepat dan melancarkan kerja-kerja pengurusan kewangan.

Lanjutan dari itu, beberapa siri permohonan bagi pelaksanaan autonomi kewangan telah cuba dimajukan dan pelbagai saluran telah digunakan untuk mengemuka dan membentangkan saranan tersebut kepada pihak Agensi Pusat mahupun pihak pengurusan tertinggi Universiti. Bagaimanapun, sehingga kini, hasil sepertimana yang diingini masih belum diperolehi dan usaha sedang diteruskan untuk menyediakan keperluan dari pihak Agensi Pusat dari semasa ke semasa.

Rumusan

Sebagai salah sebuah jabatan sokongan, Jabatan Bendahari sentiasa berusaha untuk melaksanakan fungsi menyampaikan perkhidmatan kewangan sebaik mungkin, bagi membantu mencapai aspirasi Universiti, sejajar dengan visi, misi dan objektif yang telah digariskan. Peningkatan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan sentiasa diutamakan melalui usaha penambahbaikan berterusan, tanpa melupakan keseimbangan dalam aspek kesejahteraan sumber manusia, yang merupakan tonggak utama kepada kejayaan sesebuah organisasi.

PERPUSTAKAAN

PERPUSTAKAAN

Pengenalan

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia telah merangka pelan strategik untuk melaksanakan transformasi dan memperkukuhkan asas bagi membantu USM mencapai aspirasi APEX. Perpustakaan USM juga sentiasa mengamalkan aspek kualiti dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggannya.



Perpustakaan ditubuhkan pada tahun 1969 bertempat di Malayan Teachers' College, Gelugor, Pulau Pinang dan menduduki bangunan baharu pada tahun 1979. Perpustakaan Utama II pula telah siap pada tahun 1994. Pada 10 Disember 2004, Perpustakaan Kampus Induk telah dinamakan Perpustakaan Hamzah Sendut sempena nama Naib Canselor Pertama Universiti Sains Malaysia, iaitu Tan Sri Hamzah Sendut. Perpustakaan ini berfungsi menyediakan dan membekalkan maklumat pelbagai bidang kepada warganya.

Perpustakaan Perubatan ditubuhkan pada tahun 1979 di Kampus Induk dan telah berpindah ke Kampus Kesihatan, Kubang Kerian pada tahun 1984. Pada 2 Oktober 2005, Perpustakaan Perubatan telah dinamakan Perpustakaan Hamdan Tahir sempena nama Naib Canselor Kedua Universiti Sains Malaysia, iaitu Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Hj. Hamdan bin Sheikh Tahir. Ia berfungsi sebagai penyedia dan membekalkan maklumat kepada warganya terutama dalam bidang perubatan, pergigian dan sains kesihatan.

Perpustakaan Kejuruteraan ditubuhkan pada tahun 1986 di Ipoh dan berpindah ke Kampus Seri Iskandar, Perak pada bulan November 1989. Pada bulan Mei 2001, ia sekali lagi berpindah ke Kampus Kejuruteraan sekarang di Seri Ampangan, Nibong Tebal, Pulau Pinang. Ia berfungsi sebagai penyedia dan membekalkan maklumat khusus kepada program-program kejuruteraan.

Pusat Ilmu Translasi dan Maklumat (PITM), Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) mula beroperasi pada September 2003 di Perpustakaan Hamzah Sendut 2, Pulau Pinang. Pada 20 Ogos 2006, PITM telah berpindah ke Bandar Putra Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang. PITM juga turut mempunyai cawangan di pejabat satelit IPPT iaitu di Hospital Kepala Batas, Hospital Besar Kuala Lumpur, Pusat Darah Negara Kuala Lumpur serta Hospital USM Kubang Kerian. Ia berfungsi sebagai penyedia dan pembekal maklumat kepada pelajar yang mengikuti pengajian secara jarak jauh dalam bidang perubatan lanjutan.

Visi

Menjadi pemangkin ke arah perkembangan ilmu, kesejahteraan dan pendidikan sepanjang hayat.

Misi



Menjadi sebuah perpustakaan akademik dan perpustakaan penyelidikan yang mempunyai sumber bernilai dan memberi perkhidmatan yang berkualiti untuk menyokong Universiti Sains Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan pembangunan insan serta menyumbang ke arah kemajuan ilmu.

Objektif

Objektif Perpustakaan bagi tahun 2010 secara umumnya adalah untuk memantap dan mempertingkatkan perkhidmatan maklumat yang berkualiti dan berkesan untuk menyokong kecemerlangan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan pembangunan insan USM sebagai Universiti APEX. Terdapat enam objektif utama Perpustakaan yang perlu dicapai iaitu:

- i. Pengurusan Sumber Maklumat
- ii. Pengurusan Perkhidmatan Maklumat
- iii. Pendidikan Pengguna
- iv. Pembangunan dan Pengurusan Teknologi Maklumat
- v. Pengurusan Sumber Manusia
- vi. Penyelenggaraan dan Bekalan

Carta Organisasi



Aktiviti

Sepanjang tahun 2010 beberapa program dan aktiviti untuk memantapkan pengurusan Perpustakaan telah dijalankan seperti berikut:

a. Program Bersama Pelanggan

Sebanyak lapan program bersama pelanggan telah dilaksanakan disepanjang tahun 2010 sebagai langkah promosi dan memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan.

b. Program Bersama Masyarakat

Aktiviti jaringan masyarakat juga menjadi sebagai satu agenda penting dan ianya selari dengan keperluan Universiti APEX. Perpustakaan telah mengadakan dua aktiviti gerakan membaca di tempat-tempat berikut:

- i. Program PHS@Chemor: "Reaching the Bottom Billion" di Sek. Keb. Syed Idrus, Chemor, Perak.
- ii. Membantu menubuhkan Perpustakaan Mini Asrama Paya Terubung, Air Itam, Pulau Pinang.

c. Penganjuran Seminar/Bengkel

Sebanyak tiga belas seminar/bengkel telah dianjurkan pada tahun ini; sembilan pada peringkat Jabatan dan empat pada peringkat kebangsaan.

d. Aktiviti Pameran

Dua pameran telah diadakan sepanjang tahun 2010 seperti berikut:

- i. Pameran Malaysiaku Merdeka
- ii. Pameran Malaysiaku Merdeka: Malaysiaku Malaysiamu

e. Aktiviti Kualiti ISO 9001 : 2008

Perpustakaan telah menggantikan versi lama MS ISO 9001:2000 kepada versi MS ISO 9001:2008. Sesi penerangan telah diberikan kepada staf bertujuan untuk memberi pendedahan kepada semua staf Perpustakaan berkaitan versi terkini tersebut. Perpustakaan juga telah melaksanakan Audit Dalam bagi memastikan Sistem Pengurusan Kualitinya tetap relevan.

f. Aktiviti Projek Kenangan Abadi

Aktiviti Bicara Ilmu Kaum Peranakan:

- i. Bicara Ilmu Pengkisahan Kaum Jawi Peranakan di Pulau Pinang oleh Tuan Haji Yusof Azmi Merican telah dijalankan pada 29 April 2010 jam 10 pagi bertempat di Bilik Pelbagaiguna PHS 1.
- ii. Bicara Ilmu Pengkisahan Kaum Chetti Peranakan oleh Encik K. Natharajan pada 16 April 2010 jam 3 petang bertempat di Makmal Komputer, Aras 1, PHS.
- iii. Bicara Ilmu Pengkisahan Kaum Siam Peranakan oleh Encik Abdul Majid Mohd Noor, pada 14 April 2010 bertempat di Bilik Pelbagaiguna PHS 1.

g. Aktiviti Perpustakaan Sejahtera

Perpustakaan meraikan staf yang telah memberikan khidmat cemerlang dengan mengadakan Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang dan Cuti Sakit Sifar Peringkat Perpustakaan pada 1 November 2010. Ini adalah satu pengiktirafan kepada staf yang memperolehi markah 85 ke atas dan juga kepada staf yang tidak mengambil cuti sakit sepanjang tahun 2010.

Program lain seperti Majlis Tahlil, Majlis Berbuka Puasa dan Majlis Jamuan Hari Raya juga telah diadakan dalam usaha untuk menjalinkan ikatan silaturahmi antara staf Perpustakaan. Bacaan doa pagi pada setiap hari yang diadakan sejak 2009 masih diteruskan supaya kesejahteraan staf akan lebih terjamin. Bacaan Ikrar Integriti juga diadakan pada setiap awal bulan supaya dapat menanam semangat dedikasi staf dalam menjalankan tugas dengan penuh amanah dan bertanggungjawab.

h. Perpindahan ke Bangunan Baharu

Bahagian Rujukan dan Penyelidikan dan Bahagian Malaysiana dan Arkib telah berpindah ke bangunan baharu pada bulan Jun 2010. Walaubagaimana pun operasi hanya dapat dijalankan pada akhir bulan Disember 2010 setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Bomba. Semua aktiviti perkhidmatan di bangunan baharu akan beroperasi sepenuhnya pada awal tahun 2011.

i. Pelawat-pelawat


Perpustakaan Universiti Sains Malaysia telah menerima ramai pelawat dari luar seperti berikut:

- i. Murid-murid dari 6 buah Sekolah Rendah.
- ii. Murid-murid dari 64 buah Sekolah Menengah.
- iii. Pelajar dari 12 Institusi Pengajian Tinggi dalam negara.
- iv. Pelawat dari 10 Institusi Pengajian Tinggi luar negara.
- v. Pelawat dari 7 Organisasi luar.


Pencapaian

Perkhidmatan dan Kemudahan


Perkhidmatan berkualiti dan berkesan kepada pengguna diteruskan dengan memantapkan sistem bersepadu dalam talian dari ILMU Perdana untuk seluruh rangkaian Perpustakaan USM dan sistem keselamatan Perpustakaan (menggunakan RFID). Laman web Perpustakaan <http://www.lib.usm.my>, <http://www.kck.usm.my/pustaka>, <http://library.eng.usm.my/englib> yang merupakan portal kepada beberapa perkhidmatan secara elektronik mencatatkan sejumlah 877,071 pengguna (berbanding 805,034 pada tahun 2009) dengan peningkatan sebanyak 10% dan 40,401,950 capaian (berbanding 34,735,196 capaian pada tahun 2009) dengan peningkatan sebanyak 46.3% pada tahun 2010.



Jumlah Pengunjung Laman Web Perpustakaan lib.usm.my



Statistik Emel Pengguna 'Contact Us'



Ahli berdaftar Perpustakaan USM pada tahun 2010 ialah seramai 30,283 orang. Keahlian Perpustakaan terdiri daripada pelajar, staf akademik/pentadbiran dan orang awam yang terdiri daripada pekerja sektor korporat, pekerja sektor awam serta pekerja industri dan perdagangan. Perpustakaan telah merekodkan 1,317,991 kunjungan pengguna sementara perkhidmatan sirkulasi telah melibatkan pinjaman sejumlah 366,947 bahan.

Program Pendidikan Pengguna dan Literasi Maklumat menurun sedikit dalam tahun 2010. Pada keseluruhannya sebanyak 359 bengkel dan sesi latihan telah dapat dijalankan oleh Perpustakaan Hamzah Sendut yang melibatkan 10,764 pelajar.

Taklimat Pengenalan Perpustakaan yang dijalankan semasa program Orientasi Perpustakaan telah dihadiri oleh 2,759 pelajar baru sementara 1,815 pelajar telah menyertai Latihan KRISALIS (Katalog Dalam Talian Perpustakaan).

Perkhidmatan maklumat elektronik terus meningkat dengan pengekalan/pembaharuan langganan kepada pangkalan data yang penting dan sesuai untuk pengguna. Penggunaan pangkalan data sepanjang tahun 2010 ialah sebanyak 2,023,532 dan penggunaan buku elektronik sejumlah 130,286.

Peruntukan dan Koleksi

Pada tahun 2010, Perpustakaan telah menerima peruntukan sebanyak RM16,653,224.00, berkurangan sebanyak RM3,471,025.00 dari tahun sebelumnya. Sebanyak RM6,233,057.00 dari jumlah tersebut adalah untuk pembelian buku dan bahan media dan sejumlah RM10,420,167.00 adalah untuk pembaharuan dan langganan majalah serta langganan pangkalan data elektronik.

Perpustakaan telah berupaya menambahkan stok bahan ilmiah baru menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 2,781,859 judul melalui peruntukan yang diterima. Jadual 19 menunjukkan maklumat koleksi perpustakaan untuk tahun 2008, 2009 dan 2010.

Jadual 19 Koleksi Perpustakaan Universiti Sains Malaysia

Jenis Bahan	Jumlah Judul		
	2008	2009	2010
Buku dan Jurnal Bercetak (jumlah naskhah)	667,436 (1,027,499)	693,437 (1,063,585)	716,692 (1,090,718)
Buku Elektronik	133,806	1,343,061	1,338,193
Jurnal Elektronik	463,407	511,515	511,635
Bahan Media (termasuk mikrobentuk)	210,593	214,747	215,541
Jumlah	1,475,242	2,762,760	2,782,061

Penjanaan Kewangan

Penjanaan kewangan oleh Perpustakaan sepanjang tahun 2010 berjumlah RM300,231.30 telah meningkat sebanyak RM11,961.30 berbanding tahun 2009.

Pendigitan Bahan

Perpustakaan telah meningkatkan usaha dalam kerja pendigitan di mana sebanyak 13,731 bahan telah didigit. Ia terdiri daripada Buletin MIDAS, Bahan Perperiksaan Tahap Kecekapan, Koleksi Artikel Naib Canselor, Koleksi Sasterawan Negara dan lain-lain bahan rujukan seperti keratan akhbar, kertas soalan peperiksaan dan abstrak tesis (<http://eprints.usm.my>).

Latihan Staf

Berasaskan kepada keperluan pelanggan, pemacuan matlamat APEX dan perkembangan ICT, pelbagai latihan berkaitan telah dijalankan untuk staf dalam usaha meningkatkan kemahiran dan pengetahuan staf pada semua peringkat. Staf juga dihantar menghadiri kursus/latihan di luar Perpustakaan yang dianjurkan oleh USM atau badan-badan luar. Sejumlah 1,119 penyertaan daripada staf telah direkod untuk 134 sesi latihan yang dijalankan sepanjang tahun 2010.

Menaiktaraf Perkhidmatan dan Infrastruktur

a) Kemudahan Pengguna

Berikut adalah kemudahan-kemudahan yang telah disediakan kepada pengguna Perpustakaan:

- i) Makmal Komputer
- ii) Kemudahan Mesin Pencetak
- iii) Mengecat Semula Ruang Pengguna
- iv) Menyediakan Ruang Santai
- v) Menaiktaraf Bilik Pelbagaiguna

b) Kemudahan staf

Bagi menjamin keselesaan staf untuk melaksanakan tugas beberapa kemudahan telah disediakan:

- i) Menaiktaraf Bilik Rehat Staf
- ii) Menyediakan Mesin Minuman
- iii) Menaiktaraf Ruang Kerja

Pengiktirafan

i. Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008

Perpustakaan berjaya mengekalkan Pensijilan MS ISO 9001:2008 sekali lagi setelah Audit Pensijilan Semula (Recertification Audit) oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. yang telah dilaksanakan pada 29–30 September 2010.

ii. Konvensyen Kualiti Kampus Kesihatan

Konvensyen Kualiti Perpustakaan Hamdan Tahir telah diadakan pada 29 November 2010.

Pengantarabangsaan

Selaras dengan usaha pengantarabangsaan, Perpustakaan selaku Sekretariat *ASEAN University Network Inter-Library Online* (AUNILO) telah bekerjasama dengan Sekretariat ASEAN University Network (AUN) bagi mengurus 'The 6th AUNILO Meeting' di Universiti Indonesia, Jakarta Indonesia, membantu menyelaras AUNILO Workshop on Library Best Practice yang dianjurkan oleh Universiti Brunei Darussalam, Brunei dan menerima dua orang Pustakawan dari Universiti Negeri Yogyakarta untuk menjalani latihan selama satu bulan di Perpustakaan USM.



Cabaran

Cabaran yang dihadapi oleh Perpustakaan USM ialah untuk menyediakan kemudahan fizikal dan peralatan ICT terbaik serta mempunyai para pustakawan yang 'mahir maklumat'. Oleh itu Perpustakaan harus bersedia dengan tuntutan ini di mana para pustakawan harus dilatih agar dapat memahirkan diri demi keperluan perkhidmatan.

Peralatan kemudahan ICT di samping sumber maklumat dalam bentuk elektronik telah berkembang begitu pesat. Para penyelidik dan pengguna juga semakin peka terhadap perkembangan teknologi maklumat terkini dimana permintaan terhadap bahan-bahan elektronik ini semakin meningkat.

Namun demikian, sumber maklumat yang disediakan samada dalam bentuk bercetak atau dalam bentuk elektronik tidak akan bermakna jika ianya tidak digunakan. Cabaran utama pustakawan ialah untuk memasarkan sumber maklumat yang sedia ada dan memastikan supaya maklumat tersebut digunakan sepenuhnya oleh pengguna.


Rumusan

Banyak aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2010 seperti Program Bersama Pelanggan, Program Bersama Masyarakat, Penganjuran Seminar/Bengkel, pameran dan lain-lain lagi. Pencapaian sepanjang tahun 2010 dapat dilihat dari statistik penggunaan Perkhidmatan dan Kemudahan yang meningkat berbanding tahun 2009. Perpustakaan juga menjalankan sebanyak 359 sesi Latihan Pendidikan Pengguna untuk memberi kemahiran kepada pengguna dalam menggunakan pangkalan data dan pencarian maklumat dengan berkesan.

Peruntukan untuk pembelian sumber maklumat perpustakaan yang diberikan sebanyak RM16,653,224 termasuk cawangan telah selesai dibelanjakan dalam tempoh yang ditetapkan. Peningkatan bahan sebanyak 19,099 (buku, buku elektronik, majalah dan majalah elektronik) telah dimasukkan dalam koleksi Perpustakaan.

Perpustakaan juga berjaya mengekalkan Pensijilan MS ISO 9001:2008 versi baharu setelah diaudit oleh SIRIM QAS pada 29–30 September 2010. Di samping itu Perpustakaan turut menjadi pakar rujuk dalam bidang MS ISO 9001:2008 apabila ramai staf Perpustakaan dijemput menjadi fasilitator di jabatan lain dan juga menjadi juruaudit untuk Audit Kualiti Dalam di jabatan-jabatan lain dalam Universiti ini.





halaman ini sengaja dibiarkan kosong

A decorative grid pattern consisting of a series of overlapping squares, creating a diamond-like mesh, covers the middle section of the page. The grid is light gray and extends across the width of the page.

JABATAN PEMBANGUNAN

JABATAN PEMBANGUNAN

Visi


Dalam memperkukuhkan perkhidmatannya kepada masyarakat USM dan pemegang taruh lain, khususnya kerajaan, Jabatan Pembangunan akan mencapai tahap pencapaian cemerlang dalam pengurusan pembangunan fizikal, pengurusan fasiliti, sistem penyenggaraan dan perkhidmatan kemudahan Universiti.

Misi


Budaya kualiti adalah budaya Jabatan Pembangunan. Oleh itu Jabatan Pembangunan ingin menjadikan setiap anggotanya sebagai pemberi khidmat yang berkualiti dalam merealisasikan aspirasi Universiti dan Negara.

Objektif

- Memastikan persekitaran Universiti yang selari dengan falsafah kampus sejahtera.
- Menyediakan kemudahan asas infrastruktur dan perkhidmatan bangunan yang baik dan cekap dan menjurus ke arah kampus masa depan.
- Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan sokongan yang berkualiti, dan pembangunan yang berfungsi, selamat, indah dan pintar.
- Mengamalkan budaya pengurusan kerja yang berkualiti demi kepuasan pelanggan.
- Memantapkan struktur organisasi Jabatan Teknikal.
- Memantapkan pengurusan pembangunan berasaskan pengetahuan dan pengalaman.
- Pengurusan dan rangkaian organisasi yang proaktif dan berketrampilan.
- Pengurusan modal insan yang cekap dan berkesan.
- Menerap dan mengkaji garis panduan EPU untuk pembangunan IPT.
- Memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan dan penyelenggaraan seperti CMMS, BEAMS, IMOS, SIPER dan sebagainya.



Carta Organisasi



Aktiviti

Bagi mencapai objektif dan memperkukuhkan asas keperluan kemudahan dan prasarana sepanjang tahun 2010, sebanyak 34 pembangunan penting telah disempurnakan yang melibatkan pembinaan baru, kerja naik taraf, ubahsuaian, dan kerja pemeriksaan dan pengujian pendawaian elektrik.

Kerja	Lokasi
Pembinaan baru	<ul style="list-style-type: none"> • Kedai Farmasi • Jeti di Mukahead • Ruang tambahan Pusat Pengajian Teknologi Industri • Workstation 'Rooftop', HBP • 'Park Shelter' di Taman Rekreasi
Naik taraf	<ul style="list-style-type: none"> • Gelanggang Tenis • Pusat Pengajian Jarak Jauh • Annex Sanggar Sains Sdn.Bhd. • Kediaman Keluarga Pelajar, Bakti Permai • Unit Sukan • Ruang legar HBP • Unit Perdamaian • Desasiswa Indah Kembara • Desasiswa Harapan • Panggung Sasaran, Pusat Pengajian Seni • Bilik Mesyuarat, Pusat Pengajian Sains Komputer
Ubah Suaian	<ul style="list-style-type: none"> • Padang kawad • Bilik Mesyuarat Desasiswa Restu • Kaunter Perpustakaan Hamzah Sendut 2 • Auditorium Dewan Tuanku Syed Putra • Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan • Makmal dan Muzium Maritim • sains@usm • Makmal NMR Pusat Pengajian Sains Kimia • Pusat Pengajian Seni • Ruang Siswazah, Pusat Pengajian Sains Fizik • Bilik Mesyuarat Pusat Bahasa, Literasi dan Terjemahan
Pemeriksaan dan Pengujian	<ul style="list-style-type: none"> • Pagar Stadium • Bilik Server USM • Sistem Pencegahan Kebakaran, Kampus Transkrian dan Kampus Induk
Pembekalan	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar Kampus Induk

Pencapaian


Selain menyempurnakan aktiviti-aktiviti yang dirancang, pencapaian Jabatan Pembangunan boleh ditingkatkan dari segi perbelanjaan peruntukan yang memuaskan iaitu 93% bagi Peruntukan Jabatan Pusat (AJPEMB).

Cabaran

Cabaran semasa yang dihadapi Jabatan ini adalah kurangnya peruntukan kewangan. Selain sumber kewangan yang terhad, cabaran utama lain yang dihadapi ialah dalam mempercepatkan kitaran penyediaan projek.

Rumusan

Amnya, Jabatan Pembangunan telah berjaya memenuhi tanggungjawabnya untuk menyediakan prasarana fizikal yang kondusif untuk masyarakat Universiti khususnya di Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan, Seri Ampangan dan Kampus Kesihatan, Kubang Kerian. Semua ini dapat dilakukan walaupun peruntukan kewangan terhad. Bagaimanapun, Jabatan Pembangunan akan terus berusaha memperkukuhkan perkhidmatannya dalam menghadapi cabaran-cabaran masa depan selaras dengan perkembangan USM.





PENERBIT
USM

PENERBIT USM

Pengenalan

Penerbit Universiti Sains Malaysia (Penerbit USM) ialah sebuah penerbit ilmiah yang dinamik dan berwibawa. Semua dasar dan peraturannya ditentukan oleh Jawatankuasa Penerbitan Universiti (JPU) yang merupakan sebuah Jawatankuasa Tetap Senat. JPU juga bertanggungjawab mempertimbangkan permohonan untuk menerbitkan buku dan jurnal yang diterima daripada pengarang dan pusat-pusat pengajian. Dalam usaha memperkukuhkan asas dan melaksanakan transformasi bagi membantu USM mengekalkan taraf universiti penyelidikan dan universiti berstatus APEX, langkah-langkah berterusan yang agresif sentiasa diambil bagi meningkatkan serta memperbaiki sistem penyampaian (*delivery system*) Penerbit USM. Kini Penerbit USM memainkan peranan utama dalam Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) dan salah satunya adalah melalui sistem bayaran berpusat yang dikenali sebagai *Sistem Point of Sales (POS)*.

Visi

Menjadi Penerbit ilmiah kelas dunia yang menerbitkan produk bertaraf antarabangsa dan menyokong kelestarian sejagat dengan menyebarkan dan memasarkan penerbitannya secara global.

Objektif

Objektif Penerbit USM ialah menghasil dan memperkasa penerbitan ilmiah dalam bentuk buku dan jurnal untuk memperkaya khazanah ilmu dan menyebarkannya demi manfaat manusia sejagat serta memartabatkan Universiti Sains Malaysia.

Misi


Menjadi Penerbit ilmiah yang mapan dan cemerlang yang memacu aspirasi Universiti dalam usaha memaju, menyebarkan dan melestarikan ilmu.



Struktur Organisasi

Penerbit USM diketuai oleh Pengarah dan dibantu oleh enam Bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Pengeluaran, Bahagian Editorial & Perolehan, Bahagian Pemasaran, Taman Buku

& Inovasi Media, Bahagian Reka Bentuk & Multimedia Kreatif dan Bahagian Jurnal. Dua unit yang turut menyokong fungsi kerja utama Jabatan ialah Unit Siri Syarahan Umum dan Unit Perancangan Bahasa. Jumlah staf yang berjawatan tetap pada tahun 2010 adalah seramai 49 orang. Carta Organisasi Penerbit USM adalah seperti berikut:



Aktiviti

Aktiviti Pemasaran dan Jualan Buku

Aktiviti	Dalam Kampus	Luar Kampus	Jumlah
Hari Jualan Buku	10	3	13
Pesta Buku	1	6	7
Seminar/Persidangan	-	2	2
Jumlah	11	11	22

Aktiviti dan Lawatan

Lawatan Malaysia Productivity Corporation ke Taman Buku pada 11 Januari 2010.

1. Latihan Penggunaan Sistem Bayaran Berpusat pada 3–4 Februari 2010 untuk Petugas Kaunter Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2010.
2. “New Millennium Graduate Press Conference” pada 13 Mac 2010.
3. Lawatan oleh Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS) pada 22 April 2010.
4. Sesi Bicara oleh Dr. Ratna Roshida Abd. Razak (Industri dan Budaya Buku di Jepun: Apa yang Boleh Kita Pelajari) pada 23 April 2010.
5. Lawatan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka ke Bahagian Jurnal Penerbit USM pada 17 Disember 2010.
6. Lawatan daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ke Penerbit USM pada 21 Disember 2010.
7. Rombongan Universitas Pendidikan Indonesia (UPI) ke Penerbit USM pada 23 Disember 2010.

Heboh Buku 2010

Program Heboh Buku merupakan satu acara besar tahunan Penerbit USM untuk mempromosi penerbitannya sambil menyuburkan minat dan budaya membaca masyarakat. Program ini mengumpulkan penerbit-penerbit IPTA di bawah payung MAPIM dan penerbit-penerbit swasta tempatan. Ia diadakan di Permatang Pelajar dan Dataran Bintang dari 21–23 Julai 2010; Majlis Pelancarannya diadakan di Dewan Budaya USM pada 23 Julai 2010. Aktiviti Heboh Buku meliputi aktiviti majlis pelancaran buku, bicara buku, pameran dan jualan buku, bacaan puisi, dan pelbagai aktiviti untuk penyertaan orang ramai. Penerbitan yang dilancarkan berjumlah 28 buah buku dan melibatkan 53 orang pengarang.

Pencapaian

Penerbitan

Pada tahun 2010, sebanyak 86 penerbitan baharu telah berjaya diterbitkan oleh Penerbit USM. Penerbitan ini terdiri daripada 41 judul buku, 31 isu jurnal dan 14 judul siri syarahan. Statistik penerbitan adalah seperti berikut:

Jenis Penerbitan	Kategori	Jumlah
Buku	Sains	7
	Sastera	34
Siri Syarahan	Sains	7
	Sastera	7
	Wacana Seni	1
	The Malaysian Journal of Medical Sciences	4
Jurnal	Asian Academy of Management Journal of Accounting & Finance	3
	Bulletin of the M'sian Mathematical Science Society	3
	International Journal of Asia-Pacific Studies	2
	Jurnal Pendidikan Jarak Jauh Malaysia	2
	Journal Physical Science	2
	Asia Pacific Journal of Educators and Education	1
	Malaysian Journal of Pharmaceutical Sciences	2
	Asian Academy of Management Journal	4
	Tropical Life Sciences Research	2
	Journal of Construction in Developing Countries	2
	Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities	1
	Kajian Malaysia	2
	Jumlah	86

Tropical Life Science Research diindeks dalam pangkalan data SCOPUS. Selain itu, lapan jurnal USM tersenarai dalam Excellence in Research for Australia http://www.arc.gov.au/era/era_journal_list.htm, iaitu:

1. *Asian Academy of Management Journal*
2. *Asian Academy of Management Journal of Accounting and Finance*
3. *Bulletin of the Malaysia Mathematical Sciences Society*
4. *International Journal of Asia-Pacific Studies*
5. *Journal of Construction in Developing Countries*
6. *Kajian Malaysia*
7. *Malaysian Journal of Distance Education*
8. *Wacana Seni*

Anugerah Yang Diterima

1. Anugerah Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) 2009: Sijil Penghargaan (Hadiah Saguhati)

Buku: *Complex Analysis*

Pengarang: Rosihan M. Ali dan V. Ravichandran

Terbitan: Penerbit USM

2. Anugerah Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) 2009: Kategori Buku Dewasa Fiksyen

Buku: *Setaman Pantun Kenangan*

Pengarang: Abdul Halim R.

Editor Umum: Muhammad Hj. Salleh

Terbitan: Penerbit USM

3. Anugerah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) 2009

Penerbit USM melakar satu lagi kejayaan yang membanggakan apabila berjaya merangkul tiga daripada enam kategori anugerah dalam Anugerah MAPIM 2009 pada 21 Mac 2010 di Kuala Lumpur. Anugerah MAPIM diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada pengarang dan penerbit anggota MAPIM atas usaha mereka memajukan penerbitan ilmiah di Malaysia.

Maklumat lanjut pemenang-pemenang adalah seperti berikut:

Pemenang Anugerah Buku Terbaik Kemanusiaan dan Sains Sosial

Judul Buku: *Bustan al-Salatin: A Malay Mirror for Rulers*

Pengarang: Jelani Harun

Penerbit: Penerbit Universiti Sains Malaysia

Pemenang Anugerah Buku Terbaik Sains, Teknologi dan Perubatan

Judul Buku: *Cryptocoryne of Peninsular Malaysia: A Portrait of an Enchanting Plant Genus*

Pengarang: Ahmad Sofiman Othman, Niels Jacobsen dan Mashhor Mansor

Penerbit: Penerbit Universiti Sains Malaysia

Pemenang Anugerah Makalah Jurnal Terbaik Sains, Teknologi dan Perubatan

Tajuk Makalah: *Convolution and Differential Subordination for Multivalent Functions*

Nama Jurnal: *Bulletin of the Malaysian Mathematical Sciences Society* Vol. 32 No.3, 2009

Pengarang: Shamani Supramaniam, Rosihan M. Ali, See Keong Lee dan V. Ravichandran

Penerbit: Penerbit Universiti Sains Malaysia

Pengarang bagi kategori buku terbaik menerima hadiah RM12,000 serta sijil manakala Penerbit USM yang bertanggungjawab terhadap penerbitan kedua-dua penerbitan buku berkenaan turut menerima anugerah wang tunai RM3,000 bagi setiap judul. Bagi pemenang Makalah Jurnal Terbaik pula, hadiahnya ialah sijil dan wang tunai RM7,000.

4. Anugerah Sanggar Sanjung USM 2010

Berasaskan kemenangan dalam Anugerah MAPIM 2009, Penerbit USM telah dianugerahkan Anugerah Sanggar Sanjung USM 2010 seperti berikut:


- Kategori Kualiti, peringkat Kebangsaan untuk "Anugerah Buku Terbaik Sains, Teknologi & Perubatan" bernilai RM3,000, plak dan sijil berdasarkan penerbitan buku *Atlas of Craniovertebral Junction Surgery: Problems and Solutions*.
- Kategori Kualiti, peringkat Kebangsaan untuk "Anugerah Buku Terbaik Kemanusiaan & Sains Sosial" bernilai RM3,000, plak dan sijil berdasarkan penerbitan buku *Undang-Undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*.

Statistik Jualan Buku Penerbit USM (1 Januari 2010–31 Disember 2010)

Bulan	Jualan Tunai (RM)	Invois (RM)	Jumlah (RM)	Jumlah Kumulatif (RM)
Januari	7,935.30	9,327.75	17,263.05	17,263.05
Februari	4,193.00	10,864.45	15,057.45	32,320.50
Mac	21,218.25	5,486.00	26,704.25	59,024.75
April	1,985.50	11,071.20	13,056.70	72,081.45
Mei	3,012.75	15,905.30	18,918.05	90,999.50
Jun	3,369.40	14,861.65	18,231.05	109,230.55
Julai	9,627.05	24,166.15	33,793.20	143,023.75
Ogos	3,685.60	9,719.15	13,404.75	156,428.50
September	1,579.00	13,802.05	15,381.05	171,809.55
Oktober	1,861.76	15,788.70	17,650.46	189,460.01
November	2,470.20	6,800.05	9,270.25	198,730.26
Disember	9,578.75	40,810.25	50,389.00	249,119.26
Jumlah (RM)	70,516.56	178,602.70	249,119.26	

Jumlah Jualan Buku Penerbit USM 1 Januari 2010–31 Disember 2010 = RM249,119.26

Statistik Jualan Penerbit USM 1 Januari–31 Disember 2010



Cabaran

1. Masalah Perjawatan

Memandangkan tenaga kerja (staf tetap) amat tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan, Penerbit USM terpaksa melantik beberapa staf bertaraf sambilan dan pekerja khidmat singkat (PKS). Namun demikian, tempoh perkhidmatan mereka tidak dapat dipastikan oleh sebab berkemungkinan mereka akan meninggalkan Jabatan ini apabila mendapat tawaran kerja yang lebih terjamin atau berkemungkinan kontrak mereka tidak disambung sekiranya peruntukan kewangan tidak mencukupi. Banyak sumber manusia dan masa terpaksa digunakan berulang kali dari semasa ke semasa untuk mencari calon gantikan dan melatih semula pegawai baharu apabila seseorang pegawai sambilan/pekerja khidmat singkat tersebut melepaskan jawatan mereka. Hal ini secara tidak langsung akan menjejaskan fungsi teras kerja utama Jabatan.


2. Masalah ruang sedia ada

Ruang pejabat Penerbit USM sedia ada amat terhad dan kritikal. Penggunaan ruang dioptimumkan dengan keperluan staf tetap, staf sambilan dan PKS, di mana ada bilik-bilik yang terpaksa dikongsi bersama sehingga empat orang sebilik. Sebagai sebuah *publishing house*, Penerbit USM tidak harus disamakan dengan PTJ lain memandangkan bisnes teras dan sifat kerja penerbitan amat berbeza.

Selain itu, ruang tambahan juga diperlukan bagi memenuhi keperluan ruang simpanan fail pejabat dan stor buku. Ruang sedia ada sudah tidak dapat menempatkan fail dan buku yang semakin bertambah serta menjadi ruang utiliti yang tidak selamat untuk menyimpan fail dan juga buku.

Rumusan

Sejak USM mencapai taraf Universiti Penyelidikan dan berstatus APEX, Penerbit USM telah mengambil tindakan yang amat proaktif dalam usaha menjana penerbitan buku dan jurnal dengan kuantiti dan kualiti yang lebih tinggi. Setiap bahagian dan unit dalam Penerbit USM lebih fokus kepada bidang tugas masing-masing, namun bersinergi dengan yang lain secara satu pasukan bagi melaksanakan perancangan yang menyokong hala tuju USM ke arah menjadi universiti bertaraf dunia. Proses kerja editorial, grafik dan pengeluaran buku menjadi lebih mantap. Penerbitan jurnal juga lebih lancar dan berkesan. Justeru, kebelakangan ini Penerbit USM sentiasa memenangi anugerah demi anugerah buku dan makalah jurnal, terutamanya Anugerah MAPIM. Aktiviti pemasaran juga mengalami anjakan, daripada jualan tunai kepada jualan menggunakan kad kredit dan daripada pemasaran lokal kepada pemasaran global.



halaman ini sengaja dibiarkan kosong



**PUSAT
SEJAHTERA**

PUSAT SEJAHTERA

Pengenalan

Pusat Sejahtera dahulu dikenali sebagai Pusat Kesihatan USM. Ia ditubuhkan pada tahun 1969 untuk menyediakan perkhidmatan perubatan dan pergigian kepada pelajar.

Pada tahun 1974, perkhidmatan Pusat Kesihatan telah diperluaskan kepada staf dan seterusnya pada tahun 1993 telah dipanjangkan kepada tanggungan staf dan pelajar serta pesara USM.

Pengarah pertama Pusat Kesihatan, Dr. Azizi Aiyub Ghazali berkhidmat dari 1973 hingga 1989. Dr. Sharifah Mariam Syed Aidid mengambil alih dari 1989 hingga 2003. Pusat Kesihatan kemudiannya diterajui oleh Dr. Nurulain Abdullah Bayanuddin hingga kini.

Pusat Kesihatan telah melalui satu lonjakan signifikan apabila rangkaian E-klinik dilancarkan pada tahun 1999 selaras dengan arus pemodenan dan perkembangan teknologi maklumat.

Pada bulan Jun 2008, Pusat Kesihatan telah berpindah ke bangunan baru yang mempunyai ruang yang lebih luas dan selesa bagi memenuhi bilangan pesakit yang semakin meningkat.

Sejajar dengan hasrat mewujudkan Kampus Sejahtera, Pusat Kesihatan telah melalui proses penjenamaan semula dengan menukarkan nama Pusat Kesihatan kepada Pusat Sejahtera (Kesihatan & Pergigian) dan juga penciptaan logo Pusat Sejahtera.

Bangunan Baru Pusat Sejahtera telah dirasmikan pada 7 Mei 2010 oleh Naib Canselor USM, Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak.

Bermula pada bulan Disember 2010, Sekretariat Warga Sejahtera yang dahulunya di bawah pentadbiran Bahagian Pembangunan Lestari dan Korporat telah dirombak semula dan diletakkan di bawah pentadbiran Pusat Sejahtera. Dengan kewujudan unit baru ini, ia menjadikan bilangan staf Pusat Sejahtera pada akhir Disember 2010 berjumlah 60 orang.

Perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat Sejahtera adalah seperti yang berikut:

1. Perkhidmatan perubatan pesakit luar
2. Perkhidmatan pergigian
3. Perkhidmatan farmasi
4. Perkhidmatan makmal diagnostik
5. Perkhidmatan pengimejan diagnostik
6. Perkhidmatan hemodialisis
7. Perkhidmatan fisioterapi
8. Perkhidmatan kaunseling
9. Perkhidmatan pendidikan dan promosi kesihatan
 - i. Klinik Berhenti Merokok
 - ii. Klinik Pengurusan Berat Badan
 - iii. Klinik Pengurusan Diabetes
 - iv. Klinik Wanita Sejahtera
10. Perkhidmatan Klinik Panel Pelajar selepas waktu pejabat
11. Menyediakan perkhidmatan pasukan *standby* untuk sebarang program universiti
12. Menyediakan perkhidmatan doktor *on-call* selepas waktu pejabat

Seluruh warga Pusat Sejahtera begitu komited sekali untuk mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Untuk merealisasikan hasrat murni ini Pusat Sejahtera mengalu-alukan teguran, dorongan, sokongan dan juga penglibatan setiap warga kampus. Kami percaya bahawa kesihatan adalah tanggungjawab setiap individu selaras dengan kata-kata mutiara:

“Kelestarian Kunci Kesejahteraan”
“If it is to be, it is all up to me”

Visi

Mewujudkan warga kampus yang sihat secara holistik dari aspek fizikal, mental, sosial dan rohaniah dan kesejahteraan hidup bagi memenuhi hasrat Universiti ke arah mencapai kecemerlangan di peringkat global.

Misi

Mewujudkan Pusat Kesihatan yang terbaik dalam kalangan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia melalui peruntukan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti serta menawarkan program pendidikan kesihatan kepada warga kampus melalui:

- Perkhidmatan perubatan dan pergigian yang profesional dan cemerlang
- Semangat kerja berpasukan
- Dedikasi dan komitmen
- Perkhidmatan penyayang
- Pendidikan kesihatan yang berterusan
- Inovasi

bagi merealisasikan hasrat Universiti untuk mewujudkan sebuah Kampus Sejahtera demi menjamin kehidupan yang sihat untuk kelestarian hari esok.


Objektif

- Memperkuhkan aktiviti-aktiviti perubatan, kesihatan dan pergigian yang sedia ada dengan cekap dan berkesan dalam bidang:
 - Rawatan perubatan pesakit luar dan rawatan pergigian
 - Rawatan kecemasan
 - Rawatan hemodialisis
 - Rawatan fisioterapi
 - Perkhidmatan pencegahan seperti pemantauan kantin, tadika dan pencegahan pembiakan jentik-jentik
 - Khidmat kaunseling – seperti masalah mental/emosi/ pengurusan berat badan/diabetes
- Mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kesihatan dan menyebarkan pengetahuan tentang perubatan asas untuk pencegahan penyakit kronik dan penyakit berjangkit yang membahayakan melalui pendidikan perubatan, kesihatan dan pergigian secara berterusan yang meliputi perkara-perkara berikut:
 - Maklumat penggunaan ubat-ubatan secara rasional dan berkesan
 - Bekerjasama dengan Pusat Pengajian Sains Farmasi, Pusat Racun Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam usaha meningkatkan kesedaran dan pencegahan penyakit
 - Kursus Asas Pertolongan Cemas (*first-aid*) dan *CPR*
 - Bimbingan tatacara pemakanan sihat dan seimbang
 - Maklumat mengenai pencegahan penyakit berjangkit seperti cirit-birit, demam campak, *rubella*, *tuberculosis*, denggi dan lain-lain penyakit berjangkit
 - Langkah-langkah pencegahan rawatan kecederaan sukan
 - Menyampaikan maklumat mengenai *occupational hazard* kepada kumpulan sasaran yang berisiko tinggi
 - Pendidikan penjagaan kesihatan mulut/gigi
- Membangun dan memperluaskan kemudahan dan perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian dengan penggunaan teknologi terkini (tertakluk kepada perolehan peralatan).

Penguhan Asas 2010

- Selaras dengan penjenamaan semula Pusat Kesihatan kepada Pusat Sejahtera, lebih banyak aktiviti pencegahan (*preventive*) diadakan seperti saringan kesihatan, *medical surveillance*, pameran kesihatan dan juga ceramah kesihatan.
- Memantapkan lagi program kaunseling kesihatan sedia ada iaitu Klinik Kaunseling Berhenti Merokok, Klinik Pengurusan Berat Badan, Klinik Wanita Sejahtera dan Klinik Kaunseling Diabetes.
- Menggunakan pendekatan holistik dalam proses perawatan pesakit dengan membuat pemeriksaan tekanan darah untuk mengenal pasti *baseline blood pressure* dan *body mass index* semua pesakit kecuali kanak-kanak. Pesakit sentiasa diberi nasihat tentang penjagaan kesihatan yang baik.
- Mendokong seruan universiti untuk membantu golongan terkebawah – mengadakan Program Khidmat Masyarakat dan juga bekerjasama dengan PTJ yang menganjurkan program jaringan industri dan masyarakat (BJIM). Ini secara tidak langsung melatih staf Pusat Sejahtera untuk sentiasa berkorban demi kesejahteraan insan.
- Mengadakan lebih banyak kempen derma darah di Pusat Sejahtera bagi membantu mengisi bekalan tabung darah Hospital Pulau Pinang.
- Memudahkan dan melatih warga USM untuk menanamkan sifat prihatin dan penyayang terhadap masyarakat.
- Mewujudkan suasana yang lebih selesa di ruang menunggu dan mesra pesakit dan juga menyediakan sudut kanak-kanak.
- Inisiatif terbaru Pusat Sejahtera ialah menyediakan perkhidmatan fisioterapi di Unit Fisioterapi.

Carta Organisasi



Sasaran

1. 80% purata masa menunggu untuk berjumpa doktor di Unit Pesakit Luar Pusat Sejahtera, Kampus Induk adalah dalam tempoh 1 jam 45 minit selepas mendaftar di Kaunter Pendaftaran.
2. 95% keputusan ujian staf untuk *full blood count* yang dijalankan di Unit Makmal Diagnostik Pusat Sejahtera, Kampus Induk boleh diperolehi dalam tempoh 40 minit.
3. 95% purata pemeriksaan radiologi biasa di Unit Pengimejan Diagnostik di Pusat Sejahtera Kampus Induk siap dalam tempoh 20 minit.
4. 90% purata masa menunggu untuk dipanggil mendapatkan bekalan ubat di Unit Farmasi Pusat Sejahtera, Kampus Induk adalah dalam tempoh 20 minit.
5. 90% purata masa menunggu untuk dipanggil mendapatkan rawatan di Unit Pergigian Pusat Sejahtera, Kampus Induk adalah dalam tempoh 30 minit bagi pesakit yang mempunyai dan mematuhi temujanji, selepas mendaftar di Kaunter Pendaftaran.

Aktiviti

Aktiviti

Medical Surveillance – Selasa (petang)

Klinik Kaunseling Diabetes Melitus – Rabu (petang)

Klinik Berhenti Merokok – Khamis (petang)

Klinik Kesihatan Wanita – Khamis (petang)

Klinik Pengurusan Berat Badan – Jumaat (pagi)

Ujian *stress* – Jumaat (petang)

Sejahtera walk – (Rabu minggu ke-2 dan ke-4)

Perhimpunan bulanan untuk staf Pusat Sejahtera

Kempen Derma Darah

Program CPD/CME dalaman

Pemantapan/kajian semula MSISO 9001:2008

Majlis Perasmian Bangunan Baru Pusat Sejahtera

Sambutan Minggu Kesihatan Sedunia

Kursus CPR (anuran bersama Unit Latihan dan UKKPU)

Program Khidmat Masyarakat

Pemeriksaan perubatan untuk pelajar-pelajar baru SA2010/11

Aktiviti *standby* untuk program universiti

Aktiviti saringan kesihatan

Pencapaian

Perkara	
Kelancaran perkhidmatan Pesakit Luar	
Pemeriksaan berkala premis makanan/kafetaria dan pengendali makanan dalam kampus	
Kempen derma darah	
Kursus Asas Pertolongan Cemas dan CPR (anuran bersama Unit Latihan dan UKKPU)	
Mengadakan kursus/tazkirah/ceramah untuk staf	
Klinik Berhenti Merokok	
Klinik Pengurusan Berat Badan	
Kempen Kesedaran Promosi Kesihatan	
Mengadakan saringan kesihatan untuk staf dan umum	
Kelancaran perkhidmatan rawatan haemodialisis	
Rawatan pergigian	
Pembelajaran berterusan untuk staf	
Mengurangkan pembelian beg plastik	
Penjanaan pendapatan dengan aktiviti kitar semula	
Mengamalkan <i>Green Office</i>	

Petunjuk	Pencapaian	Catatan
Kuantiti – semua pesakit Masa – setiap masa	93.8%	Mencapai sasaran
Kuantiti – semua premis makanan dalam kampus Masa – setiap semester	100%	Mencapai sasaran
Kuantiti – 4 x Masa – Januari, Februari, April, Ogos	100%	Mencapai sasaran
Kuantiti – 2 x Masa – April, November	100%	Mencapai sasaran
Kuantiti – 14 x Kualiti – meningkatkan nilai modal insan	100%	Mencapai sasaran
Kuantiti – 24 peserta Kualiti – 4 peserta telah berjaya berhenti merokok	16.7%	- Kurang penyertaan dari staf/pelajar - Kekangan masa disebabkan kepentingan perkhidmatan
Kuantiti – 19 peserta Kualiti – 2 orang berjaya turunkan 5% berat badan. 1 orang berjaya turunkan 10% berat badan	15.8%	- Kurang penyertaan dari staf/pelajar - Kekangan masa kerana terlibat dengan proses penyediaan ISO
Kuantiti – 8 x	100%	Mencapai sasaran
Masa – Februari, Mac, April, Jun, Oktober (2x)	100%	Mencapai sasaran walaupun menghadapi kekangan masa dan staf kerana terlibat dengan SUKUM dan PALAPES
Kuantiti – 6 orang pesakit Masa – setiap pagi termasuk hari Sabtu dan hari Kelepasan Am	100%	Mencapai sasaran
Seramai 6,717 pesakit telah dirawat	100%	Mencapai sasaran
Sasaran – 90% staf mencapai mata minima CPD	87.5%	Seramai 4 orang staf tidak mencapai mata minima CPD kerana borang permohonan mata CPD tidak dihantar ke Unit Latihan
Ubat yang dibekalkan tidak lagi diberi beg plastik	100%	Penjimatan sebanyak RM500/tahun
Kuantiti – 8 kali Sasaran – RM200/bil.	42.5%	Purata jualan RM85/bil. Walaupun tidak mencapai sasaran jualan untuk setiap kali jualan, namun bilangan aktiviti kitar semula adalah memberangsangkan iaitu sebanyak 8 kali
Mengurangkan pembelian kertas	100%	2009 = 130 rim 2010 = 110 rim

Cabaran


1. Kekurangan staf bertugas kerana ramai staf terlibat dengan proses penyediaan dokumentasi untuk ISO dan audit dalaman.
2. Kekurangan bilangan Pegawai Perubatan kerana seorang Pegawai Perubatan bercuti tanpa gaji. Selain itu Pegawai Perubatan sedia ada perlu menguruskan program promosi kesihatan mengikut jadual.
3. Pesakit kes kronik yang tidak mematuhi / ingkar terhadap temujanji yang diberi.
4. Peningkatan bilangan pesakit kronik.
5. Cabaran dari segi fizikal bangunan – kebocoran siling apabila berlaku hujan lebat.

Rumusan

Detik kegemilangan Pusat Sejahtera pada tahun ini ialah Majlis Perasmian Bangunan Baru Pusat Sejahtera telah dapat diadakan pada 7 Mei 2010 bersempena dengan Minggu Kesihatan Sedunia.

Pada tahun ini juga Pusat Sejahtera telah menyediakan perkhidmatan pasukan *standby* dalam menjayakan majlis berprestij tinggi iaitu Majlis Sukan Universiti Malaysia (SUKUM) dan USM sebagai tuan rumah kepada Majlis Pentauliahan Pegawai PALAPES.

Secara keseluruhannya, Pusat Sejahtera telah berjaya menghampiri sasaran pencapaian perkhidmatannya bagi tahun 2010. Semua ini berjaya dilakukan dengan kerjasama dan penglibatan semua staf Pusat Sejahtera. Walaupun menghadapi beberapa kekangan dari segi kekurangan staf dan sebagainya, namun dengan sokongan dari pihak Pengurusan Universiti serta warga kampus amnya, pihak pengurusan dan pentadbiran Pusat Sejahtera sentiasa berbincang dalam mengenalpasti langkah-langkah penambahbaikan mutu perkhidmatan Pusat Sejahtera.



halaman ini sengaja dibiarkan kosong

A decorative grid pattern consisting of a series of overlapping squares and diamonds, creating a textured background for the lower half of the page.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN LESTARI DAN KORPORAT

BAHAGIAN PEMBANGUNAN LESTARI DAN KORPORAT

Pengenalan

Bahagian Pembangunan Lestari dan Korporat (BPLK) adalah bahagian yang bertanggungjawab merancang halatuju institusi dan berperanan dalam meletakkan asas yang kukuh bagi melonjakkan USM ke arah persada global.

Bermula pada tahun 2000 sebagai Bahagian Pembangunan Korporat (BPK) di bawah Pejabat Naib Canselor, fungsinya telah berkembang dari menyelaras aktiviti kualiti, sistem maklumat eksekutif serta merangka perancangan strategik USM sehinggalah merangkumi aktiviti RCE, Kampus Sejahtera, Warga Sejahtera, iPMO dan KPI Universiti.

Pada 3 September 2008 USM telah dipilih untuk menerajui Program Pemacuan Kecemerlangan (APEX). Oleh kerana pendidikan tinggi merupakan satu-satunya landasan jangka panjang yang mesti dimantapkan segera, BPLK telah diamanahkan untuk merancang dan menjalankan aktiviti transformasi melalui perancangan rapi dan terperinci. Kaedah *Blue Ocean Strategy* diaplikasikan selari dengan konsep pendidikan lestari sebagai prinsip utamanya kearah mencapai kecemerlangan USM.

Objektif

BPLK berperanan sebagai jentera penggerak perancangan strategik USM yang sejajar dengan misi USM dan Misi Nasional menjelang wawasan 2020. BPLK juga menyediakan data dan analisis maklumat untuk menyokong perancangan strategik dan pengurusan pembangunan Universiti. BPLK bertindak sebagai penyelaras dan pengantara di antara pihak Universiti dan agensi luar seperti Kementerian Pengajian Tinggi dan agensi kerajaan atau agensi swasta untuk tujuan pelaporan, audit luaran, aktiviti penarafan, pengukuran prestasi dan aktiviti lain yang berhubung terus dengan perancangan dan kecemerlangan pengajian tinggi secara umumnya. Adalah menjadi objektif BPLK untuk memastikan bahawa agenda-agenda Universiti dapat dicapai melalui program-program pengendalian, pemantauan dan pengemaskinian secara berkala. Di samping itu, BPLK di dalam proses memastikan bahawa semua data yang diperlukan bagi tujuan pelaporan dan audit adalah sentiasa terkini, lengkap dan tepat melalui penambahbaikan pada sistem pengkalan data dan operasi kerja.

Struktur Organisasi

BPLK diterajui oleh seorang Pengarah. Tanggungjawab ini dilaksanakan melalui Unit Perkhidmatan Maklumat Eksekutif, Unit Pentadbiran, Unit RCE, Unit Kampus Sejahtera, Unit Warga Sejahtera dan Unit iPMO.

Aktiviti

Unit Perkhidmatan Maklumat Eksekutif

Unit Perkhidmatan Maklumat Eksekutif bertindak sebagai pembekal utama maklumat pengurusan berteraskan teknologi maklumat dengan penggunaan kaedah-kaedah statistik.

Sepanjang tahun 2010 aktiviti utama telah berjaya dilaksanakan adalah seperti dalam Jadual 20.

Jadual 20 Aktiviti Unit Perkhidmatan Maklumat Eksekutif.

Tarikh	Aktiviti
Januari – Mac 2010	Pengauditan Dalaman Universiti Penyelidikan Bagi Tahun 2009 (audit PTJ) – penyediaan KPI dan prestasi bagi 40 pusat tanggungjawab (PTJ). Mengimplementasikan sistem ‘Key Performance Indicator – Monitoring System (KPI-MS)’ bagi tujuan pemantauan prestasi PTJ secara berkala. Prestasi PTJ bagi tahun 2009 dimajukan kepada Jawatankuasa KPI/KIP Universiti bagi tujuan pemberian insentif kepada PTJ.
Januari – April 2010	Audit Universiti Penyelidikan tahun 2007–2009 oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia - Pengauditan oleh Panel Penilai terhadap USM sebagai Universiti Penyelidikan telah diadakan pada 8–9 April 2010.
Januari – Disember 2010	Penyediaan dan pengemaskinian data USM untuk 12 ‘Critical Agenda Projects’(CAPs) di dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Juga membantu iPMO dalam persediaan: <ul style="list-style-type: none"> i) lawatan semakan keserakanan Universiti APEX pada 21–22 Januari 2010 i) lawatan semakan keserakanan ke-2 pada 2–3 November 2010 ii) lawatan semakan keserakanan ke-2 (Pra-semakan JK APEX) pada 2 Disember 2010 bagi tujuan mengukur kemajuan pelaksanaan 12 Agenda projek kritikal.
Februari – Disember 2010	Penyelarasan, penyediaan, pengemaskinian dan pengesahan data Sistem MyMoheS, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk data Semester II, Sidang Akademik 2009/2010 dan Semester I, Sidang Akademik 2010/2011.
April – Jun 2010	Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Negara (SETARA '09) – pengurusan pengumpulan maklumat dan penyediaan data SETARA '09 seperti yang dispesifikasikan oleh pihak MQA.
Jun – Disember 2010	Pengauditan Dalaman Universiti Penyelidikan Bagi Tahun 2010 (Audit PTJ) – penyediaan KPI dan prestasi 41 pusat tanggungjawab (PTJ) untuk tempoh Januari – Jun 2010 dan Januari – September 2010 bagi tujuan pemantauan prestasi PTJ secara berkala.
Disember 2010	Penyediaan KPI dan prestasi USM tahun 2010 berdasarkan kriteria Universiti Penyelidikan (MYRA) (data Januari – November 2010).
Januari – Disember 2010	Sebanyak 53 permintaan pelbagai maklumat secara <i>ad hoc</i> daripada agensi dalam dan luar USM telah diterima dan selesai dilaksanakan.

Institutional Program Management Office (iPMO) dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN)

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) telah mewujudkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) untuk mentransformasikan Pengajian Tinggi Negara dalam melahirkan modal insan kelas pertama dan menongkah Malaysia menjadi sebuah negara bertaraf negara maju. Dalam memastikan PSPTN dijalankan dengan teratur dan terancang, Projek-projek Agenda Kritikal (CAPs) telah dibangunkan dan setiap Institusi Pengajian Tinggi (IPTA) memainkan peranan bagi memastikan Petunjuk Prestasi Utama *Key Performance Indicator* (KPI) di dalam setiap CAPs dicapai melalui pelan strategik IPTA. Semasa program ini dilancarkan iaitu pada tahun 2007, sebanyak 15 CAPs diperkenalkan dan pada pertengahan tahun 2010 sebanyak 22 CAPs berjaya diwujudkan dan 17 daripada CAPs tersebut berkait terus dengan IPTA.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menubuhkan Pejabat Pengurusan Program (PMO) untuk menyelaraskan kerangka dan objektif PSPTN yang dijalankan melalui CAPs bagi membantu IPTA mencapai objektif PSPTN. PMO telah membangunkan aplikasi web yang dikenali sebagai e-PMO. Aplikasi ini menghubungkan IPTA dan PMO bagi penyelarasan data dan strategi. e-PMO juga menyediakan maklumat “real-time” yang boleh diakses oleh IPTA setiap masa. Komunikasi antara satu IPTA dengan IPTA lain akan menjadi lebih kukuh.

Universiti Sains Malaysia (USM) telah menubuhkan iPMO di bawah BPLK dan diketuai oleh Pengarah BPLK. Setiap CAP diketuai oleh seorang ketua CAP yang dilantik oleh Naib Canselor.

Ketua-ketua CAP bertanggungjawab merangka dan mengenalpasti aktiviti serta meletakkan sasaran untuk CAP masing-masing. Bagi memastikan perancangan akademik USM selari dengan objektif PSPTN, setiap aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan perlu menerapkan elemen-elemen penting PSPTN di samping elemen kelestarian yang merupakan tonggak USM.

Ketua CAP juga perlu memastikan pengumpulan dan pengemaskinian data Universiti dilaksanakan secara berkala dan sistematik dalam sistem ePMO supaya sasaran Universiti dicapai semasa Semakan Keserakanan dijalankan oleh PMO (dua kali setahun).

Lawatan Semakan Keserakanan (Peer Review) PSPTN fasa kedua bagi USM telah berlangsung pada 2–3 November 2010. Ia melibatkan semua Ketua Projek Agenda Kritikal (CAPs), iPMO USM yang diketuai oleh Pengarah BPLK serta pegawai-pegawai dari Pejabat Pengurusan Program (PMO) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Semakan ini bertujuan untuk menyemak pencapaian sebenar USM bagi KPI CAPs dan pengesahan data dan bahan bukti sepertimana yang telah diisi ke dalam ePMO. Menurut Laporan Lawatan Keserakanan yang disediakan oleh PMO, USM telah mencapai sasaran yang ditetapkan dan melalui inisiatif baru yang diambil dalam bidang kelestarian, USM mula dikenali sebagai salah satu pemimpin global yang menggerakkan aktiviti kelestarian secara sistematik di kampus pada peringkat pengajian tinggi.

Selain perancangan akademik yang mantap, kecemerlangan USM dalam agenda PSPTN juga diperkukuhkan melalui barisan kepimpinan Universiti yang berdedikasi, tadbir urus yang cekap, pembangunan Penyelidikan & Inovasi Universiti yang rancak serta budaya kerja cemerlang di kalangan warga Universiti. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti Jadual 21.

Jadual 21 Aktiviti PSPTN Sepanjang Tahun 2010

Jenis Kegiatan	Bilangan
Pengemaskinian Data	Januari 2010 sehingga Disember 2010
Semakan dan Pengauditan ePMO	3 (2 CAPS APEX : 1 CAPs PSPTN lain) 2–3 November 2010 : Semakan Keserakanan Siri 2 PSPTN
Mesyuarat Penyelarasan Peringkat Universiti	22 April 2010 : Mesyuarat J/K Ombudsmen Bilangan 1/2010 10 Mei 2010 : Taklimat bagi pengurus CAPS USM bagi Program PSPTN Fasa 1 11 Mei 2010 : Mesyuarat PMO bersama iPMO USM 17 Mei 2010 : Mesyuarat Pengisian CAPs PSPTN USM ke Laman Sesawang www.psptn.net 10 Jun 2010 : Mesyuarat bersama Ketua CAP Academia dan Leadership 7 Oktober 2010 : Mesyuarat menyelaras aktiviti PSPTN sempena Lawatan Semakan Keserakanan PMO Siri 2 Tahun 2010 13–15 November 2010 : Bengkel Pembentangan Kertas Kerja J/K Kecil <i>Talent Management</i>
Mesyuarat Penyelarasan Peringkat Kementerian	11 Januari 2010 : Bengkel Penambahbaikan Peer Review (PR) bagi Pengukuran Pencapaian PSPTN 5–7 Mac 2010 : Bengkel PSPTN Siri 1 2010 25 Mac 2010 : Seminar Perkongsian Aktiviti dalam Pelaksanaan PSPTN pada – anjuran KPT dan AKEPT 26 Mac 2010 : Bengkel PSPTN Siri 2 2010 21 September 2010 : Mesyuarat J/K Pemandu Pelan Strategik Negara (PSPTN) Bil. 8/2010 : Pembentangan Pencapaian PSPTN bagi IPTA 25 Oktober 2010 : Mesyuarat J/K Pasukan Pelaksana Projek Agenda Kritikal PSPTN : e-Learning kali ke 5 Bil 4/2010

Jadual 22 Aktiviti Program Pemacuan Kecemerlangan atau *Accelerated Program For Excellence (APEX)*.

Jenis Kegiatan	Bilangan
Semakan dan Pengauditan	20–22 Januari 2010 : Semakan CAP APEX oleh Kementerian Pengajian Tinggi 24–25 Februari 2010 : Lawatan Susulan semakan CAPs APEX oleh Kementerian Pengajian Tinggi 11–12 April 2010 : Semakan CAPs APEX (Kampus Kesihatan) 2–3 Disember 2010 : Semakan Keserakanan PSPTN Siri 2 CAP APEX oleh KPT
Mesyuarat Penyelarasan Peringkat Universiti	9 Julai 2010 : Mesyuarat Pemurnian Dokumen CAP APEX USM 16 Julai 2010 : Mesyuarat Penyelarasan 5 Agenda APEX 25 Julai 2010 : Bengkel Penyelarasan CAPs APEX USM dan Penyediaan Strategik Objektif serta KPI 29 Julai 2010 : Mesyuarat Mengemaskini SO dan KPI CAPs APEX untuk Pengisian www.psptn.net 17 September 2010 : Perbincangan pencapaian PSPTN USM kepada YB. Menteri Pengajian Tinggi 11 Disember 2010 : Mesyuarat perancangan Halatuju USM sebagai Universiti Penyelidikan dan Universiti berstatus APEX
Mesyuarat Penyelarasan Peringkat Kementerian	21 September 2010 : Pembentangan CAP APEX USM kepada YB Menteri Pengajian Tinggi Memorandum Jemaah Menteri : Laporan Kemajuan APEX USM 2009 telah dihantar pada April 2010

Fasa 1 PSPTN - Peletakan Asas (2007–2010)

Jumlah dana yang telah diterima bagi program APEX pada tahun 2009 adalah RM124.5 juta dan bagi tahun 2010 ialah sebanyak RM30 juta dan pada tahun 2011 ialah RM80 juta. Secara puratanya, jumlah ini hanyalah merangkumi 38% daripada peruntukan yang dipersetujui.

Selain daripada mencapai kesemua CAP yang disasarkan, USM juga dipertanggungjawabkan untuk sasaran CAP APEX USM. Sasaran keempat-empat objektif strategik CAP APEX USM sepanjang fasa satu adalah:

- Memacu USM ke arah Universiti Penyelidikan Bertaraf dunia dengan memberi penekanan kepada bidang penyelidikan yang menggalakkan kelestarian (*World Class Research University with Emphasis on Sustainability*). Di antara usaha-usaha ke arah ini adalah:
 - Menggalakkan penyelidikan merentas bidang (*transdisciplinary research*) yang boleh menambahbaik kualiti dan keseimbangan kehidupan. Bagi mencapai objektif ini, sasaran USM pada 2010 ialah untuk mewujudkan lima Inisiatif Penyelidikan Termaju (*Advanced Research Initiative, ARI*) yang mampu memberi impak yang signifikan kepada masyarakat sejagat. Hasil daripada semakan keserakanan yang telah dijalankan pencapaian USM ialah sebanyak enam ARIs.
 - Membangunkan makmal yang diakreditasi oleh badan antarabangsa. Sebanyak tiga makmal telah diakreditasi seperti yang disasarkan.
 - Mempergiatkan kualiti penerbitan Pusat Pengajian melalui peratusan staf yang mencapai sekurang-kurangnya 100 "citation" (*percentage of staff with 100 citations or more*). Pencapaian USM dalam perkara ini bagi 2010 ialah 6.63% berbanding 7% yang disasarkan.
 - Mempergiatkan inovasi, kreativiti dan menggalakkan penyelidik menjadi perintis. Hal ini dapat direalisasikan menerusi penubuhan *knowledge-based companies*. Sehingga akhir 2010, sebanyak tujuh buah syarikat sedang menunggu kelulusan dari USM *Commercialization Approval Committee (CAC)*.

2. Bagi melonjakkan USM sebagai pusat kelestarian global, sebanyak lima aktiviti telah dikenalpasti iaitu:

- Membangunkan sistem indikator kelestarian;
- Mengukur tahap kelestarian di ketiga kampus;
- Menggalakkan program kelestarian di peringkat pusat tanggungjawab;
- Membangunkan kerjasama dan jaringan dengan institusi dalam dan luar negara berkaitan program kelestarian; dan
- Kursus wajib mengenai perihal lestari (ekonomi, persekitaran, sosio-ekonomi, warisan dll.) diperkenalkan kepada semua pelajar tahun pertama.

Bagi tahun 2010, sebanyak 44 program berkaitan lestari di dalam konteks pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, jaringan komuniti dan Kampus Sejahtera telah dilaksanakan berbanding 40 program yang disasarkan. Indikator kelestarian telah dibangunkan dan sebagai permulaan indikator tersebut akan digunakan untuk mengaudit amalan lestari yang dipraktikkan oleh 20 Pusat Tanggungjawab di ketiga-tiga kampus.

3. Peranan USM dalam komuniti dan masyarakat ialah untuk menangani bebanan yang dihadapi golongan terkebahawah (*the bottom billions*) seperti dalam isu ekonomi, sosio-budaya, pendidikan, kesihatan dan alam sekitar. USM ingin membantu golongan ini dengan penyelesaian yang lebih lestari bagi menjamin kehidupan yang lebih sejahtera. Sebanyak tiga aktiviti utama telah dijalankan iaitu:

- Projek jaringan komuniti yang tertumpu kepada keterangkuman dengan menangani isu yang melibatkan golongan tersisih masyarakat tempatan, sejajar dengan aspirasi Model Baru Ekonomi (*New Economic Model*, NEM).
- Menubuhkan sekretariat *University-Community Engagement Champion* (UCEC)
- Menggalakkan penyertaan industri dalam aktiviti komuniti yang dianjurkan oleh USM. Jaringan ALUMNI USM turut bersama menjayakan aktiviti komuniti.

Pada tahun 2010, sasaran USM ialah untuk menjalinkan hubungan dengan tiga institusi antarabangsa/tempatan yang berminat membantu komuniti setempat. Hasil daripada semakan serakanan, USM telah menjalin kerjasama dengan 14 institusi antarabangsa/tempatan dalam memperjuangkan golongan terkebahawah.

4. Bagi memantapkan tadbir urus institusi sebanyak tujuh agenda utama telah dilaksanakan secara berperingkat di USM menerusi *Strategic Objective Change Management* agar tadbir urus dalaman universiti dapat dimantapkan. Program tersebut ialah:

- **Program universiti untuk Governan**

Pada tahun 2010, sebanyak tiga program telah berjaya dilaksanakan berbanding satu yang disasarkan. Program tersebut ialah penyediaan deraf perlembagaan Universiti APEX, nyah-pusat Jabatan Bendahari dan Jabatan Pendaftar ke Pusat Tanggungjawab.

- **Mempertingkatkan bakat pelajar**

Melalui program *Continuous Student Development* atau MyCSD yang diperkenalkan bagi pelajar pra-siswazah dan pasca-siswazah, pada tahun 2010, peratus pelajar yang disasarkan menyertai program ini ialah sebanyak 60% tetapi pencapaian USM selepas semakan keserakanan ialah sebanyak 57% penyertaan.

- **Memperkenalkan inisiatif baru di dalam meningkatkan kualiti bakat staf**

Sebanyak lapan program telah dibangunkan pada tahun 2010 untuk mempertingkatkan kualiti bakat staf. Namun demikian pada akhir tahun 2010, sebanyak lima program berjaya diimplimentasikan.

- ***Nurturing and Grooming Talents* – Memperkenalkan inisiatif baru.**

Untuk tahun 2010, sebanyak lapan inisiatif baru telah disasarkan untuk memperkasa bakat staf tetapi pada akhir tahun 2010 sebanyak lima inisiatif baru telah dilaksanakan dan tiga inisiatif lagi masih menunggu kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti.

- **Meningkatkan Sumber Kewangan Universiti**

USM mensasarkan penjanaan kewangan berbanding *grant-in-aid* sebanyak 25% dan pencapaian sebenar selepas semakan keserakanan adalah sebanyak 22%.

- ***Nurturing and Learning***

Memperkenalkan inisiatif baru untuk *nurturing and learning*. USM mensasarkan dua inisiatif baru diperkenalkan pada tahun 2010 dan berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan. Program tersebut ialah penubuhan Parlimen Mahasiswa USM dan *Student Entrepreneurial Development Initiatives Agenda* (SEDIA) untuk mendidik dan menggalakkan mahasiswa berkecimpung dalam bidang perniagaan.

- Mempromosi, memasar dan memacu projek/program *flagship* USM telah mensasar sebanyak tiga projek/program *flagship* pada tahun 2010 dan berjaya mencapai sasaran tersebut.

Lawatan Semakan Keserakanan (Peer Review) Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), fasa kedua bagi CAP APEX USM telah berlangsung pada 2–3 Disember 2010. Laporan semakan menyatakan bahawa USM telah mencapai sasaran yang ditetapkan dan USM bersedia untuk memacu ke hadapan dengan melakukan perubahan pesat dalam aktiviti pengajian tinggi Negara. Keberhasilan CAP APEX USM ini telah didokumentasi melalui penerbitan buku APEX USM 2009 & 2010.

Memorandum Persefahaman dan Memorandum Perjanjian

Pada tahun 2010, BPLK telah mengurus penyediaan 137 dokumen Memorandum Persefahaman (MoU), Memorandum Perjanjian (MoA) yang telah dipersetujui oleh USM dengan organisasi dalam dan luar Negara. Dokumen-dokumen ini telah disediakan dengan kerjasama Unit Perundangan yang telah membantu menyemak dokumen daripada aspek perundangan dan Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan yang telah membantu dalam aspek penterjemahan dan tatabahasa.

Petunjuk Prestasi USM (KPI & KIP USM)

BPLK bertindak sebagai sekretariat KPI & KIP USM. BPLK akan mengumpul data Pusat-pusat Tangjawab (PTJ) mengikut perincian petunjuk Universiti Penyelidikan. Tugas mengaudit PTJ mengikut skim pemarkahan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa KPI & KIP USM akan dijalankan bagi memastikan setiap PTJ mencapai "*benchmark*" pencapaian yang dipersetujui. Bengkel KPI & KIP USM bagi menilai pencapaian PTJ bagi tahun 2010 telah diadakan pada 23 dan 24 Februari 2011. Pusat Racun Negara telah mencapai markah tertinggi bagi aktiviti audit KPI & KIP USM bagi tahun 2010.


Cabaran

BPLK telah mengenalpasti tiga cabaran utama sepanjang tahun 2010 iaitu:

- Kekangan Kewangan dan staf
- Keperluan dan permintaan daripada pihak kementerian adalah secara *ad-hoc* dan tidak terancang
- Kesuntukan masa ekoran permintaan audit dan semakan yang terlalu banyak menyebabkan kurang tumpuan kepada fungsi utama BPLK iaitu menjalankan perancangan strategik untuk Universiti dan PTJ.

Rumusan

Sejak penubuhannya, BPLK telah meneliti satu per satu misi Universiti daripada segi perancangan dan kecemerlangan akademik serta penyampaian perkhidmatan Universiti kepada masyarakat kampus dan masyarakat luar. Misi ini diberi tumpuan khusus agar pelan strategik yang digubal mampu membantu Universiti mengorak langkah dalam meraih kejayaan dalam abad ke-21 ini disamping menyahut saranan kerajaan menjayakan Program Transformasi Kerajaan (GTP).



halaman ini sengaja dibiarkan kosong



LAPORAN KEWANGAN

STATISTIK KEWANGAN

LAPORAN KEWANGAN

Pendapatan Mengurus

Pendapatan mengurus Universiti Sains Malaysia pada tahun 2010 adalah sebanyak RM952,447,323 iaitu 0.08% lebih rendah daripada pendapatan mengurus tahun 2009, yang berjumlah RM953,224,669. Pemberian daripada kerajaan berjumlah RM878,700,626 atau 92.2% daripada jumlah pendapatan keseluruhan. Manakala yuran pelajar pula berjumlah RM55,894,290 atau 5.9%. Pendapatan lain berjumlah RM17,852,407 atau 1.9%. Jadual 23 meringkaskan pendapatan mengurus untuk tempoh dua tahun.

Jadual 23 Pendapatan Mengurus

	Tahun 2010		Tahun 2009	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Pemberian Kerajaan	878.7	92.2	891.6	93.5
Yuran Pelajar	55.9	5.9	43.0	4.5
Pendapatan Lain	17.8	1.9	18.6	2.0
Jumlah	952.4	100	953.2	100

Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus Universiti Sains Malaysia pada tahun 2010 adalah berjumlah RM886,317,639 iaitu 8.4% lebih rendah daripada perbelanjaan mengurus tahun 2009 berjumlah RM968,246,531. Sebahagian besar daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan iaitu sebanyak RM509,690,961 atau 57.5% adalah untuk pembayaran emolumen. Perbelanjaan emolumen telah meningkat sebanyak 8.08% berbanding dengan perbelanjaan emolumen tahun 2009. Manakala baki 42.5% atau RM376,626,678 adalah untuk perbelanjaan bukan emolumen. Perbelanjaan bukan emolumen telah menurun sebanyak 24.6% iaitu daripada RM499,734,829 pada tahun 2009 kepada RM376,626,678 pada tahun 2010. Jadual 24 meringkaskan perbelanjaan mengurus untuk tempoh dua tahun.

Jadual 24 Pecahan Perbelanjaan Mengurus

	Tahun 2010		Tahun 2009	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Emolumen	509.6	57.5	468.5	48.4
Perkhidmatan dan Bekalan	241.2	27.2	283.5	29.3
Pembelian Harta Modal	28.2	3.2	77.9	8.1
Pemberian dan Kenaan Tetap	95.0	10.7	128.2	13.2
Perbelanjaan Lain	12.2	1.4	10.1	1.0
Jumlah	886.3	100	968.2	100

Secara keseluruhan, lebih pendapatan atas perbelanjaan mengurus Universiti adalah berjumlah RM66,129,684 iaitu 540.2% lebih tinggi daripada kekurangan pada tahun 2009 iaitu sebanyak RM15,021,862. Sehubungan dengan ini, jumlah baki lebih terkumpul perbelanjaan mengurus tahun 2010 telah meningkat sebanyak RM42,796,875 atau 283.4% berbanding kurangan RM23,332,809 pada tahun 2009.

Jadual 25 Lebihan Perbelanjaan Mengurus

	Tahun 2010 RM JUTA	Tahun 2009 RM JUTA
Pendapatan	952.44	953.22
Perbelanjaan	886.32	968.24
Kekurangan untuk tahun	66.12	(15.02)
Pindahan	-	(0.10)
Kelebihan / (kekurangan) terkumpul awal tahun	(23.33)	(8.21)
Kekurangan terkumpul akhir tahun	42.79	(23.33)
	=====	=====

Pendapatan Pembangunan

Pendapatan pembangunan Universiti Sains Malaysia pada tahun 2010 adalah berjumlah RM216,722,747 (termasuk RM3,492,959 untuk Fundamental Research Grant Scheme) iaitu 19.1% lebih rendah daripada pendapatan pembangunan tahun 2009 berjumlah RM268,084,243.

Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan pembangunan Universiti Sains Malaysia pada tahun 2010 adalah berjumlah RM230,022,022 (termasuk RM5,816,578 untuk Fundamental Research Grant Scheme) iaitu 38.7% lebih tinggi daripada perbelanjaan pembangunan tahun 2009 berjumlah RM165,865,472 (termasuk RM7,826,617 untuk Fundamental Research Grant Scheme). Perbelanjaan pembangunan dapat diringkaskan kepada perbelanjaan untuk tanah, bangunan dan kemudahan, alat kelengkapan dan buku serta bekalan dan perkhidmatan lain.

Perbelanjaan untuk tanah, bangunan dan infrastruktur bagi tujuan pembangunan pada tahun 2010 berjumlah RM184,652,560 iaitu 43.9% lebih tinggi daripada perbelanjaan pada tahun 2009 berjumlah RM103,575,301. Jadual 26 menunjukkan secara terperinci perbandingan pecahan perbelanjaan pembangunan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2009 dan 2010.

Jadual 26 Perbelanjaan Pembangunan

	Tahun 2010		Tahun 2009	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Tanah, Bangunan dan Kemudahan	184.6	80.3	103.6	62.5
Alat Kelengkapan dan Buku	35.5	15.4	52.4	31.6
Bekalan dan Perkhidmatan Lain	9.9	4.3	9.8	5.9
Jumlah	230.0	100	165.8	100

Terdapat kurangan pendapatan atas perbelanjaan pembangunan pada tahun 2010 berjumlah RM13,299,275 berbanding dengan lebih pendapatan atas perbelanjaan pada tahun 2009 berjumlah RM102,218,771, menurun sebanyak RM88,919,496 atau 113%.

Kurangan terkumpul sebanyak RM13,299,275 juta telah mengurangkan kurangan terkumpul perbelanjaan pembangunan daripada RM94,238,335 juta pada tahun 2009 kepada RM80,945,222 juta pada tahun 2010 seperti tertera di Jadual 27.

Jadual 27 Lebihan Perbelanjaan Pembangunan

	Tahun 2010 RM JUTA	Tahun 2009 RM JUTA
Pendapatan	216.7	268.0
Perbelanjaan	230.0	165.8
Kelebihan/Kekurangan untuk tahun	(13.3)	102.2
Pelarasan	-	0.5
Kelebihan / (kekurangan) terkumpul awal tahun	94.2	(8.5)
Kekurangan terkumpul akhir tahun	80.9	94.2
	=====	=====

Pendapatan Penyelidikan E-Science

Pendapatan penyelidikan E-Science Universiti Sains Malaysia pada tahun 2010 adalah berjumlah RM1,579,570 iaitu 84.9% lebih rendah berbanding pada tahun 2009 berjumlah RM10,526,450 daripada kerajaan. Pemberian wang ini merupakan peruntukan untuk membiayai projek-projek penyelidikan jangka pendek.

Perbelanjaan Penyelidikan E-Science


Perbelanjaan penyelidikan E-Science Universiti Sains Malaysia pada tahun 2010 adalah berjumlah RM6,814,247 iaitu 154.7% lebih rendah berbanding pada tahun 2009 berjumlah RM17,355,087. Daripada jumlah ini, 8.3% ialah perbelanjaan untuk alat kelengkapan dan buku dan baki sebanyak 91.7% ialah perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan yang lain. Perbelanjaan ke atas alat kelengkapan dan buku telah menurun sebanyak 413.2% dalam tahun 2010 berbanding tahun 2009. Manakala bagi perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan lain pula menurun sebanyak 131.1% dalam tahun 2010 berbanding tahun 2009. Ini dapat dilihat dengan jelas di dalam Jadual 28.

Jadual 28 Perbelanjaan Penyelidikan E-Science


	Tahun 2010		Tahun 2009	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Alat Kelengkapan dan Buku	0.6	8.3	2.9	16.8
Bekalan dan Perkhidmatan Lain	6.2	91.7	14.4	83.2
Jumlah	6.8	100	17.3	100

STATISTIK KEWANGAN

Pendapatan 2010




Pendapatan 2009




Mengurus
 Am
 Enterprise
 Universiti Penyelidikan
 Universiti APEX
 Pembangunan

PENDAPATAN UNIVERSITI TAHUN 2010 DAN 2009 MENGIKUT KUMPULAN WANG

Perbelanjaan 2010





Perbelanjaan 2009





Mengurus
 Am
 Enterprise
 Universiti Penyelidikan
 Universiti APEX
 Pembangunan

PERBELANJAAN UNIVERSITI TAHUN 2010 DAN 2009
MENGIKUT KUMPULAN WANG


Pendapatan Kumpulan Wang



Pecahan Pendapatan




Perbelanjaan Kumpulan Wang




Mengurus
 Am
 Enterprise
 Universiti Penyelidikan
 Universiti APEX
 Pembangunan

Pecahan Perbelanjaan




Emolumen
 Perkhidmatan & Bekalan
 Aset
 Pemberian & Kenaan
 Perbelanjaan Lain

Peruntukan Belanja Mengurus





Peruntukan, Pendapatan dan Perbelanjaan Mengurus



Peruntukan
 Pendapatan
 Perbelanjaan

Harta Bersih Universiti






halaman ini sengaja dibiarkan kosong

kandungan

PENYATA KEWANGAN

Penyata Ahli Lembaga Pengarah	119
Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Universiti Sains Malaysia	120
Lembaran Imbangan	121
Penyata Pendapatan	123-124
Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang	125-126
Penyata Aliran Tunai	127-129
Lembaran Imbangan Kumpulan Wang Mengurus	130
Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus	131
Nota Kepada Penyata Kewangan	132-165



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010**

Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakuan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2010, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan Penyata Kewangan yang disatukan.

(DATO' HJ. ANWARI BIN SURI)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
12 OGOS 2011

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENYATA Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (AKAUN KUMPULAN)

Kami, **PROFESOR EMERITUS DATO' DR M. ZAWAWI ISMAIL** dan **PROFESOR TAN SRI DATO' DZULKIFLI ABDUL RAZAK** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA** pada 31 Disember 2010 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga,




.....
PROFESOR EMERITUS DATO' DR M. ZAWAWI ISMAIL
Pengerusi Lembaga Pengarah

Tarikh: 29 Mac 2011

Tempat: Pulau Pinang

Bagi Pihak Lembaga,



.....
PROFESOR TAN SRI DATO' DZULKIFLI ABDUL RAZAK
Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh: 29 Mac 2011


Tempat: Pulau Pinang

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Saya, **SALMIAH CHE PUTEH (No K/P : 550919-07-5224)** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di **Seberang Jaya**
pada **29 Mac 2011**



.....
SALMIAH CHE PUTEH

Di hadapan saya,

.....
PESURUHJAYA SUMPAH
No. 44-A, Tingkat Satu,
Jalan Todak 4,
Bandar Seberang Jaya,
13700 Perai, Pulau Pinang

PESURUHJAYA SUMPAH
No: P114
Nama:
K.O. ELLANGKOVAN
PKT, PJK, PJM
MALAYSIA

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2010

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	4	864,697,475	864,108,929	859,737,240	862,556,812
KERJA DALAM KEMAJUAN	5	334,692,323	161,902,346	334,692,323	161,902,346
PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI	6	-	-	5,000,000	5,000,000
PELABURAN DALAM HARTANAH PAJAKAN	7	4,745,021	4,745,021	-	-
PELABURAN SYARIKAT USAHASAMA	8	108,406	-	-	-
PELABURAN JANGKA PANJANG	9	6,160,000	6,155,000	6,160,000	6,155,000
ASET SEMASA					
Inventori	10	369,819	388,452	360,891	379,855
Pelaburan Jangka Pendek	11	12,744,293	24,308,273	11,773,476	20,492,223
Penghutang Pinjaman	12	11,632,777	12,565,029	11,632,777	12,565,029
Penghutang dan Pelbagai	13	55,454,447	50,628,195	50,835,939	42,097,711
Hutang dari Syarikat Subsidiari	14	-	-	5,800,362	6,295,425
Hutang dari Syarikat Sub - Subsidiari	15	-	-	1,167,492	836,663
Cagaran dan Prabayar	16	11,812,937	8,124,026	11,812,937	8,124,026
Simpanan Tetap	17	555,882,732	626,962,746	534,970,178	613,867,178
Wang Di Tangan dan Di Bank	18	70,824,340	72,835,635	61,101,081	68,095,726
		718,721,345	795,812,356	689,455,133	772,753,836
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang dan Pelbagai	19	145,091,686	146,493,011	125,823,016	133,170,773
Cagaran	20	16,063,356	14,404,516	16,063,356	14,404,516
Biasiswa / Dermasiswa	21	8,536,704	11,134,135	8,536,704	11,134,135
		2	2	-	-
Geran Jangka Pendek	22	7,477,069	7,325,153	-	-
Cukai		154,276	27,811	-	-
		177,323,093	179,384,628	150,423,076	158,709,424
ASET SEMASA BERSIH					
		541,398,252	616,427,728	539,032,057	614,044,412
		1,751,801,477	1,653,339,024	1,744,621,620	1,649,658,570

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2010

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
DIBIYAI OLEH:					
KUMPULAN WANG MENGURUS	23	149,858,190	94,355,454	149,858,190	94,355,454
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN UNIVERSITI	24	154,568,444	164,218,188	154,568,444	164,218,188
KUMPULAN WANG AM	25	309,477,538	340,379,824	309,477,538	340,379,824
KUMPULAN WANG ENTERPRISE	26	170,498,871	164,098,399	170,639,216	164,238,744
KUMPULAN WANG UNIVERSITI PENYELIDIKAN	27	47,087,687	67,877,590	47,087,687	67,877,590
KUMPULAN WANG UNIVERSITI APEX	28	52,808,591	88,412,705	52,808,591	88,412,705
KEUNTUNGAN TERSIMPAN SYARIKAT SUBSIDIARI /		7,091,431	2,679,065	-	-
		<u>891,390,752</u>	<u>922,021,225</u>	<u>884,439,666</u>	<u>919,482,505</u>
REZAB MODAL	29	484,220	441,832	372,449	330,061
GERAN PEMBANGUNAN KERAJAAN	30	837,774,174	708,118,465	837,774,174	708,118,465
CUKAI TERTUNDA	31	117,000	(9,008)	-	-
GERAN JANGKA PANJANG	32	-	1,038,971	-	-
MANFAAT PEKERJA		22,035,331	21,727,539	22,035,331	21,727,539
		<u>1,751,801,477</u>	<u>1,653,339,024</u>	<u>1,744,621,620</u>	<u>1,649,658,570</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
PENDAPATAN					
Pemberian Kerajaan - Belanja Mengurus		878,700,626	891,646,500	878,700,626	891,646,500
Pemberian Kerajaan - E-Science		1,579,570	10,526,449	1,579,570	10,526,449
Pemberian Kerajaan - APEX		30,000,000	124,500,000	30,000,000	124,500,000
Yuran Pengajian		73,035,435	59,492,677	73,035,435	59,492,677
Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan		87,067,038	69,297,197	87,067,038	69,297,197
Sewa		8,151,501	7,974,871	6,527,342	6,305,333
Dividen		1,089,678	688,385	1,024,768	638,250
Faedah		9,532,906	10,963,167	9,108,508	10,795,003
Perkhidmatan Hospital		10,002,200	7,899,049	9,426,570	7,899,049
Sumbangan untuk Penyelidikan dan lain	33	36,543,400	58,049,245	36,543,400	58,049,245
Pendapatan Lain	34	64,341,540	45,494,017	33,113,914	27,486,116
		1,200,043,894	1,286,531,557	1,166,127,171	1,266,635,819

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
PERBELANJAAN					
Emolumen		553,010,008	505,134,141	547,637,868	501,435,674
Perkhidmatan dan Bekalan		416,118,243	432,775,184	399,459,330	418,893,357
Pembelian Harta Modal		35,885,547	35,928,774	35,885,547	35,928,774
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		56,300,424	55,744,939	56,300,424	55,744,939
Elaun Untuk Hutang Ragu		5,257,878	2,758,275	4,892,598	2,680,888
Kerugian Akibat Kejatuhan Nilai Pelaburan - Pelaburan Jangka Pendek		9,800	69,583	-	-
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan		95,998	368,392	93,603	339,115
Susutnilai		150,992,909	133,535,307	145,912,217	133,104,669
Perbelanjaan Lain		12,024,955	10,773,476	10,892,883	10,129,890
		1,229,695,762	1,177,088,071	1,201,074,470	1,158,257,306
		(29,651,868)	109,443,486	(34,947,299)	108,378,513
Cukai	35	(753,605)	(309,026)	(95,540)	(34,299)
		(30,405,473)	109,134,460	(35,042,839)	108,344,214

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN WANG PADA 31 DISEMBER 2010

KUMPULAN	Kumpulan Wang	Kumpulan Wang	Kumpulan Wang	Kumpulan Wang	Kumpulan Wang	Kumpulan Wang	Keuntungan	Jumlah
	Mengurus	Pembangunan	Am	Enterprise	Universiti	Universiti APEX	Tersimpan	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	Syarikat Subsidiari	RM
Pada 1 Januari 2009	87,533,243	173,927,766	344,146,413	157,083,401	48,307,123	-	1,868,819	812,866,765
Lebihan / (Kurangan) bersih bagi tahun	6,922,211	(9,709,578)	(8,212,827)	7,011,236	19,570,467	92,762,705	810,246	109,154,460
Pindahan	(100,000)	-	4,446,238	3,762	-	(4,350,000)	-	-
	6,822,211	(9,709,578)	(3,766,589)	7,014,998	19,570,467	88,412,705	810,246	109,154,460
Pada 31 Disember 2009	94,355,454	164,218,188	340,379,824	164,098,399	67,877,590	88,412,705	2,679,065	922,021,225
Lebihan / (Kurangan) bersih bagi tahun	55,502,736	(9,649,744)	(30,916,801)	6,414,987	(20,789,903)	(35,604,114)	4,637,366	(30,405,473)
Pindahan	-	-	14,515	(14,515)	-	-	(225,000)	(225,000)
	55,502,736	(9,649,744)	(30,902,286)	6,400,472	(20,789,903)	(35,604,114)	4,412,366	(30,630,473)
Pada 31 Disember 2010	149,858,190	154,568,444	309,477,538	170,498,871	47,087,687	52,808,591	7,091,431	891,390,752

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN WANG UNIVERSITI PADA 31 DISEMBER 2010

UNIVERSITI	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	Kumpulan Wang Am	Kumpulan Wang Enterprise	Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan	Kumpulan Wang Universiti APEX	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2009	87,533,243	173,927,766	344,146,413	157,223,746	48,307,123	-	811,138,291
Lebihan / (Kurangan) bersih bagi tahun Pindahan	6,922,211 (100,000)	(9,709,578) -	(8,212,827) 4,446,238	7,011,236 3,762	19,570,467 -	92,762,705 (4,350,000)	108,344,214 -
	6,822,211	(9,709,578)	(3,766,589)	7,014,998	19,570,467	88,412,705	108,344,214
Pada 31 Disember 2009	94,355,454	164,218,188	340,379,824	164,238,744	67,877,590	88,412,705	919,482,505
Lebihan / (Kurangan) bersih bagi tahun Pindahan	55,502,736 -	(9,649,744) -	(30,916,801) 14,515	6,414,987 (14,515)	(20,789,903) -	(35,604,114) -	(35,042,839) -
	55,502,736	(9,649,744)	(30,902,286)	6,400,472	(20,789,903)	(35,604,114)	(35,042,839)
Pada 31 Disember 2010	149,858,190	154,568,444	309,477,538	170,639,216	47,087,687	52,808,591	884,439,666

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Kelebihan pendapatan atas perbelanjaan sebelum cukai	(29,651,868)	109,463,486	(34,947,299)	108,378,513
Pelarasan untuk:				
Susutnilai	150,996,209	133,531,423	145,915,517	133,104,669
Pendapatan dividen	(63,164)	(50,135)	(1,024,768)	(638,250)
Pendapatn geran perbelanjaan	-	(704,146)	-	-
Faedah diterima	(9,532,906)	(10,979,825)	(9,108,508)	(10,795,003)
Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan	(87,067,038)	(69,297,197)	(87,067,038)	(69,297,197)
Muhibbah atas Penyatuan dihapuskira	-	(48,696)	-	-
Pendapatan Pelaburan	(31,618)	(27,106)	-	-
Kerugian akibat kejatuhan nilai pelaburan	(4,700,898)	(12,934)	-	-
Rosotnilai Saham	21,000	-	21,000	-
Pelunasan geran perbelanjaan	(5,267,360)	-	-	-
Kerugian akibat kejatuhan nilai pelaburan tidak lagi diperlukan	(667,072)	(1,826,537)	(635,126)	(1,896,120)
Pelupusan hartanah, loji dan peralatan	95,998	368,392	93,603	339,115
Elaun untuk hutang ragu	5,257,878	2,758,275	4,892,598	2,680,888
Elaun untuk hutang ragu tidak lagi diperlukan	(2,403,697)	(681,341)	(2,399,503)	(669,853)
Manfaat Pekerja	307,792	1,567,586	307,792	1,567,586
Keuntungan syarikat Usahama	(83,406)	-	-	-
Keuntungan atas pelaburan Jangka Pendek	(96,993)	-	(96,993)	-
Keuntungan atas pelupusan pelaburan Jangka Panjang	(158,404)	-	-	-
Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	16,954,453	164,061,245	15,951,275	162,774,348
Inventori	18,633	16,474,752	18,964	16,472,907
Penghutang	(10,554,212)	(3,434,285)	(13,823,748)	(2,218,970)
Pemiutang	(2,053,461)	13,404,108	(8,286,348)	12,190,143
Tunai dijanakan daripada aktiviti operasi	4,365,413	190,505,820	(6,139,857)	189,218,428

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

	KUMPULAN		UNIVERSITI		
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM	
Pembayaran Cukai	(575,988)	(390,695)	(95,540)	(34,299)	
Tunai bersih dari / (digunakan dalam) aktiviti operasi	3,789,425	190,115,125	(6,235,397)	189,184,129	
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN					
Perolehan hartanah, loji dan peralatan	Nota A	(115,721,047)	(140,252,838)	(114,682,813)	(139,826,041)
Tambahan kerja dalam kemajuan		(201,296,713)	(124,273,574)	(201,296,713)	(124,273,574)
Penjualan Pelaburan Jangka Pendek		13,350,781	-	10,096,993	-
Perolehan Aset tak Ketara		(7,452,971)	-	-	-
Pendapatan Pelaburan		31,618	-	-	-
Pembelian Pelaburan Jangka Pendek		(872,943)	(1,211,210)	(629,738)	(1,211,210)
Dividen diterima		63,164	-	1,024,768	638,250
Faedah diterima		9,438,427	10,983,505	9,108,508	10,795,003
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(302,459,684)	(254,754,117)	(296,378,995)	(253,877,572)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Geran kerajaan untuk pembangunan		216,722,747	268,084,243	216,722,747	268,084,243
Geran diterima		9,081,203	9,081,204	-	-
Pembayaran Dividen		(225,000)	-	-	-
Tunai Unit Amanah dalam Bank		(250,000)	-	-	-
Tambahan Simpanan Tetap		(1,368,881)	-	-	-
Tunai bersih dari aktiviti pembiayaan		223,960,069	277,165,447	216,722,747	268,084,243

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2010 RM	2009 RM	2010 RM	2009 RM
Kelebihan / (Kekurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(74,710,190)	212,526,455	(85,891,645)	203,390,800
Tunai dan tunai setara pada 1 Januari	699,172,725	486,646,270	681,962,904	478,572,104
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	624,462,535	699,172,725	596,071,259	681,962,904
Simpanan Jangka Pendek	553,638,195	626,837,090	534,970,178	613,867,178
Wang tunai dan baki di bank	70,824,340	72,335,635	61,101,081	68,095,726
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	624,462,535	699,172,725	596,071,259	681,962,904

NOTA A:

Kerja dalam kemajuan yang berjumlah RM28,506,736 (2009 : RM32,835,142) diklasifikasi ke hartanah, loji dan peralatan dikontrakkan dengan jumlah tambahan kerja dalam kemajuan.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
LEMBARAN IMBANGAN KUMPULAN WANG MENGRUS PADA 31 DISEMBER 2010

	NOTA	UNIVERSITI	
		2010 RM	2009 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	4	101,921,646	112,512,387
KERJA DALAM KEMAJUAN	5	5,139,669	5,175,876
ASET SEMASA			
Penghutang dan Pelbagai	13	38,292,652	19,289,233
Hutang dari Syarikat Subsidiari	14	(284,741)	(283,834)
Cagaran dan Prabayar	16	10,496,821	7,108,154
Simpanan Tetap	17	215,919,629	312,216,629
Wang Di Tangan dan Di Bank	18	(119,491,953)	(255,590,566)
		144,932,408	82,739,616
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang dan Pelbagai	19	61,326,238	63,598,354
Cagaran	20	10,470,279	9,833,814
Biasiswa / Dermasiswa	21	8,536,704	11,134,135
		80,333,221	84,566,303
ASET SEMASA BERSIH		64,599,187	(1,826,687)
		171,660,502	115,861,576
DIBIAYAI OLEH:			
KUMPULAN WANG MENGRUS	23	149,858,190	94,355,454
MANFAAT PEKERJA		21,802,312	21,506,122
		171,660,502	115,861,576

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PENDAPATAN KUMPULAN WANG MENGRUS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

	UNIVERSITI	
	2010 RM	2009 RM
PENDAPATAN		
Pemberian Kerajaan - Belanja Mengurus	878,700,626	891,646,500
Yuran Pengajian	55,894,290	42,996,590
Faedah	5,476,356	7,328,175
Perkhidmatan Hospital	4,630,181	4,795,613
Sewa	1,084,328	1,072,497
Pendapatan Lain	6,661,542	5,385,294
	952,447,323	953,224,669
PERBELANJAAN		
Emolumen	509,690,961	468,511,702
Perkhidmatan dan Bekalan	241,193,138	283,543,211
Pembelian Harta Modal	2,520,216	20,450,317
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	94,984,646	128,157,404
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	23,244	22,657
Elaun Untuk Hutang Ragu	4,892,598	2,680,888
Susutnilai	36,340,211	35,533,934
Perbelanjaan Lain	7,299,573	7,402,345
	896,944,587	946,302,458
Lebihan Pendapatan atas Perbelanjaan sebelum Cukai	55,502,736	6,922,211
Cukai	-	-
Lebihan Pendapatan atas Perbelanjaan sebelum Cukai	55,502,736	6,922,211

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

1 MAKLUMAT AM

(i) KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Universiti sepanjang tahun kewangan adalah untuk meningkatkan mutu pendidikan dalam usaha untuk melahirkan siswazah yang cemerlang demi memenuhi keperluan gunatenaga negara dan menjadi pusat kecemerlangan di bidang penyelidikan dengan penumpuan kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Kegiatan utama Syarikat Subsidiari sepanjang tahun kewangan adalah menyediakan perkhidmatan makmal dan perundingan, kontrak penyelidikan dan pembangunan, perkhidmatan pengurusan, sewa kecil ruang pejabat dan peralatan serta perdagangan.

(ii) LOKASI KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Universiti dijalankan di lokasi-lokasi berikut:

- (a) Kampus Induk di Minden, Pulau Pinang.
- (b) Kampus Kesihatan di Kubang Kerian, Kelantan.
- (c) Kampus Kejuruteraan di Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

(iii) TARIKH PENYATA KEWANGAN DILULUSKAN

Penyata Kewangan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti dalam mesyuarat khas Lembaga yang bersidang pada 29 Mac 2011.

2 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING

Kesemua dasar-dasar perakaunan penting sepertimana yang dinyatakan di bawah adalah konsisten sepertimana yang diamalkan di dalam tahun-tahun yang lalu.

2.1 ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Universiti disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah, kecuali disebut sebaliknya di dalam pernyataan dasar perakaunan sepertimana dinyatakan di bawah. Penyata kewangan Universiti juga disediakan selaras dengan peruntukan yang telah ditetapkan oleh Akta Universiti dan Kolej Universiti (pindaan) 1996 dan piawaian perakaunan yang diluluskan.

2.2 PENYATUAN

Penyata kewangan kumpulan meliputi semua kumpulan wang Universiti dan Syarikat Subsidiarinya yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan. Penyata kewangan Syarikat Subsidiari diambilkira dalam penyata kewangan yang disatukan dari tarikh kawalan bermula secara efektif sehingga ke tarikh kawalan tamat. Kaedah untuk menyatukan akaun Universiti dengan akaun Syarikat Subsidiari ialah dengan menggunakan kaedah pengambilalihan.

Perbezaan antara kos pengambilalihan dan nilai saksama aset Syarikat Subsidiari pada tarikh pengambilalihan akan dilunaskan kepada akaun pendapatan dan perbelanjaan pada tahun pengambilalihan.

2.3 PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

Sebuah Syarikat Subsidiari adalah syarikat di mana Universiti mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang melebihi 50%. Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari dinyatakan pada kos dan akan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat daripada penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara. Penurunan nilai pelaburan tersebut dikenakan kepada penyata pendapatan.

2.4 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul kecuali bagi tanah milik bebas.

Tanah yang diberi oleh kerajaan diambilkira pada nilai RM1.00 setiap lot.

Bangunan yang diberi oleh kerajaan dipermodalkan pada nilai nominal sebanyak RM100.00 setiap bangunan.

Aset tetap yang berharga RM3,000.00 dan ke atas bagi setiap unit dipermodalkan.

Pembaikan bangunan yang kosnya melebihi RM300,000.00 akan dipermodalkan.

Susutnilai atas hartanah, loji dan peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos setiap aset di sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Tanah milik bebas tidak dilunaskan. Tanah pegangan pajakan dilunaskan samarata di sepanjang baki tempoh pajakan.

Kadar susutnilai tahunan yang digunakan untuk hartanah, loji dan peralatan lain adalah seperti berikut:

Infrastruktur dan Kemudahan	5%
Bangunan atas tanah milik bebas	5%
Bangunan atas tanah pajakan	5%
Pengubahsuaian	10%
Perabot dan Kelengkapan	12% - 33 1/3%
Kenderaan	20%
Alat tetap lain	20%

Susutnilai bagi hartanah, loji dan peralatan dikenakan kepada Kumpulan Wang masing-masing.

Apabila petunjuk penurunan nilai wujud, maka nilai dibawa aset ditaksir dan diturunkan dengan serta merta kepada jumlah yang boleh dikutip semula.

2.5 KERJA DALAM KEMAJUAN

Kerja dalam kemajuan meliputi bangunan yang sedang didirikan dan lain aset yang belum disempurnakan. Susutnilai tidak dikenakan ke atas kerja dalam kemajuan.

2.6 PELABURAN JANGKA PANJANG

Pelaburan Jangka Panjang dinyatakan pada kos, pelaburan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat daripada penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara dan penurunan nilai pelaburan dikenakan kepada penyata pendapatan.

2.7 PELABURAN DALAM HARTANAH PAJAKAN

Pelaburan dalam hartanah pajakan terdiri daripada tanah dan bangunan pajakan yang dipegang bertujuan untuk potensi pelaburan semula atau penyewaan. Pelaburan hartanah dinyatakan pada kos dan di pegang untuk tujuan pelaburan jangka panjang.

2.8 PELABURAN JANGKA PENDEK

Pelaburan Jangka Pendek dinyatakan pada kos. Pelaburan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara dan penurunan nilai tersebut dikenakan kepada penyata pendapatan. Saham bonus yang diterima akan diambilkira pada RM1.00 seunit.

2.9 INVENTORI

Inventori ubat-ubatan, alat guna habis dan bahan kimia dinyatakan pada kos. Kos ditentukan secara kaedah purata wajar.

Inventori kad elektronik dinyatakan pada antara kos dan nilai yang boleh realis bersih. Kos ditentukan secara kaedah masuk - dahulu - keluar - dahulu (FIFO). Kos inventori termasuk kos pembelian asal dan kos lain yang boleh dikenalpasti untuk membawa inventori ke lokasi dan dalam keadaan semasanya.

2.10 PENGHUTANG

Penghutang dibawa ke dalam akaun adalah pada jangkaan nilai yang boleh direalis. Hutang yang dikenalpasti sebagai lapuk akan dilupuskan. Elaun untuk hutang ragu akan dibuat untuk hutang yang telah dikenalpasti sebagai ragu berdasarkan kepada penyemakan akhir tahun ke atas hutang lama yang berusia melebihi 1 tahun dan belum dapat dipungut.

Bagi hutang pinjaman pelajar, elaun hutang ragu akan dibuat untuk baki pinjaman yang masih tertunggak pada tahun kedua selepas peminjam menjadi graduan.

Bagi Syarikat Subsidiari, elaun hutang ragu spesifik dibuat untuk hutang yang telah dipertimbangkan dan dijangka tidak akan dipungut.

Jumlah yang kemudiannya dapat dipungut balik akan dikira sebagai pendapatan.

2.11 PERJANJIAN SEWA BELI

Hartanah, loji dan peralatan yang diperolehi di bawah perjanjian sewa beli dipermodalkan pada kos pembelian dan disusutnilaikan mengikut asas yang sama seperti dinyatakan di Nota 2.4. Tanggungan tertunggak berkaitannya yang perlu dibayar di bawah sewa beli selepas pengurangan caj pembiayaan dimasukkan sebagai tanggungan dalam penyata kewangan. Caj pembiayaan diperuntukkan dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh perjanjian.

2.12 PENCUKAIAN TERTUNDA

Pencukaian tertunda dikira mengikut kaedah liabiliti berhubung dengan semua perbezaan masa yang penting kecuali dijangkakan dengan munasabah bahawa kesan pencukaian tertunda tersebut akan berterusan dalam masa depan yang boleh dijangkakan. Faedah pencukaian tertunda hanya diiktiraf apabila terdapat jangkaan realisasi yang munasabah pada masa depan yang terdekat.

2.13 PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN

- (i) Pemberian kerajaan diakaunkan atas asas akruan selaras dengan kandungan perjanjian geran kerajaan untuk Belanja Mengurus dan diambilkira dalam Penyata Pendapatan.
- (ii) Pemberian untuk projek-projek penyelidikan E-Science diakaunkan di dalam Kumpulan Wang Penyelidikan E-Science.
- (iii) Pemberian untuk Belanja Pembangunan yang diterima untuk membiayai kos projek modal pembangunan dikreditkan kepada akaun Geran Pembangunan Kerajaan. Amaun dalam akaun ini diagihkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan secara purata garis lurus ke atas jangka masa projek berkenaan.
- (iv) Yuran Universiti diiktiraf berasaskan asas akruan.
- (v) Pendapatan daripada perkhidmatan diiktiraf apabila perkhidmatan selesai disempurnakan.
- (vi) Pendapatan daripada jualan barangan diiktiraf apabila barangan selesai dihantar.
- (vii) Pendapatan daripada kontrak penyelidikan dan pembangunan diiktiraf mengikut kaedah peratusan penyiapan. Sebarang kerugian yang dijangka akan diiktiraf sejauh mana yang boleh ditentukan.
- (viii) Keuntungan atas simpanan secara Islam diiktiraf berdasarkan asas tunai.
- (ix) Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pendapatan tersebut diperolehi.
Pendapatan dividen:
 - (a) Pendapatan dikreditkan ke Kumpulan Wang yang berkenaan sekiranya pelaburan dan simpanan tetap diperuntukkan khas untuk Kumpulan Wang tertentu.
 - (b) Pendapatan diambilkira sebagai pendapatan Universiti bagi pelaburan dan simpanan tetap yang tidak dikhaskan untuk Kumpulan Wang tertentu.
- (x) Sewa diiktiraf berdasarkan asas akruan selaras dengan perjanjian yang telah dipersetujui di antara pihak Universiti dan penyewa.
- (xi) Sumbangan diiktiraf apabila pendapatan itu diterima.
- (xii) Tuntutan bayaran balik mungkir perjanjian diiktiraf apabila surat tuntutan dikeluarkan.

2.14 **LIABILITI CUKAI PENDAPATAN**

Universiti Sains Malaysia adalah dikecualikan dari cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadul 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan dividen.

2.15 **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI**

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada simpanan jangka pendek, baki wang di bank dan tunai dalam tangan.

2.16 **INSTRUMEN KEWANGAN**

Instrumen kewangan yang dinyatakan di dalam Lembaran Imbangan termasuk simpanan tetap di bank - bank berlesen, baki dalam tunai dan di bank, penghutang dan pemiutang. Kaedah pengiktirafan yang digunapakai telah dinyatakan di dalam penyata polisi perakaunan yang berkaitan dengan setiap item yang terlibat.

2.17 **MANFAAT PEKERJA**

(i) **Manfaat Jangka Pendek**

Upah, gaji dan bonus dan sumbangan keselamatan sosial diambilkira sebagai perbelanjaan dalam tahun dimana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Universiti juga telah mengakaunkan bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap yang akan bersara pada tahun berikutnya sebagai liabiliti manfaat pekerja jangka pendek.

(ii) **Pelan Caruman tetap**

Universiti membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi staf yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) bagi staf yang memilih skim pencen. Caruman tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

(iii) **Manfaat Pekerja Jangka Panjang**

Mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007, Universiti telah menerima pakai Standard Perakaunan Malaysia 29 (MASB 29 - Employee Benefits) yang memerlukan bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam penyata pendapatan tahun semasa sebagai perbelanjaan manfaat pekerja dan di dalam Lembaran Imbangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Manfaat Pekerja Jangka Panjang.

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk pekerja yang telah mencapai umur 45 hingga 58 tahun pada tahun kewangan. Pengiraan amaun manfaat pekerja ini adalah berdasarkan bilangan cuti terkumpul sebenar dan kadar gaji serta elaun yang layak pada tahun kewangan.

3 POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan Universiti berupaya memastikan sumber kewangan adalah mencukupi untuk pembangunan aktiviti Kumpulan dan Universiti di samping mengurus risikonya.

Polisi Kumpulan dan Universiti bagi aktiviti yang berisiko kewangan adalah seperti berikut:

(i) **Risiko Kadar Faedah**

Aliran tunai dan pendapatan Kumpulan dan Universiti adalah sebahagian besarnya bebas daripada perubahan kadar faedah pasaran memandangkan Kumpulan dan Universiti tidak mempunyai sebarang pinjaman daripada institusi kewangan berlesen. Pendedahan risiko kadar faedah hanya berlaku daripada simpanan tetap Kumpulan dan Universiti dengan institusi kewangan berlesen. Pendedahan risiko ini juga adalah di paras minima kerana tempoh matang yang pendek untuk kesemua simpanan tetap berkenaan.

(ii) **Risiko Kredit**

Pendedahan risiko kredit adalah tidak ketara untuk Universiti kerana jumlah kredit yang diberi kepada pelanggannya adalah tidak signifikan dan dikawal melalui prosidur yang nyata. Untuk Syarikat Subsidiari, risiko kredit dikawal melalui permohonan kelulusan kredit, had kredit dan prosidur pemantauan kredit. Oleh itu, pihak pengurusan yakin bahawa tiada risiko kredit selain daripada jumlah yang diluluskan dan dibenarkan untuk dikutip.

(iii) **Risiko Pasaran**

Kegiatan utama Universiti adalah untuk meningkatkan mutu pendidikan Negara selaras dengan dasar-dasar Kerajaan dan tidak bertujuan keuntungan. Oleh itu, pendedahan kepada risiko pasaran adalah minima. Aktiviti Syarikat Subsidiari pula terdedah kepada risiko pasaran melalui persaingan dengan lain-lain Syarikat yang menyediakan perkhidmatan yang sama. Walau bagaimanapun risiko ini adalah ketara kerana Syarikat Subsidiari mempunyai hubungan yang rapat dan bekerjasama dengan Unversiti yang berupaya menyediakan kepakaran dan sokongan pada bila-bila masa yang diperlukan.

(iv) **Risiko Kecairan dan Aliran Tunai**

Kumpulan dan Universiti berupaya menyediakan jumlah tunai dan tunai setara yang mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerja. Sebarang lebihan dana akan dilaburkan di dalam simpanan tetap di institusi kewangan berlesen pada kadar faedah yang paling kompetitif.

4 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

KUMPULAN	Tanah / Bangunan*	Infrastruktur Kemudahan	Pengubahsuaian	Kenderaan	Alatan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
KOS						
Pada 1 Januari 2010						
Kumpulan Wang Mengurus	30,247,500	8,633,715	20,342,256	28,156,281	318,214,407	405,594,159
Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	237,092,818	29,063,900	-	-	-	266,156,718
Kumpulan Wang Am	260,060,685	2,660,442	2,078,065	5,393,613	148,592,483	418,785,288
Kumpulan Wang Enterprise	5,389,526	1,875,600	-	1,450,057	9,812,874	18,528,057
Kumpulan Wang Pembangunan	610,395,386	49,325,421	25,644,436	182,231	323,721,962	1,009,269,436
Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan	-	-	-	104,787	58,234,538	58,339,325
Kumpulan Wang Universiti APEX	-	-	2,026,466	-	5,358,745	7,385,211
Usains Holding Sdn Bhd	-	40,708	5,689	271,303	3,938,047	4,255,747
	1,143,185,915	91,599,786	50,096,912	35,558,272	867,873,056	2,188,313,941
Penambahan						
Kumpulan Wang Mengurus	2,154,897	3,311,322	268,141	893,975	19,144,379	25,772,714
Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	-	-	-	-	-	-
Kumpulan Wang Am	-	-	527,842	969,105	15,230,252	16,727,199
Kumpulan Wang Enterprise	-	1,402,537	1,717,190	277,957	2,528,881	5,926,565
Kumpulan Wang Pembangunan	-	7,795,362	4,205,717	79,000	21,371,824	33,451,903
